PERBADANAN PUTRAJAYA

# LAPORAN TAHUNAN PERBADANAN PUTRAJAYA 2016





# LAPORAN TAHUNAN PERBADANAN PUTRAJAYA 2016

# ISI KANDUNGAN


## PERUTUSAN
1. Perutusan Menteri Wilayah Persekutuan 1
2. Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan 2
3. Perutusan Presiden Perbadanan Putrajaya 3

## MAKLUMAT KORPORAT
1. Visi 9
2. Misi 9
3. Dasar Kualiti & Nilai-Nilai Bersama 9
4. Carta Organisasi 10
5. Anggota Perbadanan Putrajaya 11
6. Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya 12
7. Pengurusan Tertinggi Perbadanan Putrajaya 13
8. Jawatankuasa Audit 13
9. Alamat Pejabat Yang Berdaftar 13

## LATAR BELAKANG PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)
1. Penubuhan Perbadanan Putrajaya 15
2. Fungsi Perbadanan Putrajaya 15
3. Aktiviti Utama Mengikut Jabatan: 15
   - i. Pejabat Setiausaha Perbadanan/Jabatan Undang-Undang 15
   - ii. Jabatan Audit dan Kualiti Asurans 15
   - iii. Jabatan Perkhidmatan Korporat 16
   - iv. Jabatan Perkhidmatan Bandar 16
   - v. Jabatan Perancangan Bandar 17
   - vi. Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan 17
   - vii. Jabatan Landskap Dan Taman 18
   - viii. Jabatan Kewangan 18

## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
1. Pendapatan Perbadanan Putrajaya 22
2. Perbelanjaan Perbadanan Putrajaya 23
3. Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan 24
4. Pelaburan dalam Anak Syarikat Subsidiari 24
5. Tanggungan Liabiliti Semasa Perbadanan Putrajaya 25

## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN 26

## PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR
1. Pencapaian Polisi Rancangan Struktur Putrajaya 2025 31
2. Rancangan Tempatan 32
3. Bandar Hijau Putrajaya 32
4. Bandar Selamat 35
5. Local Agenda 21 Putrajaya 37
6. Ekosistem Bandar 39
7. Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Putrajaya 46
8. Kawalan Pembangunan 48
9. Pusat Setempat PPj (OSC 3.0) dan Kelulusan Pelan 48
10. Kawalan Bangunan 50
11. Pengurusan Projek Pembangunan 55

## PERKHIDMATAN PERBANDARAN
1. Pembangunan Perniagaan 57
2. Merinyu Pelesanan 60
3. Sewaan Kemudahan Komuniti 60
4. Sewaan Dewan Persidangan dan Auditorium 61
5. Kuarters Putrajaya 61
6. Penyelenggaraan Kemudahan Infrastruktur 62
7. Stor Utama Perbadanan Putrajaya 64
8. Pengurusan Keselamatan dan Kebersihan Premis Makanan 64
9. Kawalan Vektor dan Penyakit Berjangkit 65
10. Kawalan Kacau Ganggu dan Persekitaran 65
11. Program Bersepadu Kitar Semula 67




## PELANCONGAN, PENGANJURAN ACARA DAN PROGRAM KESENIAAN


1. Pelancongan Putrajaya 71
2. Inisiatif Baharu Pelancongan Putrajaya 72
3. Penganjuran Acara Di Putrajaya 73
4. Sorotan Acara Utama 73
5. Program Kesenian di Putrajaya 79


## PENGURUSAN LANDSKAP & TAMAN


1. Putrajaya - Sebuah Bandaraya Taman 79
2. Penyenggaraan Kawasan Landskap 79
3. Pengurusan Konservasi Fauna 81
4. Program membina Hijau 82
5. Program Pertanian Bandar 84
6. Program Penghijauan Putrajaya 85
7. Botani dan Konservasi 86
8. Aktiviti dan Program Taman-Taman Awam Putrajaya 87


## PENGURUSAN PELANGGAN


1. Pengurusan Aduan Awam 93
2. Pengurusan Media 95
3. Pengurusan Lawatan Rasmi 96
4. Pengurusan Permohonan Penggambaran di Putrajaya 97


## PEMBANGUNAN KOMUNITI


1. Program Pembangunan Komuniti 99
2. Sukan Komuniti 102
3. Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya 103


## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI


1. Pekan Strategik PPj 2016 - 2020 105
2. Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 108
3. Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) 109
4. Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 110
5. Pengurusan Sumber Manusia 111
6. Pengurusan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) 113
7. Pengurusan Audit & Kualiti Asurans 117
8. Program Pegawai Muda 118


## PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN


1. Khidmat Perundangan 123
2. Kontrak 123
3. Gubalan 123
4. Pendakwaan 124
5. Litigasi Sivil 124
6. Penguatkuasaan 124


## PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET


1. Penilaian Cukai Taksiran 127
2. Penilaian Sumbangan Membantu Kadar (SMK) 128
3. Pengurusan Tunggakan Cukai Taksiran 128
4. Pengurusan & Perakaunan Aset 129
5. Hartanah, Loji & Peralatan Milik Perbadanan Putrajaya 130
6. Seksyen Pesuruhjaya Bangunan 130


## PRESTASI ANAK SYARIKAT


1. Putrajaya Leisures & Services Group Sdn Bhd (PULSE Group) 137
2. Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd (PAPTT) 137
3. Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB) 138
4. Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn Bhd (Co-X) 138
5. Putrajaya Floria Sdn Bhd (PFSB) 139


## PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT


1. Sijil Ketua Audit Negara 141
2. Laporan Ketua Audit Negara 141
3. Penyata Kedudukan Kewangan 148
4. Penyata Pendapatandan Komprehensif 149
5. Penyata Perubahan Ekuiti 150
7. Penyata Aliran Tunai 152
8. Nota-nota Kepada Penyata Kewangan 153




# Perutusan MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN




YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
Menteri Wilayah Persekutuan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam 1Malaysia dan Salam Wilayahku Ceria.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Perbadanan Putrajaya telah mencapai serta melaksanakan peranan dan tugas sepanjang tahun 2016 dengan jayanya. Saya amat bersyukur serta berbangga dengan usaha gigih yang dipamerkan oleh semua warga Perbadanan Putrajaya. Kejayaan yang terhasil dapat dikongsikan dengan semua melalui penerbitan Laporan Tahunan 2016 ini.

Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengurusan tertinggi Perbadanan Putrajaya di atas komitmen dan kerjasama dalam menerajui pentadbiran ini. Semoga segala usaha yang diberi mendapat keredaan Allah S.W.T. Kita juga perlu meneruskan amalan nilai integriti agar dapat menjadikan Perbadanan Putrajaya sebuah organisasi yang telus dan disegani.

Usaha kerja berpasukan dalam Perbadanan Putrajaya wajar diteruskan agar dapat memberi manfaat kepada warga Putrajaya. Tambahan pula, penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan sahsiah peribadi yang positif sesuai dengan persekitaran bekerja adalah perlu diamalkan secara berterusan.

Semoga dengan penerbitan Buku Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2016 dapat memberi gambaran sepenuhnya mengenai pencapaian organisasi ini. Didoakan warga Perbadanan Putrajaya dapat meneruskan tanggungjawab dengan penuh dedikasi bagi mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan pada masa hadapan.

Terima kasih dan salam hormat.

Usaha kerja berpasukan dalam Perbadanan Putrajaya wajar diteruskan agar dapat memberi manfaat kepada warga Putrajaya. Tambahan pula, penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan sahsiah peribadi yang positif sesuai dengan persekitaran bekerja adalah perlu diamalkan secara berterusan.



# Perutusan
# KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

YBHG. DATUK SERI ADNAN
BIN HJ. MD IKHSAN
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Malaysia Negaraku dan Salam Wilayahku Ceria.

Bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya kita dapat terus menyumbang kepada pembangunan dan kelestarian bandar raya Putrajaya.

Syabas dan tahniah kepada Perbadanan Putrajaya kerana telah berjaya menghasilkan Laporan Tahunan bagi tahun 2016. Penerbitan Buku Laporan Tahunan ini diharap dapat memberi gambaran dan penerangan yang jelas mengenai pengurusan bandar raya Putrajaya ini kepada warga Putrajaya khususnya dan kepada orang awam amnya.

Sepanjang tahun 2016, Perbadanan Putrajaya telah berjaya memperkasakan pelbagai aspek termasuk perancangan dan pembangunan, perkhidmatan perbandaran, pelancongan, komersil, pengurusan aduan, dan pembangunan komuniti.

Putrajaya kini semakin dikenali ramai sama ada dari dalam mahupun luar negara. Oleh itu, ia menjadi cabaran yang besar kepada Perbadanan Putrajaya dalam memberikan perkhidmatan supaya ia setanding dengan bandar raya-bandar raya cemerlang di dunia.

Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada semua warga Perbadanan Putrajaya yang sentiasa berusaha memantapkan integriti dan sahsiah diri. Semoga Perbadanan Putrajaya dapat merealisasikan matlamat demi kemajuan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

Sepanjang tahun 2016, Perbadanan Putrajaya telah berjaya memperkasakan pelbagai aspek termasuk perancangan dan pembangunan, perkhidmatan perbandaran, pelancongan, komersil, pengurusan aduan, dan pembangunan komuniti.



# Perutusan PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA

YBHG. DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL
Presiden Perbadanan Putrajaya

**Bagi mewakili Anggota Perbadanan Putrajaya, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk tempoh setahun bermula 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016.**

Menjelang tahun 2020 iaitu ke arah negara maju yang berpendapatan tinggi, Perbadanan Putrajaya telah menetapkan visi dan matlamatnya iaitu "Ke Arah Putrajaya Mampan 2020". Bagi merealisasikan visi ini, Perbadanan Putrajaya telah mengeluarkan Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2016-2020 yang bermatlamat untuk menjadikan Putrajaya sebagai perintis bandar hijau di samping memperkasakan pusat-pusat komersil dan menjadikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan unggul. Selain itu Perbadanan Putrajaya juga akan terus mensasarkan pembentukan komuniti Putrajaya yang mampan dengan memberi penekanan kepada kepuasan pelanggan, pembangunan kapasiti dan sistem penyampaian maklumat yang berkesan.

**Putrajaya Sebagai Bandar Contoh.**

Pada tahun 2016, Perbadanan Putrajaya telah berjaya merangkul sebanyak 18 penghargaan dan pengiktirafan dalam pelbagai aspek pengurusan, pentadbiran cemerlang, berinovasi serta kebersihan bandar. Perbadanan Putrajaya memperoleh Penarafan 5 Bintang di dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT), Anugerah International on Quality Control Circle 2016 (ICQCC), Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti 2016 dan Pengiktirafan Amalan Pembangunan Mampan MIP Planning Excellence Awards. Di samping itu, Perbadanan Putrajaya ditempatkan sebagai 8 PBT terbaik di Malaysia serta memenangi RM100,000 dalam Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) dan Anugerah Merit Pengurusan Berinovasi dalam Ecohydrology Management of Lake and Wetland In Putrajaya Urban System (MIP Planning Excellence Award),

Perbadanan Putrajaya juga berjaya mengekalkan Putrajaya sebagai **sebuah bandar yang bersih** dan telah menerima Anugerah MKRA: Enhance the Cleanliness in Federal Territories, Anugerah Tandas Bersih dan Pengiktirafan Bandar Bersih oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Dengan amalan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang oleh warga kerja Perbadanan Putrajaya, Putrajaya telah berjaya menjadi **pilihan utama dalam penganjuran acara** di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Ini dapat dilihat melalui pengiktirafan daripada International Powerman Association "Largest Participation in Powerman World Series" dan Malaysia Book of Records dalam "Largest Participation in Duathlon Championship", "Largest Bird Singing Contest", "First Base Jumper to Jump From Tethered Helium Balloon", "Largest Display of Handmade Fabric Flowers" dan "Most People Sewing Simultaneously".

Kecemerlangan pengurusan dan pentadbiran Putrajaya oleh Perbadanan Putrajaya terus menjadikan Putrajaya bandar raya contoh serta penanda aras di peringkat antarabangsa oleh negara-negara luar di antaranya Korea Selatan, Taiwan, India, Arab Saudi, Ghana, Singapura dan lain-lain dalam perancangan, pengurusan dan pentadbiran sebuah bandar raya. Pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan telah mendorong Perbadanan Putrajaya untuk meningkatkan usaha ke arah transformasi perkhidmatan awam serta amalan budaya kerja inovatif dan proaktif.

**Putrajaya Destinasi Pelancongan yang Vibrant**

Pada tahun 2016, Perbadanan Putrajaya mencatatkan sebanyak 217 penganjuran acara dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Sebanyak 33 acara peringkat antarabangsa, 45 acara peringkat kebangsaan dan 139 acara peringkat Putrajaya telah direkodkan. Antara signature event yang berskala besar yang telah menarik ramai pengunjung adalah Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta (PIHABF 2016), Festival Bunga Dan Taman Diraja Putrajaya 2016 (FLORIA 2016), Putrajaya International Islamic Arts and



Culture Festival (PIIACUF 2016), Light And Motion Putrajaya (LAMPU 2016) dan Ironman 70.3 Putrajaya.

Secara keseluruhannya, jumlah pengunjung telah bertambah sebanyak 22 peratus pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Jumlah pengunjung 2016 adalah seramai lebih kurang 9 juta orang.

**Putrajaya Bandar Hijau**

Perbadanan Putrajaya telah berusaha menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Hijau, sebuah bandar yang komited untuk meningkatkan taraf kehidupan komuniti yang berkualiti, sambil memastikan aktiviti pembangunan bandar dapat mengurangkan tahap pelepasan karbon.

Selaras dengan inisiatif pengangkutan karbon rendah, satu projek bas awam berkuasa elektrik telah dilaksanakan yang merupakan usahasama antara Perbadanan Putrajaya dengan New Energy and Industrial Technology Development Organization (NEDO), Jepun. Tempoh perlaksanaan projek ini adalah 5 tahun bermula daripada 2016 hingga 2021. Sejumlah 11 unit bas berkuasa elektrik akan dibekalkan oleh pihak NEDO kepada Perbadanan Putrajaya secara berperingkat dan 4 unit stesen caj akan disediakan. Ujian untuk bas awam elektrik telah dijalankan pada Disember 2016 dan dijangkakan akan mula beroperasi pada tahun 2017.

Bagi tujuan meningkatkan lagi penggunaan basikal sebagai salah satu alternatif mod pengangkutan karbon rendah di Putrajaya, kemudahan laluan basikal sedia ada telah ditambahbaik. Laluan khas basikal sepanjang 24km yang melibatkan Persiaran Perdana (Presint 1-5), laluan utama Presint 8, 9 dan 18 telah dinaiktaraf untuk meningkatkan lagi keselesaan dan keselamatan pengguna. Projek penambahbaikan laluan khas basikal ini melibatkan kerja-kerja utama seperti penukaran bahan binaan laluan basikal kepada jenis anti skid yang dihasilkan daripada gelas kitar semula, pemasangan lampu-lampu isyarat untuk laluan basikal dan penambahbaikan 'drop curb'.

**Perancangan dan Pembangunan**

Aspirasi untuk mencapai status Bandar Raya Mampan dengan ekonomi yang mampan memerlukan pendekatan pengurusan gunatanah yang responsif dan juga sistem kawalan pembangunan yang efektif. Sehingga kini, Perbadanan Putrajaya telah meluluskan pemajuan hampir 80% daripada gunatanah di Putrajaya. Kebanyakan pembangunan yang telah diluluskan adalah bagi kegunaan pejabat kerajaan, perumahan dan kemudahan awam.

Perbadanan Putrajaya juga terus menggalakkan pembangunan komersil yang kini telah mencapai lebih kurang 12% dan sasaran akan ditingkatkan lagi untuk mengimbangi pembangunan Putrajaya supaya berdaya maju bagi menyokong asas ekonomi bandar yang mampan.

Pada tahun 2016, pembangunan bangunan baru telah diperakukan melalui Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi pembangunan kompleks pejabat yang dikenali sebagai Kompleks Islam Putrajaya. Selain daripada itu, Perbadanan Putrajaya juga turut mengeluarkan CCC bagi pembangunan 16 unit Tadika/Taska di Presint 18, Putrajaya yang telah beroperasi sepenuhnya bagi mengatasi masalah kekurangan tadika/taska di Putrajaya.

**Projek Khas**

Dalam tahun 2016, Perbadanan Putrajaya berpeluang untuk berkolaborasi dengan agensi di peringkat antarabangsa dan domestik dalam melaksanakan projek khas iaitu pembinaan Jambatan Laluan Pejalan Kaki "Glulam Timber Pedestrian Bridge", yang menghubungkan Presint 1 & Presint 16 dan pembinaan Taman Persahabatan Malaysia - China di Dongguan, China.

Projek jambatan laluan pejalan kaki ini merupakan projek kerjasama di antara Perbadanan Putrajaya dan Malaysian Timber Council (MTC) yang bertujuan mengukuhkan usaha untuk menggalakkan penggunaan kayu serta berkongsi teknologi dalam bidang kejuruteraan kayu (timber engineering) dan menghasilkan pembinaan yang mesra alam (sustainable development and resources).

Taman Persahabatan China - Malaysia merupakan taman yang dibina bersama-sama dengan pihak Republik Rakyat China bagi meraikan tempoh persahabatan di antara kedua-dua negara yang telah mencecah 40 tahun. Bagi memperingati ulang tahun ini, sebuah taman telah didirikan di Anjung Floria pada tahun 2014. Perbadanan Putrajaya telah menghasilkan reka bentuk bangunan rumah melayu bagi Taman Persahabatan Malaysia – China di Taman Botani, Dongguan, China yang akan dibina pada tahun 2017.

**Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)**

Perbadanan Putrajaya merupakan salah satu agensi pelaksana yang diamanahkan untuk merancang, membangun dan menguruskan PPA1M bagi kawasan Putrajaya dengan anggaran 17,530 unit secara keseluruhannya. Terdapat 9 projek pembangunan PPA1M Putrajaya Fasa 1 yang kini sedang giat dibangunkan di Putrajaya iaitu PPA1M Palma, Melinjau, Jintan, Larai, Seruling, Selasih, Pudina, Kasturi dan Ketumbar.



## Putrajaya Bandar Selamat

Berdasarkan statistik indeks jenayah IPD Putrajaya, terdapat penurunan kadar indeks jenayah sebanyak 11.03% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 (290 kes).

Perbadanan Putrajaya telah bersama-sama dengan sektor korporat dalam program Corporate Social Resposibility (CSR) membangunkan projek Pemasangan Pagar Keselamatan di kawasan perumahan Presint 10 dan kawasan perumahan di P15H, Presint 15. Selain daripada itu, sebanyak 7 program dan aktiviti bandar selamat dianjurkan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan penduduk di Putrajaya.

## Komuniti Mampan Putrajaya

Pada tahun 2016, sebanyak 37 program telah dilaksanakan di bawah Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya. Setiap agenda yang dibentuk merangkumi dan meliputi aspek inisiatif amalan gaya hidup teknologi hijau, pemeliharaan alam sekitar, program sosial dan ekonomi.

Program Pertanian Bandar Putrajaya (Putrajaya Urban Farming) sebuah projek perintis perkongsian pintar di antara Perbadanan Putrajaya, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Koperasi Komuniti Penduduk Putrajaya Berhad (KKPP) merupakan satu kaedah participation, engagement dan empowerment yang mampu memperkasakan komuniti melalui penglibatan penduduk dalam aktiviti pertanian berteknologi fertigasi yang mudah dijalankan di kawasan bandar. Program Putrajaya Urban Farming 2016 diteruskan dari musim ke-5 hingga musim ke-7 dengan penanaman sayur-sayuran, rock melon dan cili Kulai di Kebun Komuniti 1, Presint 9 manakala di Kebun Komuniti 2, Presint 8 dengan penanaman sayur-sayuran dan rock melon.

Perbadanan Putrajaya juga dengan kerjasama Kementerian Wilayah Pesekutuan telah melaksanakan 12 kursus di bawah program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) pada tahun 2016 bertujuan meningkatkan ekonomi dan melahirkan usahawan Bumiputera di kawasan Putrajaya. Melalui program ini juga, peserta didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta diterapkan dengan etika perniagaan yang progresif.

Selain itu, sebanyak 19 program pembangunan masyarakat dan 31 program sukan dan aktiviti riadah telah dianjurkan sepanjang tahun 2016 dalam menggalakkan keharmonian hidup dan perpaduan di kalangan warga Putrajaya.

## Pengurusan Taman dan Landskap

Seiring dengan status sebagai Bandar Flora Berbunga, Putrajaya mempunyai 13 buah taman-taman awam yang mana setiap taman mempunyai keunikan dan konsep yang tersendiri. Dari jumlah tersebut, 6 buah taman telah beroperasi sepenuhnya. Taman-taman awam Putrajaya juga turut dijadikan pilihan penganjur untuk melaksanakan program dan acara. Berdasarkan rekod, taman-taman di Putrajaya telah menerima seramai 962,685 orang pelawat untuk tahun 2016.

## Biodiversiti di Putrajaya

Pemantauan merekodkan penemuan 138 spesis burung, 12 spesis amfibia, 11 spesis reptilia, 10 spesis mamalia dan 928 spesis serangga. Daripada 138 spesis burung yang ditemui, sebanyak 34 spesis adalah burung hijrah (migratory birds) yang singgah di Putrajaya pada bulan Oktober hingga Disember 2016 khususnya di sel Upper Bisa, Presint 16.

Spesis baharu yang ditemui adalah 10 spesis burung dan 2 spesis amfibia jenis katak yang pertama kalinya dikesan di kawasan tasik dan wetland Putrajaya.

Populasi sekumpulan Memerang Bulu Licin (Smooth-coated Otter) yang berjumlah lebih 15 ekor dari kumpulan mamalia akuatik yang disenaraikan spesis terancam kepupusan global oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN), masih lagi selesa menjadikan Sel Wetland Upper Bisa (UB) sebagai habitat mereka sejak pertama kali dikesan pada 2010. Persampelan ikan yang dilaksanakan pada Ogos dan Disember 2016 merekodkan 17 spesis termasuklah Kelah, Temoleh dan Tenggalan.

Kewujudan kepelbagaian flora dan fauna ini menjadi petunjuk biologi yang baik dan menunjukkan bahawa ekosistem akuatik wetland buatan adalah habitat yang kondusif kepada pelbagai spesis haiwan. Bacaan bagi tahun 2016 merekodkan data purata Indeks Kualiti Air (IKA) 90.0

iaitu dalam julat Kelas II, sesuai untuk aktiviti sukan dan rekreasi air melibatkan sentuhan kulit secara langsung.

**Pembangunan Perniagaan**

Sebanyak 7,389 lesen premis perniagaan dan penjaja telah dikeluarkan sepanjang tahun 2016 menunjukkan peningkatan sebanyak 301% berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 1,842.

Pada tahun 2016, 10 unit kios baharu yang dikenali sebagai Kios D'Harmoni di Presint 9 telah dibina dibawah inisiatif Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Selain itu, Perbadanan Putrajaya telah mewujudkan pusat 'food truck' di Presint 3. Lokasi baharu ini telah menempatkan seramai 15 peniaga 'food truck' yang telah mewujudkan tarikan baharu di Putrajaya. Perbadanan Putrajaya dalam melaksanakan inisiatif Strategi Lautan Biru (NBOS) telah menyokong usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Kementerian Wilayah Persekutuan di dalam Program 1Malaysia Mobile Hawker (1MMH) yang melibatkan sebanyak 10 unit food truck.

**Mengoptimum penggunaan Lot Pejabat/Komersil, Kemudahan Komuniti dan Dewan di Kompleks Perbadanan Putrajaya.**

Dalam usaha untuk menjana hasil, Perbadanan Putrajaya telah mengoptimumkan penggunaan lot-lot pejabat/komersil, kemudahan komuniti dan dewan, dengan menyewakan sebanyak 199 lot pejabat/komersil dengan hasil RM4,776,517.20 pada tahun 2016.

Bagi hasil dari perkhidmatan kemudahan komuniti di setiap pusat kejiranan seperti padang, dewan, gelanggang, kolam dan lain-lain fasiliti yang disediakan di seluruh kompleks kejiranan, pusat pembelajaran kejiranan, kompleks sukan, perkhidmatan perkuburan dan krematorium meningkat sebanyak 3.6% iaitu RM1,707,704.41 berbanding pada tahun 2015 iaitu sebanyak RM 1,646,370.71

Penggunaan kemudahan dewan-dewan seperti Dewan Seri Melati, Dewan Seri Siantan, Auditorium Cempaka Sari dan Dewan Seri Seroja turut menyediakan ruang untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti majlis perkahwinan, mesyuarat agong, persembahan, konsert dan sebagainya. Untuk tahun 2016, hasil kutipan sewaan dewan-dewan tersebut telah menunjukkan peningkatan sebanyak 14% iaitu RM1,813,520.18 berbanding pada tahun 2015 sebanyak RM1,554,395.06.

**Kesihatan Persekitaran**

Perbadanan Putrajaya telah berjaya melaksanakan sejumlah 1,202 pemeriksaan dan kawalan ke semua premis makanan dan lain-lain premis berkaitan seperti taska, tadika, sekolah, kedai runcit, pasar raya dan kantin sementara di Putrajaya. Secara keseluruhan, 192 premis makanan dikategorikan sebagai gred A, 96 premis gred B dan 32 masih diperingkat penggredan.

Terdapat peningkatan kejadian kes Demam Denggi (DD) iaitu 523 kes yang didaftarkan berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 275 kes. Peningkatan kes pada tahun 2016 adalah sebanyak 90.2% berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, kesemua 523 kes adalah Demam Denggi dan tiada kes Demam Denggi Berdarah dilaporkan.

Perbadanan Putrajaya telah menjalankan sebanyak 237 operasi kawalan kucing dan anjing liar serta 9 operasi kawalan burung gagak pada tahun 2016. Hasil operasi berjaya membuat tangkapan sejumlah 469 ekor, seterusnya mengurangkan aduan kacau ganggu anjing, kucing dan gagak yang kerap diterima daripada komuniti kepada 21.9%.

**Pengurusan Sisa Pepejal dan Kitar semula**

Selaras dengan sahutan kerajaan untuk mengurangkan pembuangan sisa pepejal serta memenuhi sasaran kadar



kitar semula nasional 22%, Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan 20 program bersepadu kitar semula yang melibatkan komuniti Putrajaya bersama agensi pelaksana di antaranya program kutipan kitar semula bergerak, Butik Kitar Semula, Program Wastewise dan Program Kits (sekolah).

Secara keseluruhannya, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada tahun 2016 adalah sebanyak 2,383,127 kg. Jumlah ini adalah meningkat berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 2,233,703 kg.

Jumlah sisa pepejal yang dijana pada tahun 2016 adalah sebanyak 40,084,800 kg menunjukkan peningkatan berbanding pada 37,613,320 kg pada tahun 2015.

**Pengurusan Aduan Awam**

Pada tahun 2016, Perbadanan Putrajaya telah menerima sebanyak 351 aduan daripada pelbagai kategori dan sumber. Peningkatan sebanyak 19% berbanding tahun sebelumnya adalah disebabkan oleh peralihan data kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang telah mula beroperasi pada April 2015.

Perbadanan Putrajaya telah berjaya menyelesaikan semua aduan yang diterima sepanjang 2016. 96% aduan berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang dari 15 hari manakala 4% aduan telah diselesaikan dalam tempoh kurang dari 2 bulan.

Pencapaian ini melebihi sasaran 75% dalam tempoh kurang dari 15 hari yang ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, sasaran 65% penyelesaian aduan dalam tempoh kurang dari 15 hari yang ditetapkan oleh Biro Pengurusan Aduan Awam (BPA) dan sasaran 80% aduan selesai kurang dari 15 hari dalam objektif MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya.

**Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008**

Pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001:2008 masih berkuatkuasa dari 21 Mac 2016 sehingga 14 September 2018. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 5 prosedur kualiti telah digugurkan menjadikan jumlah prosedur kualiti di Perbadanan Putrajaya sebanyak 62 prosedur. Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 di Perbadanan Putrajaya telah dapat diterima sebagai satu budaya kerja.

**Pengurusan ICT**

Perbadanan Putrajaya telah mengambil inisiatif untuk memberi perkhidmatan yang efisien kepada komuniti dan pengguna awam iaitu membuat penambahbaikan Outdoor Wifi Access Point sedia ada pada Ogos hingga Disember 2016. Sebanyak 32 unit Outdoor Wifi Access Point sedia ada telah dinaiktaraf untuk menyokong keperluan terkini. Naiktaraf tersebut melibatkan beberapa lokasi iaitu Dewan & Pusat Pembelajaran Presint 8, Medan Selera Presint 9, Taman Pancarona Presint 18, Bangunan DCA, Menara Usahawan, Dataran Putrajaya, Tiang CCTV 31, 32, 33, 36 dan sebagainya.

Perbadanan Putrajaya juga telah membangunkan sistem Mass Appraisal untuk digunakan oleh Bahagian Penilaian dan Pengurusan Aset, Perbadanan Putrajaya untuk memeriksa dan melaksanakan penilaian semula terhadap setiap hartanah di W.P Putrajaya. Sistem ini juga boleh melaksanakan analisis statistik berterusan ke atas jualan hartanah dan penilaian semasa untuk menentukan sama ada nilai taksiran adalah selaras dengan nilai aset semasa.

Selain daripada itu, Perbadanan Putrajaya juga telah membangunkan sistem mobile enforcement bagi memudahkan penguatkuasa Perbadanan Putrajaya untuk mengeluarkan kompaun kesalahan trafik di Putrajaya. Secara purata, penggunaan hand held ini telah menunjukkan hasil yang baik di mana jumlah pengeluaran kompaun telah meningkat sebanyak 3,598 kompaun pada tahun 2016 berbanding 2,825 kompaun pada tahun 2015.

**Penguatkuasaan dan Perundangan**

Penguatkuasaan undang-undang oleh Perbadanan Putrajaya merangkumi pelbagai aspek seperti lalu lintas, ketenteraman, keselamatan orang dan harta awam, kebersihan, perniagaan, ubahsuai bangunan dan aspek sosial. Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah bagi mendidik orang awam supaya menghormati dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di Putrajaya seterusnya memastikan Putrajaya menjadi sebuah bandar yang teratur dan terurus serta menjadi bandar contoh dalam pematuhan undang-undang dan peraturan di kalangan penduduk, warga kerja, pelawat serta pelancong yang berkunjung ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini.

Berdasarkan statistik penguatkuasaan Perbadanan Putrajaya, kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 merupakan jenis kesalahan yang mencatatkan bilangan kes paling tinggi sepanjang tahun 2016 iaitu sebanyak 36,223 kesalahan.

Sehingga tahun 2016, sebanyak 16 perundangan sedang dalam proses penggubalan dan masih diperingkat jabatan pelanggan untuk pertimbangan perkara-perkara dasar atau di peringkat semakan Penasihat Undang-Undang Kementerian Wilayah Persekutuan atau Penggubal Jabatan Peguam Negara.

**Pengurusan Cukai Taksiran**

Pada tahun 2016, sebanyak 9,127 pegangan harta telah dikenakan cukai taksiran. Jumlah nilai Cukai Taksiran bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM29,784,895 iaitu peningkatan kecil sebanyak 0.78% berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM29,551,641. Perbadanan Putrajaya telah berjaya mengutip cukai taksiran sebanyak 94.98% untuk tahun 2016.

**Prestasi Kewangan**

Kedudukan kewangan Perbadanan Putrajaya menunjukkan jumlah aset pada tahun 2016 berjumlah RM3.86 bilion iaitu penurunan sebanyak RM203.1 juta atau 4.99% berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM4.07 bilion. Ini disebabkan oleh penurunan sebanyak RM195 juta dalam Simpanan Tetap pada tahun 2016 menjadi RM297 juta berbanding RM492 juta pada tahun 2015.

Perbadanan Putrajaya terus mencatatkan kurangan pendapatan bersih pada tahun 2016 berjumlah RM67.2 juta iaitu menurun sebanyak RM18.3 juta atau 21.4% berbanding kurangan pendapatan RM85.6 juta pada tahun 2015. Kurangan pendapatan yang direkodkan pada tahun 2016 adalah kesan daripada lebihan dalam perbelanjaan

berbanding pendapatan yang diakaunkan dalam tahun 2016. Jumlah pendapatan yang diakaunkan dalam tahun 2016 adalah sebanyak RM476,015,472 manakala jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM543,253,741.

Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang diterima daripada Kementerian Wilayah Persekutuan bagi Geran Penyelenggaraan Bandar Raya, Pengurusan PICC dan Penyelenggaraan Kuarters pada tahun 2016 adalah sebanyak RM160,657,610 setelah ditolak sekatan sebanyak RM1juta daripada jumlah peruntukan sebenar yang diluluskan sebanyak RM161,657,610. Selain itu, Perbadanan Putrajaya juga telah menerima peruntukan sebanyak RM3,182,610 daripada Jabatan Perdana Menteri bagi kerja-kerja penyelenggaraan landskap di Kompleks Seri Perdana Presint 10, Kediaman Rasmi Timbalan Perdana Menteri Seri Satria Presint 16, Kompleks JPM Parcel B dan Bangunan Puspanitapuri mulai Ogos 2016.

Perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya masih merupakan komponen perbelanjaan terbesar Perbadanan. Komponen perbelanjaan ini menyumbang sebanyak RM341,759,258 atau 62.9% kepada keseluruhan perbelanjaan Perbadanan. Perbelanjaan penyelenggaraan Putrajaya merujuk kepada perbelanjaan yang terlibat bagi tujuan penyelenggaraan keseluruhan Putrajaya termasuk penyelenggaraan landskap, taman-taman kemudahan awam, pembersihan sisa pepejal, tasik Putrajaya, pengurusan dan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan penyelenggaraan kuarters Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH).

## UCAPAN PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua serta berkat usaha gigih yang ditunjukkan oleh semua warga Perbadanan Putrajaya, semua aktiviti yang dirancang sepanjang tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sokongan padu dan semangat kerja berpasukan yang tinggi di kalangan warga Perbadanan Putrajaya telah berjaya mengharumkan nama Perbadanan Putrajaya dan Bandar Raya Putrajaya di persada dunia apabila telah menerima banyak anugerah dan pengiktirafan sama ada di peringkat kebangsaan dan juga peringkat antarabangsa. Adalah diharapkan semua warga Perbadanan Putrajaya dapat bersama-sama meningkatkan kualiti perkhidmatan serta membudayakan inovasi, agar ianya dapat menyumbang ke arah peningkatan hasil dan pada masa yang sama memenuhi keperluan pelanggan dan masyarakat. Komitmen ini amatlah penting agar Perbadanan Putrajaya dapat membangunkan Bandar Raya ini dengan lebih terancang dan seterusnya merealisasikan visi dan misi Putrajaya Mampan menjelang tahun 2020.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Anggota Perbadanan Putrajaya dan Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah kepimpinan YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor yang sentiasa memberi dorongan dan kerjasama yang padu kepada Perbadanan Putrajaya.

Akhir sekali saya mendoakan semoga Perbadanan Putrajaya akan terus maju sebagai sebuah organisasi contoh yang dihormati dan menjadi kebanggaan negara.

**Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail**
Presiden Perbadanan Putrajaya



## Visi

Ke Arah Putrajaya Mampan 2020

## Misi

Menerajui Perancangan Pembangunan dan Perkhidmatan Perbandaran untuk Kesejahteraan Putrajaya Melalui Tadbir Urus Cekap dan Berkesan

### Dasar Kualiti

Membina Organisasi Yang Berprestasi Tinggi, Cekap, Mesra Pelanggan Dan Mengamalkan Tahap Tadbir Urus Dan Integriti Yang Sangat Baik

### Nilai-Nilai Bersama

1. Kami mengutamakan pelanggan dan komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti
2. Kami sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilaksanakan
3. Kami bekerja dalam satu pasukan dan keupayaan bersama
4. Kami mendukung dan mengamalkan integriti pada setiap masa
5. Kami prihatin kepada komuniti dan alam sekitar

## 1 Pejabat PRESIDEN

## 2 Jabatan UNDANG-UNDANG

## 3 Jabatan AUDIT DAN KUALITI ASURANS

## 4 Jabatan PERKHIDMATAN KORPORAT

i. Pejabat Naib Presiden
ii. Bahagian Pentadbiran
iii. Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi
iv. Bahagian Komunikasi Korporat
v. Bahagian Sumber Manusia
vi. Bahagian Pengurusan Strategik

## 5 Jabatan PERKHIDMATAN BANDAR

i. Pejabat Naib Presiden
ii. Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan & Pelesenan
iii. Bahagian Perkhidmatan Komuniti
iv. Bahagian Penguatkuasa
v. Bahagian Kesihatan Persekitaran

## 6 Jabatan PERANCANGAN BANDAR

i. Pejabat Naib Presiden
ii. Bahagian Pembangunan Tanah & Kelulusan Pelan
iii. Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland
iv. Bahagian Senibina & Inspektorat Bangunan
v. Bahagian Pembangunan Mampan

## 7 Jabatan KEJURUTERAAN DAN PENYELENGGARAAN

i. Pejabat Naib Presiden
ii. Bahagian Pengurusan Projek
iii. Bahagian Jalan
iv. Bahagian Pengurusan Fasiliti

## 8 Jabatan LANDSKAP DAN TAMAN

i. Pejabat Naib Presiden
ii. Bahagian Taman & Rekreasi
iii. Bahagian Interpretif & Pendidikan Taman
iv. Bahagian Pengurusan Kawalan Lanskap
v. Bahagian Botani

## 9 Jabatan KEWANGAN

i. Pejabat Naib Presiden
i. Bahagian Pengurusan Kewangan
ii. Bahagian Penilaian & Pengurusan Aset
iii. Bahagian Perolehan & Ukur Bahan
iv. Bahagian Pelaburan, Pengurusan Anak Syarikat & Kawalan Kredit

# Anggota PERBADANAN PUTRAJAYA

5 6 7 8



4 2 1 3

1 **YBhg. Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail**
Pengerusi Perbadanan Putrajaya

2 Wakil Negeri Selangor
**YAD. Tengku Seri Wangsa DiRaja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shahruddin Shah Alhaj**

3 Wakil Negeri Selangor
**YDH. Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi**

4 Wakil Kerajaan Persekutuan
**YBhg. Datuk Seri Hashmuddin bin Mohammad**
(Kementerian Kewangan Malaysia)

5 Wakil Kerajaan Persekutuan
**YBhg. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff**
(Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri)

6 Wakil Kerajaan Persekutuan
**Encik Ruzain bin Idris**
(Kementerian Wilayah Persekutuan)

7 Wakil Swasta
**YBhg. Dato' Haji Nordin bin Haji Hasan**
(Growth Avenue Sdn Bhd)

8 Wakil Swasta
**YBhg. Dato' Mustafha bin Haji Abd. Razak**
(Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad)

Anggota Perbadanan Putrajaya terdiri daripada:

- Presiden Perbadanan Putrajaya yang bertindak sebagai Pengerusi
- 3 orang wakil Kerajaan Persekutuan
- 2 orang wakil Kerajaan Negeri Selangor
- 2 orang wakil swasta

Komposisi tersebut adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 5(1) Akta Perbadanan Putrajaya. Senarai Anggota Perbadanan Putrajaya sepanjang tahun 2016 adalah sebagaimana berikut:

| Bil. | Agensi | Anggota | Tempoh Lantikan |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengerusi Perbadanan | YBhg. Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail | 1.8.2015- 31.7.2017 |
| 2. | Wakil Negeri Selangor | YAD. Tengku Seri Wangsa DiRaja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shahruddin Shah Alhaj | 7.4.2016 - 6.4.2019 |
| 3. | Wakil Negeri Selangor | YDH. Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi | 7.4.2016 - 6.4.2019 |
| 4. | Wakil Kerajaan Persekutuan | YBhg. Datuk Seri Hashmuddin bin Mohammad (Kementerian Kewangan Malaysia) | 28.1.2009 - 31.7.2017 |
| 5. | Wakil Kerajaan Persekutuan | YBhg. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri) | 21.11.2011 - 28.11.2016 |
| 6. | Wakil Kerajaan Persekutuan | Encik Ruzain bin Idris (Kementerian Wilayah Persekutuan) | 1.7.2016 – 31.7.2017 |
| 7. | Wakil Swasta | YBhg. Dato' Haji Nordin bin Haji Hasan (Growth Avenue Sdn Bhd) | 1.8.2014 – 31.7.2017 |
| 8. | Wakil Swasta | YBhg. Dato' Mustafha bin Haji Abd. Razak (Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad) | 15.12.2015 – 31.7.2017 |

Bilangan Mesyuarat Anggota

| Bil. | Mesyuarat | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Tahun 2016 | 23 Februari 2016 |
| 2. | Tahun 2016 | 28 April 2016 |
| 3. | Tahun 2016 | 30 Jun 2016 |
| 4. | Tahun 2016 | 25 Ogos 2016 |
| 5. | Tahun 2016 | 27 Oktober 2016 |
| 6. | Tahun 2016 | 15 Disember 2016 |

Bilangan Resolusi

| Bil. | Mesyuarat | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Tahun 2016 | 17 Mac 2016 |
| 2. | Tahun 2016 | 20 Jun 2016 |

# Pengurusan Tertinggi Perbadanan Putrajaya




1 **YBhg Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail**
Presiden Perbadanan Putrajaya

2 **YBhg. Datuk Mahiran binti Md. Isa**
Naib Presiden / Setiausaha
Jabatan Undang-Undang

3 **YBhg. Dato' Rogaizat bin Abdullah**
Naib Presiden
Jabatan Perkhidmatan Korporat

4 **YBhg. Datuk Azizi bin Ahmad Termizi**
Naib Presiden
Jabatan Perkhidmatan Bandar
Mulai 9.5.2016

YBhg. Dato' Omairi bin Hashim
Sehingga 8hb Mei 2016

5 **Tn. Hj. (Ir.) Razali bin Jarmin**
Naib Presiden
Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan

6 **YBhg. Dato' Fadlun bin Mak Ujud**
Naib Presiden
Jabatan Perancangan Bandar

7 **Tn. Hj. (LAr.) Baharuddin bin Aziz**
Naib Presiden
Jabatan Landskapdan Taman

8 **Encik Kamaruddin bin Dolmat**
Naib Presiden
Jabatan Audit dan Kualiti Asurans

9 **Encik Nik Shukri bin Nik Soh**
Naib Presiden
Jabatan Kewangan




**Jawatankuasa Audit**
Senarai keahlian Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya (JAPPj) untuk tahun 2016 adalah seperti berikut:

**Pengerusi**
YBhg. Dato' Haji Mustafha bin Haji Abdul Razak
Pengarah Urusan/Presiden,
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

**Ahli**
YBhg. Datuk Seri Hashmuddin bin Mohammad
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan),
Kementerian Kewangan

YBhg. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri

**Alamat Pejabat Yang Berdaftar**

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Putrajaya
MALAYSIA

# Latar Belakang
# PERBADANAN PUTRAJAYA




Perbadanan Putrajaya ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 1996. Tujuan penubuhan Perbadanan Putrajaya adalah mengurus dan mentadbir Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**FUNGSI PERBADANAN PUTRAJAYA**

Fungsi Perbadanan Putrajaya sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 4 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536] merangkumi perkara-perkara berikut:

(a) Melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;

(b) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;

(c) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersil, pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya; dan

(d) Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (b) dan (c) di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Aktiviti Utama Mengikut Jabatan:**

**i. Pejabat Setiausaha Perbadanan/ Jabatan Undang-Undang**

- Memberi khidmat kesetiausahaan kepada Anggota Perbadanan termasuk menyediakan dan menyemak kertas-kertas mesyuarat yang akan dibentangkan ke Mesyuarat Anggota Perbadanan
- Memberi nasihat undang-undang berkenaan perkara yang dirujuk oleh Perbadanan Putrajaya dan yang berkaitan anak-anak syarikat milik Perbadanan Putrajaya
- Membuat penyelidikan undang-undang
- Mengkaji, menyemak dan mendraf dokumen undang-undang bagi memastikan kepentingan Perbadanan Putrajaya dilindungi (seperti dokumen perjanjian, memorandum persefahaman, Tender, Request for Proposal dan Sebut Harga)
- Menggubal rang undang-undang prinsipal dan undang-undang subsidiari
- Meminda dan mengubahsuai undang-undang sedia ada
- Menyediakan kes dan menjalankan pendakwaan di mahkamah
- Mengendalikan rayuan kompaun
- Menyelaras pengendalian kes guaman sivil di mahkamah dan timbangtara.

**ii. Jabatan Audit dan Kualiti Asurans**

- Menyediakan Rancangan Audit Tahunan (RAT).
- Mengkaji tahap permatuhan kepada dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang sedang berkuatkuasa.
- Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi.
- Memastikan aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan.
- Menilai penjimatan, kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber-sumber PPj.
- Mengkaji sama ada aktiviti PPj diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan.
- Mengenal pasti masalah dan mengesyorkan langkah-langkah mengatasinya.
- Memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua aspek pengurusan dan pembangunan termasuk ICT.
- Menentukan keberkesanan data pengurusan PPj.

- Merancang dan menyelaras pengurusan risiko.
- Mengurus Auditan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001.
- Melaporkan hasil pengauditan kepada Presiden dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan; dan
- Membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit PPj.
- Membangunkan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (BCM)
- Menjalankan Tugas Berkaitan Integriti Bagi Organisasi

### iii. Jabatan Perkhidmatan Korporat

- Menyediakan Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya dan memantau pencapaian pelan berkenaan.
- Mengurus pencapaian KPI Presidendan KPI Kementerian Wilayah Persekutuan.
- Mengurus pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang PBT dan Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan PBT.
- Mengurus dan melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 dan memastikan ianya dilaksanakan secara berterusan serta menambahbaik pelaksanaannya dari semasa kesemasa.
- Merancang dan menyediakan dasar dan prosedur pengurusan sumber manusia Perbadanan Putrajaya.
- Merancang dan melaksanakan pembangunan organisasi dan urusan perjawatan Perbadanan Putrajaya.
- Merancang dan melaksanakan urusan pengambilan, penempatan dan pertukaran pegawai Perbadanan Putrajaya selaras dengan program pusingan kerja dan pembangunan kerjaya pegawai-pegawai Perbadanan Putrajaya.
- Pembangunan Pelan Strategik ICT Perbadanan Putrajaya dan memantau pencapaian pelaksanaan Pelan Pembangunan Inisiatif ICT.
- Merekabentuk, membangun dan menyelenggara sistem-sistem atau aplikasimengikut fungsi-fungsi utama Perbadanan Putrajaya sebagai PihakBerkuasaTempatan (PBT)
- Pengurusan Keselamatan ICT iaitu Backup/Data Recovery Center (DRC) di Presint 14, Firewall, Intruder Detection System, Anti-virus, ISO 27001:2013 (ISMS) sertaDasarKeselamatan ICT.
- Mengurus dan menganjurkan majlis dan acara rasmi serta menguruskan lawatan dan aktiviti penggambaran.
- Menguruskan promosi pelancongan dan publisiti berkaitan dengan Putrajaya.
- Menguruskan aduan dan khidmat pelanggan.
- Menguruskan perhubungan awam dan media.
- Menguruskan Kombo PPj dan pelbagai program-program kesenian dan kebudayaan; dan
- Mengurus hal-ehwal pengurusan Kompleks PPj, Kompleks Pejabat Kedutaan Presint 15 dan Pangsapuri PPj Presint 11 merangkumi aspek kebersihan, keceriaan, keselamatan dan penyelenggaraan.
- Merancang, mengurus dan mengawal selia pelbagai aktiviti yang meliputi pentadbiran am, aset, prasarana, perkhidmatan keselamatan dan kenderaan pejabat.
- Mengurus hal-ehwal kenderaan dan pengangkutan merangkumi aspek perolehan, tempahan, penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan pejabat, pembaharuan cukai jalan serta pengeluaran waran penerbangan.



### iv. Jabatan Perkhidmatan Bandar

- Menjalankan fungsi-fungsi penguatkuasaan dalam menguatkuasakan undang-undang, peraturan, garis panduan dan undang-undang kecil semasa serta membenteras kelakuan kurang sopan, kegiatan perjudian, laku musnah dan penyalahgunaan kemudahan awam.
- Melaksanakan aktiviti advokasi keselamatan jalan raya kepada komuniti Putrajaya selaras dengan matlamat Sifar Kemalangan Maut Jalan Raya
- Mengadakan latihan/kursus perniagaan kepada peniaga dan penjaja
- Memproses permohonan lesen-lesen Penjaja, Premis Perniagaan, Papan Tanda Perniagaan, Iklan Sementara dan Kafe Luaran di dalam Putrajaya
- Mengurus permohonan serta pelantikan pengusaha/ operator premis perniagaan dan memantau operasi dari segi kebersihan dan penyenggaraan.
- Merancang, melaksana, mentadbir dan menilai dasar, peraturan dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat serta perkhidmatan yang berkaitan dengannya.
- Merancang dan mengurus dasar, garis panduan dan proses yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran operasi perkhidmatan kemudahan masyarakat seperti Kompleks Kejiranan, Pusat Pembelajaran Kejiranan, Tanah Perkuburan serta kemudahan dan peralatan yang berkaitan dengannya.
- Merancang dan melaksanakan dasar, peraturan serta aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan sukan dan rekreasi serta perkhidmatan kemudahan yang berkaitan dengannya.
- Memantau kerja-kerja pembersihan (pungutan sampah berjadual, pemotongan rumput, sapuan jalan dan pembersihan perparitan)
- Melaksanakan program dan aktiviti kitar semula
- Menjalankan penggredan premis makanan
- Menjalankan kawalan vektor nyamukserta kawalan kacau ganggu anjing dan kucing liar



**v. Jabatan Perancangan Bandar**

- Memproses Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) Pendirian Bangunan (SA & PB)
- Menguruskan permohonan melalui Pusat Setempat (OSC).
- Kawalan Perancangan Reka Bentuk Bandar dan memproses permohonan permit bangunan
- Perlaksanaan pembangunan skim perumahan PPA1M di kawasan Putrajaya sebanyak 17,530 unit termasuk skop dan fungsi kerja pengurusan jual beli, pengurusan penyelenggaraan serta aduan penduduk.
- Kawalan Perancangan Reka Bentuk Bandar dan memproses permohonan permit bangunan
- Menyelaras Perlaksanaan Program-program Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya
- Menyediakan Rancangan Struktur Putrajaya 2025 (RSP 2025), Rancangan Tempatan Putrajaya dan lain-lain Penyelidikan Perancangan
- Menyelaras Perlaksanaan Inisiatif Karbon Rendah Bandar Hijau Putrajaya bagi mencapai PGC 2025
- Perancangan, Pengawasan dan Promosi Kesedaran Alam Sekitar, Tasik dan Wetland
- Mengenakan syarat dalam kelulusan Kebenaran Merancang dan menjalankan Penguatkuasaan Alam Sekitar
- Perlaksanaan Sistem Pemantauan dan Pengurusan Tasik dan Wetland Putrajaya (Putrajaya Lake & Wetland Mangement And Monitoring System) PLWMOS
- Mengurus tasik dan Wetland Putrajaya dari aspek perancangan dan pembangunan meliputi kawasan persiaran, pengurusan kawalan tadahan, kawasan persisiran, pembangunan kemudahan awam serta infrastruktur yang berkitan dengan aktiviti tasik.
- Mengawasi operasi penyelenggaraan dan aktiviti di Tasik dan Wetland termasuk pengawasan kualiti air dan biologi, tumbuhan wetland, burung dan ikan.
- Perlaksanaan Inisiatif-inisiatif Bangunan Hijau (Green Building) di Putrajaya
- Memproses Permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan (MB)
- Menjalankan kerja-kerja Inspektorat Bangunan (Penguatkuasaan dan Pemantauan)

**vi. Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan**

- Mengurus, menyelaras serta melaksanakan kerja operasi dan penyelenggaraan serta penambahbaikan pada jalan (termasuk infrastruktur di dalam rezab jalan), jambatan, terowong, cerun, sistem pengairan dan saliran, sesalur kabel ict, lampu jalan, lampu isyarat, tempat letak kereta, taman permainan kanak-kanak, pesisiran tasik, 'common utility trench', terowong monorel/lrt, sistem lalu lintas dan trafik serta lain-lain komponen infrastruktur milik perbadanan putrajaya
- Menguruskan perlaksanaan projek-projek pembangunan jalan dan infrastruktur merangkumi perancangan, perlantikan perunding, rekabentuk, perolehan dan pembinaan sehingga ke peringkat penyerahan projek selaras dengan peruntukan yang diluluskan serta mematuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan
- Mengurus, mentadbir dan menyelia bagi kontrak kerja-kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan



bangunan milik perbadanan putrajaya, kuarters pangsapuri kerajaan,, kompleks kejiranan, medan selera, perpustakaan, pasar, depoh penyelenggaraan, krematorium, pusara negara, dataran pahlawan, taman awam, kemudahan awam dan gelanggang permainan
- Menguruskan perlaksanaan projek-projek bangunan dan kemudahan awam dalam bidang senibina, kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal dan elektrikal yang merangkumi perancangan, perlantikan perunding, penyediaan rekabentuk, pengurusan perolehan dan pembinaan sehingga ke peringkat penyerahan projek selaras dengan peruntukan yang diluluskan , memenuhi kehendak pelanggan serta mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan

**vii. Jabatan Landskap Dan Taman**

- Perancangan dan Pembangunan Taman-taman Awam dan Rekreasi di Putrajaya.
- Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap di Kediaman Rasmi Kompleks Seri Perdana, Sri Satria, Kediaman Rasmi Presiden, Kompleks JPM, Puspanitapuri, 10 buah Taman-taman Awam, 10 Presint-Presint Kejiranan dan Presint Diplomatik, 4.2km Persiaran Perdana (Boulevard), 38 km Sisiran Putrajaya (Promenad), 68 km Jalan-jalan Protokol, + 600,000 pokok-pokok Ameniti serta lain-lain kawasan landskap, sukan dan rekreasi
- Pengoperasian Program dan Aktiviti Taman-taman dari sudut Pendidikan dan Interpretif serta kompenan Komersial, (garden shop, garden gallery, garden café, garden sale dll.), Sewaan Tapak dan Perkhidmatan Taman-taman dan Kawasan Landskap,
- Pengurusan Botani selaku "Mother of All Gardens' berobjektifkan Konservasi. Koleksi Herbarium, Pendidikan dan Rekreasi yang menjadi sumber rujukan taman-taman lain.
- Perancangan dan Kawalan Landskap - Kelulusan Landskap (eSKL), Kelulusan Pemasangan Pagar, Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC), Kelulusan Pengalihan dan Penebangan Pokok serta Kelulusan Penggunaan Kawasan Lapang
- Penganjuran Floria Diraja bersama dengan Pengurusan Anak Syarikat - Putrajaya Floria Sdn. Bhd (PFSB).
- Perkhidmatan Hortikultur, Olerikultur, Pomologi, Arborikultur & Hiasan Florikultultur.
- Pengurusan Konservasi Flora & Fauna .

**viii. Jabatan Kewangan**

- Mengawal dan menguruskan belanjawan tahunan Perbadanan Putrajaya.
- Menyelaras bajet Rancangan Jangka Panjang Lima Tahun Perbadanan (Rancangan Malaysia)
- Menguruskan pelaburan jangka pendek (simpanan tetap) di dalam institusi kewangan dan perbankan yang diluluskan.
- Menyedia, mengemaskini dan menguatkuasakan Peraturan Kewangan, Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain peraturan berkaitan dari semasa ke semasa
- Menyediakan Penyata Kewangan tahunan dan penyata kewangan disatukan Perbadanan Putrajaya.
- Menguruskan pembayaran emolumen kepada pekhidmat PPj dan pembayaran kepada pembekal/ kontraktor PPj.

- Melaksanakan pemantauan dan naziran pengurusan kesemua saluran kutipan hasil
- Membuat Penilaian bagi maksud cukai taksiran/ kadaran
- Membuat Penilaian bagi maksud tuntutan sumbangan membantu kadar (SMK)
- Mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama berpandukan Akta Pengurusan Strata 2013
- Menguruskan pendaftaran aset melalui perolehan Belian Terus, Inden Kerja, Interim Kerja, Interim Pembayaran dan Petty Cash dan aset-aset yang diperolehi oleh Anak Syarikat PPj
- Mengurus dan menyelaras proses pelupusan,
- kehilangan dan hapuskira aset milikan Perbadanan Putrajaya
- Menentukan caj atau caruman kepada kumpulan wang penjelas yang kena dibayar oleh pembeli atau pemunya atau pemilik petak jika mereka tidak berpuashati dengan jumlah caj yang dikenakan oleh pemaju atau JMB atau MC
- Mengurus, Menyelaras dan melaksanakan kaedah perolehan dengan teratur dan lancar mengikut prodesur / tatacara perolehan yang telah ditetapkan di Perbadanan Putrajaya
- Memastikan pentadbiran tender, kontrak dan perolehan Perbadanan Putrajaya berjalan dengan lancar dan teratur mengikut syarat-syarat kontrak dan prosedur yang di tetapkan oleh Perbadanan Putrajaya serta tugas kawalan kos bagi memastikan pentadbiran kontrak adalah sepadan dengan nilai yang diperolehi.
- Memantau prestasi Anak Syarikat dan pematuhan atas keperluan Berkanun
- Memantau prestasi pelaburan dan usaha sama yang telah dilaksanakan
- Merekod dan memperakaunkan aktiviti-aktiviti hasil Perbadanan Putrajaya melalui penjanaan bil
- Menganalisa dan melaporkan prestasi penghutang kepada pihak pengurusan Perbadanan Putrajaya
- Perolehan Perbadanan Putrajaya berjalan dengan lancar dan teratur mengikut syarat-syarat kontrak dan prosedur yang di tetapkan oleh Perbadanan Putrajaya serta tugas kawalan kos bagi memastikan pentadbiran kontrak adalah sepadan dengan nilai yang diperolehi.
- Memantau prestasi Anak Syarikat dan pematuhan atas keperluan Berkanun
- Memantau prestasi pelaburan dan usahasama yang telahdilaksanakan
- Merekod dan memperakaunkan aktiviti-aktiviti hasil Perbadanan Putrajaya melalui penjanaan bil
- Menganalisa dan melaporkan prestasi penghutang kepada pihak pengurusan Perbadanan Putrajaya



# Analisis PRESTASI KEWANGAN





# Analisis
# PRESTASI KEWANGAN

Rajah 1: Kekurangan Pendapatan PPj




Rajah 2: Rizab Terkumpul PPj




## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Kedudukan kewangan Perbadanan Putrajaya menunjukkan jumlah aset pada tahun 2016 berjumlah RM3.86 bilion iaitu penurunan sebanyak RM203.1 juta atau 4.99% berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM4.07 bilion. Ini disebabkan oleh penurunan sebanyak RM195 juta dalam Simpanan Tetap pada tahun 2016 menjadi RM297 juta berbanding RM492 juta pada tahun 2015.

PPj terus mencatatkan kurangan pendapatan bersih pada tahun 2016 berjumlah RM67.2 juta iaitu menurun sebanyak RM18.3 juta atau 21.4% berbanding kurangan pendapatan RM85.6 juta pada tahun 2015. Penurunan kurangan pendapatan ini disebabkan oleh peningkatan sebanyak RM19.2 juta atau 4.23% dalam jumlah pendapatan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Sejumlah RM476.01 juta telah dicatatkan dalam tahun 2016 berbanding RM456.7 juta pada tahun 2015.

Pengurangan kepada kurangan pendapatan ini juga telah membawa kepada sedikit pengurangan rizab terkumpul PPj kepada RM176.3 juta pada 31 Disember 2016. Perbandingan lebihan/kurangan pendapatan dan rizab terkumpul PPj bagi tempoh lima tahun sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti di Rajah 1 dan 2.

| Tahun | Geran Kerajaan Persekutuan (RM) | Pendapatan Daripada Operasi (RM) | Lebihan Jualan Harta Tetap (RM) | Jumlah Pendapatan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 2012 | 121,000,000 | 155,958,959 | 67,292 | 277,026,251 |
| 2013 | 122,000,000 | 165,331,338 | 2,568,881 | 289,900,219 |
| 2014 | 172,730,200 | 172,977,967 | - | 345,708,167 |
| 2015 | 167,850,000 | 179,184,565 | 66,156,214 | 413,190,779 |
| 2016 | 160,657,610 | 253,215,459 | 27,233 | 413,900,302 |
| Jumlah | 744,237,810 | 926,668,288 | 68,819,620 | 1,739,725,718 |

**PENDAPATAN PERBADANAN PUTRAJAYA**

Pecahan Pendapatan yang diperakaunkan oleh Perbadanan Putrajaya bagi Kumpulan Wang Mengurus (tidak termasuk geran hasil, yang merupakan transaksi perakaunan tanpa melibatkan penyaluran wang) bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti jadual di atas.

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak RM744.2 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2012 sehingga 2016 bagi membiayai sebahagian daripada kos penyelenggaraan Putrajaya. Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan merujuk kepada peruntukan yang diterima daripada Kementerian Wilayah Persekutuan bagi Geran Penyelenggaraan Bandaraya, Pengurusan PICC dan Penyelenggaraan Kuarters. Peruntukan yang diterima pada tahun 2016 sebanyak RM157,475,000 adalah setelah ditolak sekatan sebanyak RM1juta daripada jumlah peruntukan sebenar yang diluluskan sebanyak RM158,475,000. Selain itu, PPj juga telah menerima peruntukan sebanyak RM3,182,610 daripada Jabatan Perdana Menteri bagi kerja-kerja penyelenggaraan landskap di Kompleks Seri Perdana Presint 10, Kediaman Rasmi Timbalan Perdana Menteri Seri Satria Presint 16, Kompleks JPM Parcel B dan Bangunan Puspanitapuri mulai Ogos 2016.

Pengurusan dan operasi Putrajaya International Convention Centre (PICC) telah diambilalih oleh PPj daripada Jabatan Perdana Menteri bermula 1 Jun 2013 manakala penyelenggaraan Kuarters Apartment Penjawat Awam Putrajaya telah diambilalih daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri secara berperingkat-peringkat bermula 1 Julai 2014.

Sebagai sebuah badan berkanun yang menjalankan fungsi sebagai PBT, pendapatan yang diperolehi melalui operasi dan aktiviti adalah 61.1% daripada jumlah pendapatan. Turut termasuk dalam pendapatan operasi adalah pendapatan yang diperolehi melalui Sumbangan Membantu Kadar yang diterima daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi bangunan-bangunan dan kuarters yang dimiliki oleh Kerajaan. Pada tahun 2016, pecahan pendapatan daripada operasi PPj adalah seperti berikut:

**Pendapatan Operasi PPj Tahun 2016**



| Tahun | Jumlah Geran Diterima (RM) | Jumlah Perbelanjaan Penyelenggaraan (RM) | Jumlah Penggunaan Sumber Dana Dalaman (RM) |
|---|---|---|---|
| 2012 | 121,000,000 | 184,827,182 | 63,827,182 |
| 2013 | 122,000,000 | 205,124,895 | 83,124,895 |
| 2014 | 172,730,200 | 291,903,100 | 119,172,900 |
| 2015 | 167,850,000 | 322,761,457 | 154,911,457 |
| 2016 | 160,657,610 | 341,759,258 | 181,101,648 |
| Jumlah | 744,237,810 | 1,346,375,892 | 602,138,082 |

## PERBELANJAAN PERBADANAN PUTRAJAYA

Sementara itu, perbelanjaan Perbadanan Putrajaya (Kumpulan Wang Mengurus) bagi tahun 2016 turut menunjukkan sedikit peningkatan berbanding yang dicatatkan pada tahun 2015. Perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya masih merupakan komponen perbelanjaan terbesar Perbadanan. Komponen perbelanjaan ini menyumbang sebanyak RM341,759,258 atau 62.9% kepada keseluruhan perbelanjaan Perbadanan. Perbelanjaan penyelenggaraan Putrajaya merujuk kepada perbelanjaan yang terlibat bagi tujuan penyelenggaraan keseluruhan Putrajaya termasuk penyelenggaraan landskap, taman-taman kemudahan awam, pembersihan sisa pepejal, tasik putrajaya, pengurusan dan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan penyelenggaraan kuarters Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH).

Bagi menampung perbelanjaan ini, PPj telah menggunakan keseluruhan Geran Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya yang diterima disamping turut ditampung daripada dana dalaman Perbadanan sendiri. Perbelanjaan ini dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa bagi memastikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dapat diurus secara cekap dan berkesan agar memenuhi keperluan sosio ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat. Perbandingan perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya, PICC dan Kuarters Putrajaya dan Terimaan Geran Penyelenggaraan bagi tempoh lima tahun (2012-2016) adalah seperti jadual di atas.

Di samping itu, perbelanjaan pengurusan dan pengoperasian PPj ditanggung sepenuhnya oleh PPj melalui sumber pendapatan dalaman. Perbelanjaan pengurusan dan pengoperasian PPj merangkumi perbelanjaan emolumen, tuntutan perjalanan, perhubungan dan utiliti, penyelenggaraan dan pembaikan kecil, cukai dan insurans, perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti, penganjuran acara dan bekalan pejabat.

**Perbelanjaan Operasi PPj Tahun 2016**







## PERUNTUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

PPj turut menerima peruntukan bagi Kumpulan Wang Pembangunan bagi projek-projek pembangunan di Putrajaya mengikut Rolling Plan Rancangan Malaysia Ke-11. Peruntukan Pembangunan yang diterima pada tahun 2016 di bawah Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-11 adalah sebanyak RM7 juta. PPj turut menerima peruntukan sebanyak RM3 juta di bawah NKEA – Vitalizing bagi projek pembangunan Pusat Penyelenggaraan Bot Putrajaya Presint 19 dalam tahun 2016.

## PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT SUBSIDIARI

Dalam usaha meningkatkan kualiti sistem perancangan dan kawalan, pengurusan anak syarikat telah distruktur semula dan disatukan di bawah satu kumpulan yang diterajui oleh satu syarikat induk. Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya Bil 6 Tahun 2015 yang telah bersidang pada 17 Disember 2015 telah memutuskan proses penstrukturan semula anak syarikat milik Perbadanan Putrajaya dilaksanakan bermula 1 Januari 2016.

Kewujudan syarikat induk sebagai peneraju membolehkan kumpulan menyusun semula aktiviti-aktiviti yang bertindih di antara anak syarikat, sekaligus mengoptimakan penggunaan sumber-sumber kewangan dan tenaga kerja. Selain itu juga, syarikat induk juga akan menyelaras dan menyeragamkan peraturan-peraturan berkaitan perbelanjaan anak-anak syarikat bagi mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran.

PJ Hotels and Resorts Sdn Bhd (PJHRSB) telah dilantik menjadi Syarikat Induk dengan pegangan 100% ekuiti oleh Perbadanan Putrajaya. Manakala Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn Bhd, Marina Putrajaya Sdn Bhd, Putrajaya International Convention Centre Sdn Bhd (PICC) dan Putrajaya Floria Sdn Bhd yang sebelum ini adalah syarikat subsidari Perbadanan Putrajaya telah menjadi Syarikat Sub-Subsidari Perbadanan Putrajaya. Berkuatkuasa 1 Jun 2016, nama PJ Hotels & Resorts Sdn Bhd telah ditukar kepada Putrajaya Leisures & Services Group Sdn Bhd (PULSE Group). Penstrukturan Semula Anak Syarikat dengan peratus ekuiti adalah seperti jadual berikut:

| | | Sebelum | | Selepas | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PPj | | PPj | | PULSE Group | |
| Syarikat | Status Syarikat | Nilai Pegangan Ekuiti (RM) | Peratus Pegangan Ekuiti (%) | Nilai Pegangan Ekuiti (RM) | Peratus Pegangan Ekuiti (%) | Nilai Pegangan Ekuiti (RM) | Peratus Pegangan Ekuiti (%) |
| **Putrajaya Leisures & Services (PULSE Group)** (Dahulunya dikenali sebagai PJ Hotels & Resorts Sdn Bhd) | Subsidiari (Induk) | 5,000,000 | 100 | 5,000,000 | 100 | - | - |
| **Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn Bhd** | Sub-Subsidiari | 199,999 | 100 | 40,000 | 20 | 159,999 | 80 |
| **Marina Putrajaya Sdn Bhd** | Sub-Subsidiari | 1,000,000 | 100 | 200,000 | 20 | 800,000 | 80 |
| **Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn Bhd** (Dahulunya dikenali sebagai Putrajaya International Convention Centre (PICC) Sdn Bhd | Sub-Subsidiari | 7,500,002 | 100 | 1,500,000 | 20 | 6,000,002 | 80 |
| **Putrajaya Floria Sdn Bhd** | Sub-Subsidiari | 100,000 | 100 | 20,000 | 20 | 80,000 | 80 |
| **Jumlah** | | 13,800,001 | | 6,760,000 | | 7,040,001 | |



## HARTANAH, LOJI & PERALATAN MILIK PERBADANAN PUTRAJAYA

Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, nilai hartanah, loji & peralatan milikan PPj adalah sebanyak RM3,412 juta. Amaun ini adalah setelah mengambilkira susut nilai terkumpul yang berjumlah sebanyak RM1,116.3 juta. Hartanah, Loji & Peralatan milikan Perbadanan adalah merangkumi tanah, bangunan, infrastruktur, taman-taman, tasik & wetland, loji dan jentera, peralatan, perabot dan kelengkapan, kenderaan, buku dan komputer. Perbadanan turut mempermodalkan aset kuda yang dikategorikan di dalam kelas aset hidupan.




## TANGGUNGAN DAN LIABILITI SEMASA PERBADANAN PUTRAJAYA

Sehingga 31 Disember 2016, jumlah tanggungan PPj di dalam liabiliti semasa adalah seperti berikut:-

| Butiran | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Pemiutang - KWM | 100,729,082 |
| Pemiutang - KWP | 11,678,734 |
| Wang Tahanan Projek | 15,397,072 |
| Deposit & Cagaran | 13,610,286 |
| Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain | 4,103,568 |
| JUMLAH | 145,518,742 |

Selain itu, PPj juga perlu mengambilkira bayaran (komitmen) bagi kontrak-kontrak yang telah ditandatangani bagi tender dan sebutharga. Sehingga 31 Disember 2016, jumlah komitmen modal yang perlu ditanggung oleh PPj adalah seperti berikut:-

| Butiran | Amaun Kontrak (RM) | Amaun Telah Dibayar (RM) | Baki Belum Dibayar (RM) |
|---|---|---|---|
| Tender | 887,402,233 | 504,837,498 | 382,564,735 |
| Sebutharga | 54,922,774 | 42,312,917 | 12,609,857 |
| JUMLAH | 942,325,007 | 547,150,415 | 395,174,592 |

# Anugerah & PENGIKTIRAFAN



# Anugerah dan PENGIKTIRAFAN










## MKRA : Enhance The Cleanliness In Federal Territories

(Precentage of toilets achieving 3 Stars and Above; Based on KPKT guidelines on Public Toilets)

Penganjur : Kementerian Wilayah Persekutuan
Tarikh : Pencapaian 2015
Tempat : Kementerian Wilayah Persekutuan
Anugerah : Pencapaian 100%

## Largest Bird Singing Contest

Penganjur : Perbadanan Putrajaya dan Persatuan Seniman Merbuk Malaysia
Tarikh : 4 Jun 2016
Tempat : Taman Wetland, Putrajaya
Anugerah : Pengiktirafan Malaysia Book Of Records (1237 ekor burung merbuk)

## International Convention on Quality Control Circle 2016 (ICQCC)

Penganjur : The Association of QC Headquarters of Thailand
Tarikh : 23-26 Ogos 2016
Tempat : Bangkok, Thailand
Anugerah : Gold Awardkepada kumpulan SOLVE II

## Largest Participation in Powerman World Series

Penganjur : International Powerman Association/E-Plus
Tarikh : 5 September 2016
Tempat : Zofingen, Switzerland
Anugerah : Largest Participation in Powerman World Series (2645 peserta)

## Largest Participation in Duathlon Championship

Penganjur : Perbadanan Putrajaya/E-Plus
Tarikh : 5 September 2016
Tempat : Zofingen, Switzerland
Anugerah : Pengiktirafan Malaysia Book Of Records (2645 peserta)

## Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015

Penganjur : Jabatan Audit Negara
Tarikh : 27 September 2016
Tempat : Jabatan Perdana Menteri
Anugerah : 5 Bintang


















## Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)

Penganjur : Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
Tarikh : 13 Oktober 2016
Tempat : KPKT
Anugerah : 8 PBT Terbaik – RM100,000.00

## First Base Jumper Team To Jump From Tethered Helium Balloon Sempena Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACuF)

Penganjur : Perbadanan Putrajaya
Tarikh : 5 November 2016
Tempat : Skyride Festival Parks, Presint 2, Putrajaya
Anugerah : Pengiktirafan Malaysia Book Of Records kepada pasukan yang diketuai oleh Adi Khirman bin Marji

## Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)

Penganjur : Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
Tarikh : 17 November 2016
Tempat : Perbadanan Putrajaya
Anugerah : 5 Bintang

## MIP Planning Excellence Awards 2016

Penganjur : Malaysian Institute of Planners
Tarikh : 25 November 2016
Tempat : Hotel Majestic, Kuala Lumpur
Anugerah : Pengiktirafan Amalan Pembangunan Mampan (Recognition For Sustainable Practices)

## MIP Planning Excellence Awards 2016 - Merit Award Under Innovative Planning Category

Penganjur : Malaysian Institute of Planners
Tarikh : 25 November 2016
Tempat : Hotel Majestic, Kuala Lumpur
Anugerah : Merit Winner for Innovative Management (Ecohydrology Management of Lake and Wetland in Putrajaya Urban System).

## Anugerah Agensi Berinovasi 2016

Penganjur : Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sempena Hari Inovasi & Kecemerlangan KWP Bersama Agensi 2016
Tarikh : 29 November 2016
Tempat : KWP
Anugerah : Tempat ke-2- Tunai RM 1,000.00

















## Anugerah Pameran Berinovasi 2016

Penganjur : Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sempena Hari Inovasi & Kecemerlangan KWP Bersama Agensi 2016
Tarikh : 29 November 2016
Tempat : KWP
Anugerah : Tempat ke-2-Tunai RM 2,000.00

## Pertandingan Anugerah Tandas Bersih

Penganjur : Karnival KPKT 2016
Tarikh : 3 Disember 2016
Tempat : Dataran Merdeka
Anugerah : Anugerah Perak- Kategori Restoran

## Pengiktirafan Bandar Bersih 2015

Penganjur : Karnival KPKT 2016
Tarikh : 3 Disember 2016
Tempat : Dataran Merdeka
Anugerah : Tempat 5 teratas

## Malaysia Landscape Architecture Award 2015

Penganjur : Institute of Landscape Architecture Malaysia
Tarikh : 9 April 2016
Tempat : One World Hotel, Bandar Utama
Anugerah : Honour Award for Government & City Council Category

## The Largest Display of Handmade Fabric Flowers

Penganjur : Perbadanan Putrajaya, Mostwell Sdn. Bhd., PSJK dan Jabatan Penjara Malaysia
Tarikh : 3 November 2016
Tempat : Kompleks Perbadanan Putrajaya
Anugerah : Guinness World Records

## The Most People Sewing Simultaneously

Penganjur : Perbadanan Putrajaya, Mostwell Sdn. Bhd., PSJK dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
Tarikh : 9 April 2016
Tempat : Auditorium Cempaka Sari, Perbadanan Putrajaya
Anugerah : Guinness World Records






# Perancangan dan PEMBANGUNAN BANDAR



# Perancangan dan PEMBANGUNAN BANDAR




Perancangan Dan Pembangunan Putrajaya telah masuk ke tahun yang ke 22 tahun sejak awal perancangan pembangunan Putrajaya. Perancangan Pembangunan Putrajaya kini diteruskan lagi dengan sasaran untuk merealisasikan semua teras dan polisi Pelan Strategik Putrajaya 2020 serta memastikan pelaksanaan dasar, strategi dan inisiatif Rancangan Struktur Putrajaya 2025 dilaksanakan dengan baik. Pengurusan Perbadanan Putrajaya akan memastikan Visi Putrajaya ke arah Bandaraya Mampan 2020 dapat dicapai sepenuhnya. Perancangan pembangunan yang teratur dan responsif menepati kehendak Warga Putrajaya dan kehendak pasaran semasa, sistem kawalan pembangunan yang menggalakkan pembangunan ekonomi bandar yang berdaya maju, penguatkuasaan perancangan dan kawalan bangunan yang efektif, pemeliharaan biodiversiti perbandaran yang kondusif dan menggalakkan penglibatan rakyat dalam kebersamaan menyokong aspirasi pembangunan Putrajaya ke arah pencapaian pembangunan mampan.



*Publisiti Draf Rancangan Tempatan Presint 7, 8, 9 & 10, Putrajaya (Pengubahan) 2025 telah telah diadakan pada 18 Mei - 15 Jun 2016*

**PENCAPAIAN POLISI RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA 2025**

Putrajaya yang merangkumi keluasan seluas 4,931 hektar (49km persegi ) dengan jumlah penduduk hampir mencecah 90,000 orang pada tahun 2016, telah dibangunkan berdasarkan Bandaraya Dalam Taman. Falsafah perancangan pembangunan Putrajaya adalah berdasarkan Doktrin Perancangan Pembangunan Sejagat yang menekankan hubungan insan dan pencipta, hubungan insan dengan insan yang lain dan hubungan insan dengan alam sekitar.

Visi pembangunan bagi Rancangan Struktur Putrajaya 2025 adalah "Putrajaya Mampan 2025". Laporan RS Putrajaya 2025 yang diwartakan pada 7 Mac 2014 menjadi 'blueprint' utama dalam pembangunan Putrajaya. Perancangan pembangunan Putrajaya setakat ini adalah selaras dengan semua dasar dan polisi Rancangan Struktur Putrajaya 2025 seperti berikut :-

- Polisi 1 - Melonjakkan Putrajaya Sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Yang Cemerlang
- Polisi 2 - Membangunkan Ekonomi Bandar Yang Progresif Dan Pelbagai
- Polisi 3 - Memperkukuhkan Pelancongan Sebagai Fungsi Ekonomi Utama
- Polisi 4 - Memperkasakan Persekitaran Hidup Komuniti
- Polisi 5 - Putrajaya Ke Arah Bandar Hijau
- Polisi 6 - Melaksanakan Sistem Pengangkutan Bersepadu
- Polisi 7 - Menerapkan Pengurusan Guna Tanah Yang Responsif Dan Boleh Diadaptasikan
- Polisi 8 - Menerapkan Perkongsian Berkesan Dan Urus Tadbir Yang Baik.

Dalam mencapai semua polisi untuk melonjakkan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Yang Cemerlang, aspek pelaksanaan gunatanah diutamakan dengan memastikan pelaksanaan pembangunan yang teratur dan sistematik berdasarkan pengurusan guna tanah

yang responsif dan boleh diadaptasikan sepertimana Polisi 7, Rancangan Struktur Putrajaya 2025 iaitu bagi menerapkan pengurusan gunatanah yang responsif dan boleh diubahsuai dengan kehendak pasaran dan menepati kehendak Warga Putrajaya.

Galakan pembangunan dan kawalan pembangunan diteruskan bagi memastikan pelaksanaan pembangunan yang mengutamakan fungsi Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan yang cemerlang dan juga mempunyai pembangunan ekonomi bandar yang progresif dan pelbagai. Rancangan Tempatan Putrajaya dan Garispanduan-garispanduan perancangan disediakan untuk memberi gambaran dan panduan terperinci bagi pelaksanaan pembangunan di semua presint perancangan.

## RANCANGAN TEMPATAN

Rancangan Tempatan disediakan sebagai panduan pembangunan yang lebih terperinci dan pengubahan Rancangan Tempatan dilaksanakan mengikut kesesuaian selaras dengan polisi pengurusan gunatanah yang responsif bagi memenuhi kehendak perubahan pasaran hartanah dan arus pembangunan semasa. Rancangan Tempatan juga menjadi pengukur dan panduan bagi memastikan penyediaan dan pembangunan kemudahan awam untuk Warga Putrajaya adalah mencukupi selaras dengan pertambahan penduduk dari semasa ke semasa.

### i. Rancangan Tempatan Yang Telah diwartakan

- Rancangan Tempatan Presint 2,3,4 & 18, Putrajaya
- Rancangan Tempatan Presint 7, 8, 9 &10, Putrajaya
- Rancangan Tempatan Presint 16, 17 &19, Putrajaya
- Rancangan Tempatan Presint 5, 6 & 20, Putrajaya
- Rancangan Tempatan Presint 1 & 13, Putrajaya
- Rancangan Tempatan Presint 11
- Rancangan Tempatan Presint 12

### ii. Rancangan Tempatan Yang Dalam Proses Pengubahan

Rancangan Tempatan Putrajaya dalam proses pengubahan adalah :

**Rancangan Tempatan Presint 7, 8, 9 & 10, Putrajaya (Pengubahan) 2025**

- Publisiti Draf Rancangan Tempatan Presint 7, 8, 9 & 10, Putrajaya (Pengubahan) 2025 telah telah diadakan pada 18 Mei hingga 15 Jun 2016.
- Rancangan Tempatan Presint 7, 8, 9 &10, Putrajaya (Pengubahan) 2025 telah mendapat perakuan dari Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya pada 27 Oktober 2016.

**Rancangan Tempatan Presint 11, Putrajaya (Pengubahan) 2025**

- Publisiti dan Pameran Awam Draf Rancangan Tempatan Presint 11, Putrajaya (Pengubahan) 2025 telah diadakan dari 14 November - 9 November 2016.
- Rancangan Tempatan Presint 11, Putrajaya (Pengubahan) 2025 akan dibentangkan untuk mendapat perakuan dari Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya pada awal tahun 2017.

### Garispanduan Perancangan dan pencapaian Indikator Bandar Mampan

Garispanduan perancangan juga telah dihasilkan dari semasa ke semasa dan pada tahun 2016 Garispanduan Kafe luaran telah ditambahbaik dan penerbitan terkini telah dikeluarkan. Bagi mengukur tahap kemampanan Putrajaya, sistem indikator Bandar Mampan Malaysia digunapakai dengan kerjasama pihak PLAN Malaysia dan pada tahun 2016, rekod pencapaian indikator bandar mampan (Murninet) untuk Putrajaya ialah 94%.

## BANDAR HIJAU PUTRAJAYA

Bagi mencapai Polisi 5: Transformasi Putrajaya Ke Arah Bandar Hijau, Rancangan Struktur Putrajaya 2025, pelbagai inisiatif hijau telah dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya mulai tahun 2010. Perlaksanaan Inisiatif-inisiatif tersebut juga sebagai program yang menyokong kepada pencapaian sasaran pengurangan tahap pelepasan karbon di Putrajaya.

Perbadanan Putrajaya juga telah memberikan komitmen dalam usaha pengurangan tahap pelepasan karbon Putrajaya semasa persidangan antarabangsa perubahan iklim iaitu United Nations Framework of Climate Change (UNFCC), Conference of Parties 21 (COP21) di Paris pada November 2015. Antara inisiatif hijau yang difokuskan adalah dalam sektor bangunan dan pengangkutan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016.















### Forum Bandar Hijau Karbon Rendah 2016

Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan Forum Bandar Hijau Karbon Rendah pada 19 April 2016, bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Tema utama Forum Bandar Hijau bagi tahun 2016 adalah untuk mempromosikan inisiatif berkaitan pengurusan tenaga dan sistem pemantauan penggunaan tenaga bagi sektor bangunan di Putrajaya. Wakil-wakil daripada empat (4) agensi yang mempunyai kepakaran dalam topik tersebut telah dijemput sebagai penceramah iaitu Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya (JKR WP), Suruhanjaya Tenaga (ST), Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA) dan KFM Holdings Sdn. Bhd (KFM). Jumlah keseluruhan peserta yang telah menghadiri forum ini adalah seramai 137 orang yang terdiri daripada pengurus fasiliti kompleks pejabat kerajaan di Putrajaya, agensi kerajaan, agensi swasta dan pekhidmat Perbadanan Putrajaya.

### Projek Demonstrasi Bas Elektrik (EV BUS) Dengan Sistem Pengecas Pantas Di Putrajaya

Selaras dengan inisiatif pengangkutan karbon rendah, satu projek demonstrasi bas awam berkuasa elektrik telah dijalankan. Program ini merupakan usahasama antara Perbadanan Putrajaya dengan New Energy and Industrial Technology Development Organization (NEDO), Japan. Tempoh perlaksanaan projek bas awam elektrik ini adalah 5 tahun bermula daripada 2016 hingga 2021. Sejumlah 11 unit bas berkuasa elektrik akan dibekalkan oleh pihak NEDO kepada Perbadanan Putrajaya secara berperingkat dan 4 unit stesen caj akan disediakan. 'Test run' untuk bas awam elektrik telah dijalankan pada Disember 2016 dan dijangkakan akan mula beroperasi pada April 2017.







### Penambahbaikan Laluan Khas Basikal di Putrajaya

Bagi tujuan meningkatkan lagi penggunaan basikal sebagai salah satu alternatif mod pengangkutan karbon rendah di Putrajaya, kemudahan laluan basikal sedia ada telah ditambahbaik. Laluan khas basikal sepanjang 24km yang melibatkan Persiaran Perdana (Presint 1-5), laluan utama Presint 8, 9 dan 18 telah dinaiktaraf untuk meningkatkan lagi keselesaan dan keselamatan pengguna. Projek penambahbaikan laluan khas basikal ini melibatkan kerja-kerja utama seperti penukaran bahan binaan laluan basikal kepada jenis anti skid yang dihasilkan daripada gelas kitar semula, pemasangan lampu-lampu isyarat untuk laluan basikal dan menambahbaikan 'drop curb'.





### Pertandingan Lampu Kreativiti 3R 2016

Pertandingan LAMPU Kreativiti 3R sempena Festival Light And Motion Putrajaya (LAMPU) 2016 sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran orang awam dalam aktiviti 3R dan mempromosikan idea-idea kreatif binaan struktur lampu hiasan daripada bahan-bahan kitar semula.

## BANDAR SELAMAT

Dalam mencapai polisi 4, Rancangan Struktur Putrajaya 2025 iaitu bagi memperkasa persekitaran hidup komuniti, pelaksanaan program di bawah inisiatif 4.4 polisi ini diteruskan dan dimantapkan lagi sepanjang tahun 2016. Kawasan kejiranan yang selamat adalah salah satu prinsip komuniti sejahtera yang akan terus diberi keutamaan di Putrajaya.

Berdasarkan statistik indeks jenayah IPD Putrajaya, terdapat penurunan kadar indeks jenayah sebanyak 11.03 peratus pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 (290 kes).

Antara projek dan program dan aktiviti yang telah diadakan bagi Program Bandar Selamat (PBS) Putrajaya adalah seperti berikut:

| Bil. | PROGRAM / AKTIVITI | LOKASI |
|---|---|---|
| 1. | Pemasangan Pagar Keselamatan melalui sumbangan "Corporate Social Responsibility" (CSR) | Kawasan Perumahan Presint 10 |
| 2. | Pemasangan Pagar Keselamatan melalui sumbangan "Corporate Social Responsibility" (CSR) | Kawasan Perumahan P15H, Presint 15 |

| Bil. | PROGRAM / AKTIVITI | TEMPAT | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Lawatan Teknikal ke Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) | Majlis Bandaraya Shah Alam | 40 orang |
| 2. | Seminar Perisai Buat Puteri | Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya | 400 orang |
| 3. | Seminar "Recharge Puteraku" | Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya | 400 orang |
| 4. | Program Kelestrian "Communication for Behavioral Impact" (COMBI) Denggi Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya | Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya | 250 orang |
| 5. | Bengkel CPR & AED Friendly Community Putrajaya 2016 Siri 1 | Dewan Seri Siantan, Kompleks PPj | 50 orang |
| 6. | Seminar Sekolah Selamat Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya | Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya | 200 orang |
| 7. | Bengkel CPR & AED Friendly Community Putrajaya 2016 Siri 2 | Dewan Seri Siantan, Kompleks PPj | 150 orang |

*Program Dan Aktiviti Bandar Selamat Di Bawah Urus Setia Induk **Task Force** Bandar Selamat Putrajaya PPJ*

Selain itu, terdapat pelbagai lagi program lain yang dilaksanakan oleh agensi-agensi luar di dalam Task Force Bandar Selamat Putrajaya iaitu program-program pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Keselamatan Jalanraya dan lain-lain.



*Pemasangan Pagar Keselamatan di Kawsan Perumahan P10A, 10B & 10C, Presint 10*



*Pemasangan Pagar Keselamatan di Kawasan Perumahan P15A, Presint 15*







*Lawatan Teknikal ke Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)*





*Penganjuran Program Perisai Buat Puteri dan "Recharge Puteraku" yang Dianjurkan untuk Memberi Kesedaran kepada Para Pelajar Sebagai Persediaan dan Peningkatan Jati Diri dalam Kehidupan*






*Program Kelestrian "**Communication for Behavioral Impact**" (COMBI) Denggi Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya*




*Bengkel CPR & AED Friendly Community Putrajaya 2016 Siri 1 dan Siri 2*




*Seminar Sekolah Selamat Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2016*

## LOCAL AGENDA 21 PUTRAJAYA

Polisi 4, Rancangan Struktur Putrajaya 2025 bagi memperkasakan persekitaran komuniti juga menitikberatkan inisiatif galakan pembangunan masyarakat melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti berasaskan komuniti. Kehidupan berkomuniti di Putrajaya diperkaya dengan pembangunan komuniti berteraskan kepada konsep persepakatan Perbadanan Putrajaya dengan komuniti, rakan swasta, NGO dan agensi-agensi awam yang lain. Pelaksanaan Local Agenda 21 Putrajaya sejak tahun 2008 diteruskan lagi sepanjang tahun 2016 oleh Perbadanan Putrajaya menerusi Local Agenda 21 Putrajaya bagi menyokong dan merealisasikan Putrajaya ke Arah Pembangunan Mampan menjelang tahun 2020.

Pelaksanaan program-program sepanjang tahun 2016 ini telah dijayakan dengan kerjasama komuniti dan "stakeholders" Putrajaya. Segala usaha bagi mempromosikan pembangunan mampan dan pembentukan komuniti mampan di Putrajaya telah dilaksanakan melalui program-program Local Agenda 21 Putrajaya yang menekankan konsep persepakatan di antara Perbadanan Putrajaya dan rakan-rakan kongsi strategik terdiri daripada Warga Putrajaya, sektor swasta, badan bukan kerajaan, rakan agensi awam dan institusi pengajian tinggi. Pada tahun 2016, pelbagai program telah dilaksanakan merangkumi pelbagai agenda di bawah Local Agenda 21 Putrajaya. Setiap agenda yang dibentuk merangkumi dan meliputi aspek inisiatif amalan gaya hidup teknologi hijau, pemeliharaan alam sekitar, program sosial dan ekonomi.

### Agenda Mampan Sejahtera

Agenda Mampan Sejahtera merupakan agenda utama di dalam LA 21 Putrajaya. Terdapat pelbagai program yang telah dilaksanakan di bawah agenda ini yang merangkumi program-program berbentuk pendidikan, kerohanian, ekonomi serta bengkel kemasyarakatan yang progresif dengan tujuan untuk terus mempertingkatkan martabat komuniti Putrajaya dan pembangunan modal insan masyarakat sertempat. Program-program yang telah dilaksanakan adalah:

i. Seminar Kemahiran Keibubapan LA 21 Putrajaya
ii. *Junior Zookeeper*
iii. Program Bubur Lambuk Amal Media
iv. Program Kelestarian Combi Peringkat Putrajaya
v. Hari Terbuka Incubator @PJH: Program Keusahawanan LA 21 Putrajaya



*Program Junior Zookeeper di bawah Agenda Mampan Sejahtera*

## Agenda Pendidikan

Agenda Pendidikan Program-program di bawah agenda pendidikan LA 21 Putrajaya merupakan agenda utama yang ditumpukan pada tahun 2016. Penumpuan di dalam aspek pendidikan dititikberatkan bagi menjamin kelangsungan kecemerlangan pendidikan di Putrajaya. Pelbagai program di dalam Agenda Pendidikan, antaranya adalah:

i. Karnival Kerjaya Putrajaya 2016
ii. Kem Smart Learning Skor A+ Addmaths SPM
iii. Program Kembara Muda Rakyat: Pantai Timur (Yayasan Bank Rakyat)
iv. Kem Smart Learning Spm: Kimia & Biologi
v. Seminar Didik Rakyat: SPM
vi. Seminar Didik Rakyat: UPSR
vii. Seminar Kecemelangan SPM Tahun 2016 Peringkat WPP
viii. Perisai Buat Puteri
ix. Recharge Puteraku
x. Program Solat Subuh Berjemaah



*Program Seminar Didik Rakyat yang telah Dijalankan dengan Kerjasama Yayasan Bank Rakyat dan Berita Harian bertempat di Auditorium Cempaka Sari*

## Agenda Kesihatan

Kesihatan sangat penting di dalam kehidupan. Bagi Local Agenda 21 Putrajaya, kesihatan merupakan salah satu aspek dan agenda penting yang perlu diambilkira di dalam perlaksanaan program- program LA 21 Putrajaya. Berikut merupakan program-program yang telah dilaksanakan bagi agenda kesihatan pada tahun 2016 menumpu kepada pelbagai peringkat umur berikut:

i. Majlis Anugerah Slimshape Putrajaya 2015
ii. Forum Sempena Sambutan Hari Ibu
iii. Program Myskoolpro Putrajaya
iv. Sesi Pemeriksaan Kulit Wanita Pertengahan Umur (HCARE, UKM)
v. Bengkel AED CPR
vi. Sesi Revisited Slimshape Putrajaya 2015



*Antara Program Yang dijalankan di bawah Agenda Kesihatan seperti Program Revisit Slimshape dan Program Myskoolpro Putrajaya*

## Agenda Pembangunan Imej & Capacity Building

Pembangunan Imej & 'Capacity Building' sangat penting di dalam merancang dan melaksana program-program ke arah Pembangunan Mampan Putrajaya 2020. Tujuan utama Agenda Pembangunan Imej & 'Capacity Building' adalah untuk memastikan bahawa setiap program dan perancangan yang dibentuk dan dilaksanakan mengikut landasan yang benar dan menepati matlamat utama pembentukan Local Agenda 21, antara program di bawah Agenda Pembangunan Imej & 'Capacity Building' adalah:

i. Majlis Mesra LA 21 Putrajaya
ii. Rebranding lab LA 21 Putrajaya
iii. Lawatan dan Mesyuarat (OHIO University–PERWEP)
iv. Kunjungan Balas Deligasi MP Kulim
v. Kembara Eksplorasi Ilmu LA 21 Putrajaya: Edisi Selatan



*Lawatan yang dijalankan oleh Pelajar OHIO University USA untuk melihat Program-program yang Dijalankan oleh Local Agenda 21 Putrajaya*





*Antara Program Membina Hijau yang Dijalankan di bawah Agenda Landskap & berteraskan 'Greening for Sustainable Future"*

## Agenda Landskap & 'Greening for Sustainable Future'

Agenda landskap & 'Greening for Sustainable Future' di dalam program-program Local Agenda 21 Putrajaya bertujuan untuk menrealisasikan hasrat Perbadanan Putrajaya dan rakan kongsi LA 21 Putrajaya bagi menyemaikan prinsip cintakan alam sekitar supaya usaha-usaha dan tindakan-tindakan mereka apabila dewasa kelak akan mengambil kira tentang kesan-kesan terhadap alam sekitar ke arah pembangunan mampan. Pelbagai program yang telah dilaksanakan antaranya adalah :

i. Program Membina Hijau
   a) Lawatan Ke Tapak Pelupusan
   b) Bengkel 'Upcycle'
   c) Wetland Race Putrajaya
   d) Asas Penanaman Herba & Sayur-Sayuran
   e) Pengenalan Kepada 'Greenovation'
   f) Pemilihan Akhir 3 Sekolah Terbaik Anugerah Membina Hijau 2016
ii. Program Pertanian Bandar Putrajaya (Putrajaya Urban Farming) & Kebun Komuniti
   a) Program Pertanian Bandar Putrajaya (Putrajaya Urban Farming)
   b) Kebun Komuniti

## Agenda 3R dan Kitar Semula

Pelaksaan Program dan kempen 3R di Putrajaya oleh Perbadanan Putrajaya menerusi Local Agenda 21 Putrajaya giat dilaksanakan di kalangan golongan sasaran seperti di kalangan komuniti, pelajar sekolah, sektor swasta, dan kerajaan di setiap peringkat umur. Matlamat utama pelaksanaan program di bawah Agenda 3R dan Kitar Semula ini adalah memberi kesedaran terhadap kepentingan amalan 3R dan kitar semula di dalam kehidupan seharian. Antara program yang dilaksanakan pada tahun 2016 adalah:

i. Pelancaran Tong Kitar Semula Putrajaya (2 Bin System) Bersempena Hari Alam Sekitar Negara 2016
ii. Program 3R Peringkat Komuniti:
   a) Taklimat dan Pameran Kitar Semula serta Program Bersepadu antara Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 16(1) Persatuan Penduduk dan Perbadanan Putrajaya Sempena Pelancaran Program 'Jom Kitar Semula' di Apartment Kejiranan Presint 16



*Program di bawah Agenda 3R dan Kitar Semula yang Dijalankan*

   b) Pameran Kitar Semula (3R) Sempena Sambutan
   c) Kemerdekaan Di Kejiranan Apartment Presint 14
   d) Pameran Dan Kuiz 3R Sempena
   e) Program Sambutan Karnival Komuniti

iii. Pelaksanaan Program 3R di 4 Buah Kompleks Pejabat Kerajaan dan 9 buah Sekolah di Putrajaya

## EKOSISTEM BANDAR

Dalam mensasarkan pencapaian Polisi 5, Rancangan Struktur Putrajaya 2025, di bawah transformasi Putrajaya ke arah Bandar Hijau Putrajaya, inisiatif utama adalah untuk meningkatkan kualiti ekologi, badan air dan biodiversiti Putrajaya. Mendahului dalam pemeliharaan alam sekitar dan ekosistem perbandaran Putrajaya kea rah pembangunan mampan, usaha diteruskan untuk pengurusan bersepadu Tasik dan Wetland Putrajaya, yang melibatkan pelbagai program, kajian dan penyelidikan dan kempen kesedaran awam mengenai kepentingan pemeliharaan alam sekitar khususnya memelihara Tasik Putrajaya yang menjadi ikon dan tarikan Putrajaya.

### Pengurusan Bersepadu Tasik dan Wetland Putrajaya

Tasik dan Wetland Putrajaya merupakan badan air buatan yang direkabentuk dan diuruskan dengan memberi penekanan kepada pencapaian kualiti air dan perkhidmatan ekosistem (ecosystem services) yang terbaik di dalam pembangunan perbandaran (urban development). Tasik dan Wetland Putrajaya seluas 600 hektar merupakan 12% daripada keseluruhan kawasan Putrajaya.

Pada tahun 2010, Tasik dan Wetland Putrajaya telah mendapat pengiktirafan dari pihak United Nations

Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) – International Hydrological Programme (IHP) sebagai "Operational Demonstration Site" di bawah UNESCO-IHP Ecohydrology Programme (pengiktirafan peringkat kedua tertinggi) dengan kriteria penilaian utama ialah pendekatan pengurusan bersepadu yang dilaksanakan di peringkat lembangan Sungai Langat. Pengiktirafan ini meletakkan Tasik dan Wetland Putrajaya sebagai satu (1) daripada tujuh (7) buah tapak di dunia di enam (6) buah negara iaitu Argentina, China, Jerman, Itali, Kenya dan Malaysia yang menerajui kaedah terbaik pengurusan ekohidrologi badan air. Pendekatan pengurusan yang dilaksanakan ini juga adalah selaras dengan konsep "Integrated Lake Basin Management" oleh International Lake Environment Committee (ILEC) yang berpusat di Universiti Shiga, Jepun.

Tasik Putrajaya dibangunkan dengan objektif utama untuk menjadi pusat sukan air dan rekreasi yang unggul. Untuk tujuan itu, kualiti air hendaklah mematuhi Kelas IIB Standard Kualiti Air Kebangsaan. Kualiti air Tasik Putrajaya amat bergantung kepada kecekapan wetland melaksanakan fungsi-fungsinya untuk memerangkap bahan terapung (floatables), menyaring mendakan, menyerap nutrien berlebihan, menambah kandungan oksigen terlarut dan sebagainya melalui beberapa proses teknikal dan saintifik yang kompleks. Ini adalah kerana 60% daripada keseluruhan air tasik berpunca dari Sungai Chuau dan Sungai Bisa serta tiga buah anak sungai yang lain akan terlebih dahulu masuk ke sel-sel wetland sebelum mengalir ke tasik.
Aspek pengurusan bersepadu dilaksanakan secara berkesan bagi memperkasakan pencapaian output dan outcome menepati objektif pembangunan tasik secara jangka panjang. Justeru keperluan kerja harian dan berkala, pemantauan (monitoring) mendapatkan data serta tindakan pengurusan (management measures) dilaksanakan secara sistematik merangkumi kerja-kerja berikut:

### i. Penyelenggaraan Tumbuhan Wetland

Penjagaan tumbuhan wetland yang merupakan komponen terpenting sebagai agen pembersihan serta aspek pemendakan bagi memastikan tahap keupayaan menampung bahan cemar adalah terkawal. Selain daripada kerja-kerja rutin seperti merumpai, penuaian (harvesting) dan penanaman semula (replanting), penilaian kesihatan tumbuhan juga dilaksanakan. Laporan kesihatan tumbuhan bagi tahun 2016 merekodkan kesihatan tumbuhan adalah baik dan berfungsi sempurna kecuali di beberapa lokasi di Upper East 1,2 dan 3, Upper North 1 dan 3, Lower East 1 dan 2, dan Upper Bisa 2 telah padat dan perlu dibaikpulih.

### ii. Pembuangan Kelodak

Pada tahun 2016, kerja pembuangan kelodak dilaksanakan di sel wetland Upper North 3 (UN3) dengan isipadu kelodak sebanyak 25,000m$^3$ dikeluarkan. Kerja korekan ini disusuli dengan penanaman semula sebanyak 140,000 tumbuhan wetland. Manakala di sel Upper West 1 (UW1) pula, kerja-kerja penanaman semula 149,577 tumbuhan daripada 12 spesis termasuklah *Phragmites karka* (Rumput Gedabong), Lepironia articulata (Purun), Fimbristylis globulosa (Rumput Sadang) dan Eleocharis dulcis (Rumput Sumbu) siap dilaksanakan pada November 2016.



*Tumbuhan Wetland Spesis Lepironia Articulata (Purun) Hidup Subur di Sel Upper West 1 (UW1).*

### iii. Pemantauan Kualiti Air Tasik dan Wetland

Pemantauan kualiti air (ambient) di tasik dilaksanakan secara berterusan berdasarkan empat objektif utama, iaitu:
- keperluan rekreasi
- penilaian status aras tropik
- tahap keasidan; dan
- penilaian kandungan kimia, mikrobiologi dan pencemaran radiasi ke atas sampel air, sedimen dan biota hidup

Persampelan dilaksanakan secara berkala dengan frekuensi serta parameter tertentu di 17 lokasi sejak tahun 2001. Bacaan bagi tahun 2016 merekodkan data purata Indeks Kualiti Air (IKA) 90.0 iaitu dalam julat Kelas II, sesuai untuk aktiviti sukan dan rekreasi air melibatkan sentuhan kulit secara langsung. Meskipun begitu, terdapat juga kes insiden terpencil seperti limpahan bahan cemar serta kemasukan nutrien berlebihan yang menyebabkan kembangan algae setempat (localized algae bloom) di lokasi perairan Presint 1 (berhampiran pier 1), Presint 5 dan Presint 8 (Lembah Tasik) yang ditangani dengan baik dari masa ke semasa. Perhatian khusus ditumpukan kepada lokasi pintu air masuk ke tasik (inlet point) bagi meminimakan impak serta membasmi bahan cemar di peringkat punca.




*Bacaan Indeks Kualiti Air bulanan bagi tahun 2016*

**Spesis Burung yang Pertama Kali Direkodkan Ditemui di Tasik dan Wetland Putrajaya Tahun 2016**



*Little Cormorant*
*(Microcarbo niger)*



*Siberian Stonechat*
*(Saxicola maurus)*



*Stork-billed Kingfisher*
*(Pelargopsis capensis)*



*Rufous-bellied Eagle*
*(Lophotriorchis kienerii)*



*Dark-sided Flycatcher*
*(Muscicapa sibirica)*



*Large-billed Leaf Warbler*
*(Phylloscopus magnirostris)*

**Spesis Amfibia Baru Di Tasik Dan Wetland Putrajaya Ditemui Pada 2016.**



*American Bullfrog*
*(Lithobates castesbeianu).*



*Striped-backed Frog*
*(Hylarana macrodactylus)*

**Spesis Rama-rama dan Kupu-kupu dari Order Lepidoptera di Tasik dan Wetland Putrajaya.**



*Blue Glassy Tiger*
*(Ideopsis vulgaris)*



*Towny Coster*
*(Acraea violae)*

### iv. Penilaian Kepelbagaian Biologi (Biodiversiti)

Pemantauan fauna merekodkan penemuan 12 spesis amfibia, 11 spesis reptilia, 10 spesis mamalia dan 928 spesis serangga. Daripada 138 spesis burung yang ditemui sepanjang tahun, sebanyak 34 spesis dikenalpasti adalah burung hijrah yang singgah di sini pada bulan Oktober hingga December 2016 khususnya di sel Upper Bisa, Presint 16. Antaranya termasuklah Purple Heron *(Ardea purpurea)*, Cattle Egret *(Bubulcus ibis)*, Intermediate Egret *(Mesophoyx Intermedia)* dan Little Egret *(Egretta garzetta)*.

Pemantauan juga menemui 10 spesis burung yang pertama kali dikesan di sini iaitu Oriental Pied Hornbill *(Anthracoceros albirostris)*, Yellow-breasted Greenfinch *(Carduelis spinoides)*, Siberian Stonechat *(Saxicola maurus)*, Dark-sided Flycatcher *(Muscicapa sibirica)*, Stork-billed Kingfisher *(Pelargopsis capensis)*, Little Cormorant *(Microcarbo niger)*, Rufous-bellied Eagle *(Lophotriorchis kienerii)*, Malaysian Hawk-Cuckoo *(Hierococcyx fugax)*, Little Swift *(Apus affinis)*, Large-billed Leaf Warbler *(Phylloscopus magnirostris)*.

Populasi sekumpulan Memerang Bulu Licin (Smooth-coated Otter) yang berjumlah lebih 15 ekor dari kumpulan mamalia akuatik yang disenaraikan spesis terancam kepupusan global oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN) masih lagi selesa menjadikan sel wetland Upper Bisa (UB) sebagai rumah mereka sejak pertama kali dikesan pada 2010. Pemantauan juga merekodkan 2 spesis amfibia baru jenis katak pertama kali direkodkan ditemui di sini iaitu Striped-backed Frog (Hylarana macrodactylus) dan American Bullfrog (Lithobates castesbeianu).

Pengurusan Ikan Bersepadu di Tasik Putrajaya dilaksanakan dengan kerjasama dan bantuan teknikal dari Jabatan Perikanan Malaysia. Aspek pengurusan adalah termasuk aktiviti persampelan, penambahan stok serta kawalan ikan pemangsa bagi tujuan kawalan serta keseimbangan populasi. Persampelan ikan yang dilaksanakan pada Ogos dan Disember 2016 merekodkan 17 spesis termasuklah Kelah, Temoleh dan Tengalan.

Di bawah program ini juga, sebanyak 12,550 benih ikan spesis Kelah, Tengas dan Lampam Jawa dilepaskan ke tasik. Hubungan kerjasama ini dikukuhkan lagi bilamana induk ikan bersaiz besar melebihi 3kg pelbagai spesis ikan seperti Temoleh, Tengalan dan Lampan Sungai yang dinaikkan semasa pertandingan memancing di Tasik Putrajaya diserahkan kepada Pusat Pengembangan Akuakultur, Perlok untuk dijadikan induk penetasan.

Keseluruhannya sebanyak 928 spesis serangga direkodkan pada tahun 2016 termasuk 164 spesis rama-rama. Dengan data-data kehadiran pelbagai kumpulan spesis fauna vertebrata serta kumpulan serangga dari order Ephemeroptera, Tricoptera dan Plecoptera serta Odonata (pepatung) yang menjadi petunjuk biologi yang baik (good indicator), ianya menentusahkan bahawa ekosistem akuatik wetland buatan adalah habitat yang kondusif kepada pelbagai spesis haiwan.

| SPESIS | JUMLAH | SUMBER |
|---|---|---|
| Kelah | 200 | Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar, Glami Lemi, Negeri Sembilan. |
| Tengas | 350 | |
| Lampam Jawa | 12,000 | Pusat Perikanan Darat Banding, Banding, Perak |
| **JUMLAH** | **12,500** | |

*Bilangan dan spesis anak ikan yang telah dilepaskan ke Tasik Putrajaya pada tahun 2016*




*Pemasangan Sistem Amaran Awal Pencemaran di Lokasi Dikenalpasti.*



*YBhg Dato' Pahlawan Zaaim Hassan dan YBhg Dato Fadlun Mak Ujud di Majlis Pelancaran Carta Pandu Arah yang Pertama di Malaysia bagi perairan tasik air tawar (inland water).*




*YB Senator Dato' Dr Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan Menyampaikan Ucapan Seterusnya Merasmikan Seminar.*

### v. Penguatkuasaan dan Kawalan Penggunaan Tasik

Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland merupakan penyelaras pasukan keselamatan bagi semua aktiviti air di Tasik Putrajaya bersama pasukan Polis Marin Putrajaya dan pihak Bomba dan Penyelamat Putrajaya. Pada tahun 2016 kawalan keselamatan di air telah diselaraskan bagi acara peringkat antarabangsa seperti Magic of the Night anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Waterski, Iron Man 7.0, Aquathlon, Varsity Boat Race dan Sunset Triathlon. Bagi aspek kawalan penggunaan tasik, melalui inisiatif konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategi, NBOS) PPj dengan kerjasama teknikal Pusat Hidrografi Negara (PHN) telah menyediakan Carta Pandu Arah. Penggunaan Carta Pandu Arah secara elektronik ini membantu PPj dalam navigasi pelayaran, mengawal dan menentukan aktiviti yang bersesuaian di Tasik.

Selain dari itu, bagi tujuan mempergiatkan penguatkuasaan kawalan aktiviti menangkap dan memancing ikan secara haram di Tasik dan Wetland Putrajaya, pada tahun 2016 Operasi Joran telah dilaksanakan dengan menambah waktu rondaan seawal pagi dan tengah malam di kawasan hotspot pemancing yang telah dikenalpasti. Selain daripada itu, pemantauan pada hari biasa dan hari cuti umum di seluruh kawasan hot spot dijalankan secara berterusan.

### vi. Pemasangan Sistem Amaran Awal Pencemaran

Kawalan pencemaran kualiti air tasik diperkasakan dengan pemasangan 5 buah stesen telemetri (on-line) yang mencerap data kualiti air secara berterusan (24 jam) pada sela masa 15 minit. Sistem ini berfungsi untuk memberi amaran awal (early warning system) kemasukan bahan cemar ke dalam sistem tasik seterusnya membantu tindakan penguatkuasaan ke atas pihak pencemar.

### vii. Penyertaan Pihak Awam Dalam Pengurusan Tasik Dan Wetland Putrajaya

Bagi memperkukuhkan pengiktirafan Tasik dan Wetland Putrajaya sebagai tapak UNESCO-IHP yang menekankan kepada 3 proses saintifik penting iaitu ekosistem (biotik), proses hidrologi dan penglibatan pihak awam, program-program berikut telah dilaksanakan:

#### a) Seminar Antarabangsa "Ecohydrology Management of Putrajaya Lake and Wetland"

Seminar ini telah berlangsung pada 19 hingga 20 Januari 2016 di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Objektif utama penganjuran seminar ini ialah untuk berkongsi informasi hasil kajian Putrajaya Lake and Wetland, Ecosystem Services Economic Assessment (ESEA), kajian kualiti air dan biologi serta kejuruteraan dan pengalaman pengurusan Tasik dan Wetland Putrajaya. Sebanyak 14



buah kertas kerja dibentangkan dengan 3 daripadanya adalah kertas kerja berkaitan kaedah dan pengalaman pengurusan tasik di Thailand, Indonesia dan Filipina. Jumlah penyertaan seminar ini ialah seramai 218 orang, terdiri daripada 184 orang penjawat awam, 24 orang dari agensi swasta, pelajar universiti dan pertubuhan bukan kerajaan serta 10 orang peserta luar negara. Seminar ini juga telah

merumuskan penambahbaikan, inovasi serta halatuju pengurusan bersepadu Tasik dan Wetland Putrajaya pada masa hadapan. Perkara ini adalah penting bagi memastikan perkhidmatan ekosistem (ecosystem services) Tasik dan Wetland Putrajaya yang bernilai RM5,884,325,075.00 (USD USD1,381,296,965.96) terus dijaga sebaiknya (rujuk hasil kajian "Demonstration of Ecohydrology Biotechnologies in Putrajaya Lake and Wetland: Ecosystem Services Economic Study", Disember 2015').

**b) Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Kebangsaan (Zon Tengah) UNESCO-IHP 2016**

Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Kebangsaan (Zon Tengah), UNESCO-IHP sempena sambutan Hari Air Sedunia telah berlangsung pada 22 hingga 24 Mac 2016 di Tapak Perkhemahan, Taman Wetland, Putrajaya. Perbadanan Putrajaya telah dilantik untuk kali ke-2 menjadi penganjur utama serta tuan rumah bagi mengendalikan kem ini.

**c) Denai Pendidikan Tumbuhan Wetland**

Projek Denai Pendidikan Tumbuhan Wetland (Wetland Plants Education Trail) dilaksanakan dengan kerjasama pihak Maybank melalui program Corporate Responsibility (CR). Ianya melibatkan kerja-kerja penanaman sebanyak 2,400 nos tumbuhan terdiri daripada 8 spesis iaitu Typha angustifolia (Lembang), Fimbristylis globulosa (Rumput Sadang), Eriocaulon longifolium (Rumput Butang), Scirpus mucronatus (Rumput Kumba), Eleocharis dulcis (Ubi Puron), Hanguana malayana (Bakong), Phylidrum lanuginosum (Rumput Kipas) dan Cyperus haspen viviparus (Rumput Sumbu Kerdil).

**d) Pertandingan Memancing Putrajaya 2016**

Pertandingan Memancing Putrajaya telah memasuki tahun yang ke 16 pada tahun ini. Acara kali ini berlangsung pada 8 Mei 2016, di sisiran tasik Presint 4, Putrajaya dengan penyertaan sebanyak 1580 peserta. Tangkapan pertama, Baung seberat 2.44kg (17.115 mata) berjaya dinaikkan sekitar jam 7.35 pagi. Ikan ini kekal menduduki 'ranking' pertama sejak ianya dinaikkan hinggalah 'air horn' penamat dibunyikan pada jam 12.00tgh. Tangkapan ini amat bermakna dan menjadi rezeki kepada Muhammad bin Sukiman untuk muncul sebagai Juara Pertandingan Memancing Putrajaya 2016. Secara keseluruhannya sebanyak 194 ekor ikan berjaya dinaikkan dengan spesis Lampam merupakan yang terbanyak iaitu 45.88%, dikuti oleh Baung, Toman, Temoleh, Tengalan dan Tilapia.



*Suasana pertandingan memancing di Sisiran Tasik Presint 4*

### e) Lawatan Penanda Aras (Bench-marking) ke Tasik dan Wetland Putrajaya

Sebagai tapak 'Operational Demonstration Site' UNESCO-IHP, Tasik dan Wetland menjadi tempat pilihan lawatan-lawatan teknikal program penanda aras agensi-agensi khususnya yang berkaitan kajian serta pengurusan badan air. Delegasi luar negara yang hadir termasuklah dari UNESCO APCE (Asia Pacific Centre for Ecohydrology) yang berpusat di Indonesia, UNESCO HELP (Hydrology for the Environment, Life and Policy), Korea Environmental Preservation Association (KEPA), Dr. Kshama Khobragade (pakar ILBM - Intergrated Lake Basin Management), Jabatan Geofizik dan Meteorologi Universiti Pertanian Bogor, delegasi Perusahaan Umum (PERUM) Jasa Tirta 1 serta Persatuan Wanita Rantau Pasifik dan Asia Tenggara (PPSEAWA). Selain daripada itu, program perkongsian ilmu 3EP (Ecosystem and Environment Educational Programme) turut memberi manfaat kepada 118 orang pelajar dari 2 buah sekolah, 409 orang pelajar dan pensyarah dari 14 buah universiti tempatan dan luar negara serta 189 orang dari 11 buah agensi kerajaan/swasta.




*Ringkasan Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Alam Sekitar yang telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2014-2016.*

### Pengurusan Alam Sekitar Putrajaya

Pengurusan alam sekitar di Putrajaya sentiasa memberi fokus kepada usaha mewujudkan ekosistem bandar Putrajaya yang mampan melalui keseimbangan alam sekitar, kesihatan, ekonomi, sosial, agama dan kebudayaan di setiap peringkat perancangan, pemantauan dan penguatkuasaan alam sekitar. Selain itu program pendidikan dan kesedaran alam sekitar juga menjadi elemen utama bagi melahirkan komuniti Putrajaya yang mampan dan mengamalkan amalan lestari alam sekitar dalam kehidupan seharian.

Program Penguatkuasaan Alam Sekitar memerlukan penglibatan, komitmen dan kawalan yang lebih cekap dan berkesan selaras dengan bertambahnya punca-punca pencemaran yang dijangka meningkat dari tahun ke tahun seperti berikut:

- Pencemaran efluent/discaj yang berpunca daripada bilangan premis perniagaan dan fasa operasi yang bertambah.
- Pencemaran air larian daripada kawasan penganjuran acara akibat bertambah permintaan mengadakan acara di Putrajaya.



*Penguatkuasaan Pelepasan Asap Hitam dari Kenderaan Diesel*

## PROJEK PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1MALAYSIA (PPA1M) PUTRAJAYA

Dalam mencapai polisi 5 Rancangan Struktur Putrajaya 2025 dalam memperkasakan persekitaran komuniti Putrajaya, beberapa inisiatif dan program telah dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya termasuk program galakan pembangunan pelbagai jenis unit perumahan, menyediakan perumahan mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana dan membenarkan kewujudan unit kediaman pada kepadatan yang lebih tinggi di lokasi-lokasi yang bersesuaian seperti kawasan berhampiran terminal pengangkutan.

### Pelaksanaan Skim Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia - PPA1M Putrajaya

Pembangunan PPA1M Putrajaya sebanyak 17,530 unit dilaksanakan secara berperingkat mengikut perlaksanaan Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3. Secara keseluruhan, perlaksanaan PPA1M Putrajaya adalah sepertimana jadual berikut:

| | PPA1M | PLOT, PRESINT | UNIT |
|---|---|---|---|
| FASA 1 | Selasih | 17RK5, 17 | 1,000 |
| | Jintan | 16D, 16 | 517 |
| | Pudina | 17RK3 & 17RK4, 17 | 1,504 |
| | Larai | 6R9, 6 | 1,680 |
| | Melinjau | 8.5, 11 | 650 |
| | Palma | 12D, 11 | 263 |
| | Seruling | 5R5, 5 | 1,062 |
| | Ketumbar | 17RM2, 17 | 800 |
| | Kasturi | 17RM1, 17 | 404 |
| | | JUMLAH | 7,880 |
| FASA 2 | Tanjung | 5R7, 5 | 1,350 |
| | Cengkih | PT 12218, 16 | 500 |
| | Saderi | PT 12217, 16 | 1,100 |
| | Melur | 19RK1 & RK2 | 1,928 |
| | Dalur | 18R9, 18 | 500 |
| | | JUMLAH | 5,378 |
| FASA 3 | Serunai | 5R10, 5 | 982 |
| | Rebana | 5R13, 5 | 430 |
| | Teratai | 12R3, 12 | 880 |
| | Mawar | 19RK4, 19 | 1,280 |
| | Cemara | PT6877, 11 | 700 |
| | | JUMLAH | 4,272 |
| | | **JUMLAH KESELURUHAN** | **17,530** |

*Pencapaian PPA1M Putrajaya Tahun 2016*

Pada tahun 2016, terdapat 9 projek pembangunan PPA1M Putrajaya Fasa 1 berjumlah 7,880 unit giat dibangunkan. Secara keseluruhan pencapaian PPA1M Putrajaya Fasa 1 adalah seperti jadual dibawah:

| PPA1M FASA 1 | PERATUS PENCAPAIAN (DISEMBER 2016) | JANGKAAN SERAHAN KUNCI |
|---|---|---|
| Selasih | 98 % | MAC 2017 |
| Jintan | 93 % | MAC 2017 |
| Pudina | 95 % | MAC 2017 |
| Larai | 51 % | OKTOBER 2017 |
| Melinjau | 68 % | SEPTEMBER 2017 |
| Palma | 58 % | NOVEMBER 2017 |
| Seruling | 41 % | MAC 2018 |
| Ketumbar | 11 % | MAC 2019 |
| Kasturi | PERINGKAT TENDER | DISEMBER 2019 |

### Menandatangani Perjanjian Jual Beli PPA1M Putrajaya

Seramai hampir 5,600 orang pembeli PPA1M Putrajaya telah menandatangani dokumen Perjanjian Jual Beli (SNP) PPA1M Putrajaya pada tahun 2016.





*Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli PPA1M Putrajaya 11 April 2016*

Gambar kemajuan PPA1M Fasa 1



*PPA1M Pudina, Presint 17*



*PPA1M Palma, Presint 11*



*PPA1M Seruling, Presint 5*



*PPA1M Larai, Presint 6*



*PPA1M Ketumbar, Presint 17*



*PPA1M Selasih, Presint 17*



*PPA1M Melinjau, Presint 11*

## KAWALAN PEMBANGUNAN

Dalam mensasarkan polisi 1, Rancangan Struktur Putrajaya 2025, iaitu menjadikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang cemerlang, aspek kawalan pembangunan dan penguatkuasaan perancangan adalah amat penting. Aspirasi untuk memperolehi sebuah Bandaraya Mampan dengan ekonomi yang mampan memerlukan pendekatan pengurusan gunatanah yang responsive dan juga sistem kawalan pembangunan yang efektif bagi mengawal dan menggalakkan pembangunan di Putrajaya. Sehingga kini lebih kurang Perbadanan Putrajaya telah meluluskan pemajuan hampir 80% daripada gunatanah di Putrajaya yang merangkumi 86% kelulusan gunatanah untuk pembangunan Pejabat kerajaan, dan sebahagian lagi adalah untuk tujuan perumahan lengkap dengan kemudahan awam untuk Warga Putrajaya. Perbadanan Putrajaya juga terus menggalakkan pembangunan komersil yang kini telah mencapai lebih kurang 12% dan sasaran akan ditingkatkan lagi untuk mengimbangi pembangunan Putrajaya yang telah memenuhi fungsi pentadbiran kerajaan persekutuan dengan pembangunan komersil yang berdaya maju bagi menyokong asas ekonomi bandar yang mampan.

### Pusat Setempat PPj (OSC 3.0) dan Kelulusan Pelan

Objektif utama Pusat Setempat, Perbadanan Putrajaya (OSC PPj) diwujudkan adalah bertujuan untuk menyelaras dan memantau semua proses permohonan pemajuan yang lengkap di Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk diuruskan dengan cekap, teratur dan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan.

Berikut adalah perbandingan maklumat bilangan permohonan yang diterima di Kaunter Pusat Setempat OSC dan bilangan permohonan yang dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat OSC untuk kelulusan permohonan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah seperti berikut :

| JENIS PERMOHONAN | Bilangan Permohonan yang diterima oleh OSC | | | Bilangan Permohonan yang dibawa ke Mesyuarat OSC | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2015 | 2016 | 2014 | 2015 | 2016 |
| Permohonan Serentak | 48 | 98 | 96 | 42 | 34 | 44 |
| Kebenaran Merancang | 136 | 69 | 109 | 68 | 61 | 30 |
| Pelan Kejuruteraan | 61 | 28 | 29 | 16 | 16 | 16 |
| Pelan Pembangunan | 360 | 221 | 231 | 324 | 217 | 200 |
| Pelan Landskap | 34 | 29 | 9 | 23 | 27 | 7 |
| Jumlah | 639 | 446 | 474 | 473 | 358 | 294 |

*Statistik Pencapaian Memproses berdasarkan Jenis Permohonan bagi tahun 2014 hingga 2016*




Secara keseluruhannya, jumlah permohonan yang diterima di Kaunter Pusat Setempat (OSC) menunjukkan penurunan permohonan dari tahun 2014 kepada 2015 adalah sebanyak 193 permohonan dan terdapat peningkatan permohonan dari tahun 2015 kepada 2016 adalah sebanyak 28 permohonan.

Terdapat perbezaan maklumat bilangan permohonan yang diterima di kaunter OSC dengan bilangan permohonan yang dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) kerana hanya permohonan yang berskala besar sahaja dibawa ke mesyuarat untuk mendapatkan kelulusan. Bilangan projek berskala besar yang diluluskan pada tahun 2016 sebanyak 6 buah projek seperti berikut:

i. PPA1M Tanjung, Presint 5
ii. PPA1M Saderi, Presint 16
iii. PPA1M Cengkih, Presint 16
iv. PPA1M Dalur, Presint 18
v. Pembangunan Plot 8MD1, Presint 8
vi. Pembangunan AWQAF, Presint 3

Sejumlah 5,486 unit kediaman dan 158,356 meter persegi luas lantai kasar (GFA) pembangunan komersial telah diluluskan pada tahun 2016.

## Perakuan Siap dan Pemantauan (CCC)

Selain penerimaan pelan-pelan untuk kelulusan, Perbadanan Putrajaya juga telah menerima pengemukaan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) terhadap bangunan-bangunan yang telah disiapkan mematuhi peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986.
Di antara CCC yang telah diterima adalah terhadap pembangunan Cadangan Pembangunan Komplek Pejabat Di Atas Pt 12081 (Plot 3m2), Pt 12075 (Plot 3c2) Dan Pt 12074 (Plot 3c3), Presint 3, yang dikenali sebagai Kompleks Islam Putrajaya.

Perbadanan Putrajaya juga turut menerima CCC bagi pembangunan 16 unit Tadika/Taska di Presint 18, Putrajaya. Dengan pengeluaran CCC tersebut akan membolehkan ianya beroperasi bagi mengatasi masalah kekurangan tadika/taska di Putrajaya.

Pengemukaan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) juga telah diterima oleh Kaunter OSC selaras dengan keperluan OSC 3.0 dan direkodkan bagi tujuan pemantauan perlaksanaan projek sehingga CCC.Berikut adalah maklumat permohonan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang telah diterima dari tahun 2014 hingga 2016:

| JENIS PERMOHONAN | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) | 25 | 28 | 37 |





*Rekabentuk Pembangunan PPA1M Tanjung Presint 5 dan Rekabentuk Pembangunan AWQAF, Presint 3*



*Pembangunan Plot Komersil 8MD1 oleh Putrajaya Holdings*

## KAWALAN BANGUNAN

Dalam tahun 2016, Perbadanan telah menerima dan memproses sejumlah 47 permohonan Permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan. Di antara permohonan yang diterima dan telah diluluskan adalah Cadangan Pembangunan Kompleks Kerajaan Yang Mengandungi 11 blok pejabat dengan ketinggian antara 8 hingga 13 tingkat beserta podium tempat letak kereta bertingkat di atas Parcel F, Presint 1, Putrajaya.  Anggaran keluasan Ruang Lantai Kasar (GFA) bagi semua bangunan pejabat berkenaan adalah 252,281.46 meter persegi yang akan menempatkan pejabat bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Audit Negara, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Biro Tatanegara, Jabatan Kerja Raya WP Putrajaya, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perangkaan, Jabatan Perangkaan. Bahagian Pengurusan Hartanah dan Jabatan Lanskap Negara. Anggaran keseluruhan kakitangan yang akan ditempatkan di pembangunan ini apabila ianya siap kelak adalah 4,899 orang.

Selain itu, Perbadanan Putrajaya juga telah menerima, memproses dan meluluskan 5 Permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan bagi Cadangan Perumahan Penjawat Awam (PPA1M) fasa 2 iaitu di Presint 5, 16 (2 plot), 17, dan 18. Pembangunan tersebut apabila disiapkan kelak akan dapat memberi kemudahan tempat tinggal kepada 3,854 penjawat awam.

Bagi kesalahan berkaitan bangunan, Perbadanan Putrajaya melalui Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan telah mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 secara tegas dan berhemah di sepanjang tahun 2016 dalam usaha mengekalkan keseragaman bangunan-bangunan terutamanya bangunan kediaman.











Berikut adalah jumlah aktiviti yang melibatkan pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan dalam tahun 2016 berbanding tahun 2015;

| Aktiviti | 2015 | 2016 |
|---|---|---|
| Lawatan dan laporan pemantauan tapak bina | 80 | 82 |
| Laporan / pra kertas siasatan untuk pengeluaran kompaun | 9 | 4 |
| Kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan | 0 | 3 |
| Notis Kesalahan (seksyen 70 (13) Akta 133) | 6 | 5 |
| Notis Kesalahan (seksyen 70 (14) Akta 133) | 0 | 13 |
| Notis Arahan (seksyen 72 & pelbagai) | 66 | 61 |
| Notis Pematuhan | 24 | 6 |
| Notis lain (seksyen 46, 47, 80, 82, dll) | 0 | 13 |
| Mengambil tindakan dalam menyelesaikan aduan yang diterima melalui CRM yang melibatkan kesalahan bangunan | 5 | 23 |
| Pemantauan bersepadu bersama bahagian/ jabatan dalaman perbadanan putrajaya serta agensi luar seperti bomba | - | 3 |
| kompaun dikeluarkan | - | 7 |
| Notis kesalahan uuk 28 (1), UKBS (pindaan) 2007. | - | 2 |
| Notis kesalahan uuk 28 (2), UKBS (pindaan) 2007 | - | 0 |
| Notis kesalahan seksyen 70 (27), AKTA 133. | - | 2 |
| Proses maklumbalas/rayuan pemohon kepada jawatankuasa | - | 9 |
| Tindakan perobohan | - | 0 |
| Penguatkuasaan dan pemantauan pemasangan SPAH & PV panel | - | 28 |

*JADUAL - Jumlah Aktiviti Seksyen Inspektorat Bangunan, Tahun 2015 – 2016*



7 kompaun berjumlah RM175,000.00 telah dikeluarkan atas kesalahan di bawah seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan juga telah menyiapkan dua (2) garispanduan kediaman. Garis panduan bagi kerja-kerja kecil dan ubahsuai bangunan kediaman ini diadakan bagi menyelesaikan isu–isu yang dibangkitkan oleh pemilik dan isu reka bentuk di peringkat perancangan bagi memastikan tindakan pembetulan terhadap isu-isu berkenaan yang dilakukan, dapat dikawal reka bentuknya agar seragam dan mematuhi kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986





Garis Panduan Perumahan THE PINES, Presint 11;







Garis Panduan Perumahan (Zero-Lot), DANAU MUTIARA, Presint 16.



















## Reka Bentuk Sejagat dan Akses Audit

Dalam usaha memastikan Putrajaya menjadi salah satu daripada bandar yang boleh diakses (accessible city) oleh semua termasuk golongan orang kurang upaya (OKU), kanak-kanak dan warga tua, Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan telah meneruskan penguatkuasaan kehendak undang-undang kecil 34A, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 yang merujuk kepada MS1184:2014 dan kehendak Akta Orang Kurang Upaya 2008 bermula dari peringkat pengemukaan Permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan dalam tahun 2016.

Sejumlah 16 permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan Kediaman dan 15 permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan Komersil, 8 permohonan Kelulusan Pelan Pindaan Komersil dan 95 permohonan Kelulusan Kerja-kerja Kecil dan Ubahsuai Komersil yang dikemukakan dalam tahun 2016 telah disemak bagi mematuhi kehendak reka bentuk sejagat.

Selain itu, perlaksanaan akses audit sebelum pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) juga diteruskan dalam tahun 2016 bagi memastikan pembinaan yang telah disiapkan mematuhi kehendak pelan-pelan akses yang telah diluluskan dan benar-benar boleh digunakan oleh golongan sasar. Sejumlah 9 akses audit ke atas pembangunan yang baharu disiapkan telah dilaksanakan dalam tahun 2016. Senarai pembangunan terlibat adalah seperti berikut:

| Bil. | Pembangunan | Presint |
|---|---|---|
| 1 | 4 Unit Kedai Lot 18C3 | 18 |
| 2 | 3 Unit Kedai, Lot 18R5NC | 18 |
| 3 | Golden Arches Restaurant, Lot 7, Jalan P2N | 2 |
| 4 | Kompleks Islam Putrajaya, Blok A&B, PT12081 | 3 |
| 5 | Kompleks Islam Putrajaya, Blok C, PT12075 | 3 |
| 6 | Kompleks Islam Putrajaya, Blok D, PT12074 | 3 |
| 7 | 880 Unit Apartmen Dwiputra, PT14123 | 15 |
| 8 | 440 Pangsapuri Awam Plot 8R4 | 8 |
| 9 | Pusara Negarawan, PT 13304 & 13306 | 20 |

*Jadual – Akses Audit yang telah dilaksanakan*

Pada 9 Ogos 2016, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 telah dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat bagi menterjemahkan Dasar OKU ke dalam program dan aktiviti untuk memudahkan pemegang taruh (stakeholders) yang berkaitan melaksanakannya dengan berkesan. Salah satu inisiatifnya adalah supaya setiap PBT membangunkan satu Pelan Induk Aksessibiliti. Lanjutan itu, pada 22 dan 23 November 2016, satu bengkel telah diadakan bagi menyediakan deraf Pelan Induk Aksessibiliti Putrajaya bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC). Bengkel tersebut telah diadakan dengan bimbingan daripada Prof. Dato' Sri. Ar. Dr. Asiah Abdul Rahim yang turut terlibat dalam merangka Pelan Induk Aksessibiliti untuk PBT di peringkat kebangsaan.

Pembangunan Pelan Induk Aksesibiliti yang lengkap dan menyeluruh bagi perlaksanaan berperingkat/berfasa akan dapat merealisasikan hasrat untuk menjadikan Putrajaya sebagai "The Most Accessible City" di Malaysia dan juga dunia menjelang tahun 2025 secara sistematik dan berkesan. Memandangkan Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan kehendak reka bentuk sejagat sejak tahun 2012, Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan telah dijemput oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat sebagai fasilitator program akses audit dalam persekitaran alam bina di Negeri Sarawak pada 21 – 22 Mac 2016 dan Negeri Johor pada 24 – 25 April 2016.

Program tersebut telah memberi peluang menyumbang pengalaman dan pengetahuan perlaksanaan kehendak reka bentuk sejagat di Putrajaya bagi merealisasikan pembangunan reka bentuk sejagat di peringkat PBT di Negeri Sarawak dan Johor.



Selain itu, sebagai penerima Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan 2015, Perbadanan juga telah diberi kepercayaan bagi menerangkan bagaimana kehendak Reka bentuk Sejagat diterjemahkan di dalam pelan-






pelan pembangunan supaya dijadikan contoh kepada PBT lain seluruh Malaysia di dalam Kursus Menyemak Pelan Bangunan ini telah diadakan pada 26 - 28 Julai 2016 bertempat di Institut Latihan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bukit Tinggi, Pahang. Kursus berkenaan telah turut dihadiri oleh 100 orang wakil PBT dari seluruh Malaysia.

**Perlaksanaan Projek Khas**

Dalam tahun 2016, Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan juga telah diberi kepercayaan untuk berkerjasama dengan jabatan lain untuk melaksanakan beberapa reka bentuk dan menguruskan projek khas Perbadanan, iaitu;

i. **Jambatan Laluan Pejalan Kaki `Glulam Timber Pedestrian Bridge" Presint 1 & P16.**
Projek ini adalah kerjasama di antara Perbadanan dan Malaysian Timber Council yang bertujuan mengukuhkan usaha untuk menggalakkan penggunaan kayu serta berkongsi teknologi dalam bidang kejuruteraan kayu (timber engineering) dan menghasilkan pembinaan yang mesra alam (sustainable development & resources).

ii. **Cadangan Reka Bentuk Bangunan Di Taman Persahabatan Malaysia - China di Dongguan, China.**
Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan bekerjasama dengan Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya telah menghasilkan reka bentuk bangunan rumah melayu bagi Taman Persahabatan Malaysia – China di Taman Botani, Dongguan, China dan di selaras oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Konsep Rumah Melayu Melaka merupakan fokus utama dalam cadangan rekabentuk rumah melayu di Taman Botani, Dongguan, China memandangkan persahabatan dengan Negara China telah wujud sejak zaman




kesultanan Melaka. Jangkaan projek ini dapat disiapkan sepenuhnya dalam bulan ogos 2017.

iii. **'Magic of The Night 2016'**
Perbadanan Putrajaya telah menyertai Pertandingan Bot Berhias ' Magic Of The Night 2016' yang telah dianjurkan pada 27 Mei hingga 4 Jun 2016. Perbadanan Putrajaya telah membawa keunikan 'Retro Magic of Putrajaya' selaras dengan konsep Retro Magic sebagai tema telah menyuntik sentuhan kreativiti padu dan magika dengan menampilkan jiwa Putrajaya kembali ke zaman Retro 70an, dan ianya jelas dipamerkan melalui evolusi Retro yang ditunjukkan dengan penuh keunikan pada seni bina bangunan-bangunan ikonik yang cukup terkenal dan dikagumi di Putrajaya.

Karakter 'adik-beradik The Four Gees' yang di adaptasi dari empat bangunan agensi kerajaan yang terletak di Presint 4 sedang berdiri penuh bergaya di atas Jambatan Putra, iaitu merupakan jambatan pertama yang siap dibina di Presint 1, Putrajaya. telah dianugerahkan sebagai Juara (Champion) – "Most Creative".



## PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN

Dalam tahun 2016, antara projek yang telah disiapkan adalah seperti berikut :



*Stor Perabot di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di Presint 5*



*Gerai Penjaja di Presint 9*



*Laluan Pejalan Kaki Berbumbung dari Menara Seri Wilayah ke Jambatan Putra*



*Pondok Pengawal di Taman-taman Awam Sekitar Putrajaya*



*Surau di Tapak Floria, Presint 4*



*Tandas Awam di Tapak Floria, Presint 4*

Projek-projek yang sedang dalam pembinaan ialah :

i. Pusat Penyelenggaraan Bot di Presint 19 yang dijangka siap pada bulan Mei 2017
ii. Menaik Taraf Loji Rawatan Kumbahan 2 Modul 1 di Presint 5 yang dijangka siap pada bulan Julai 2018
iii. Sistem SCADA untuk Sistem Pam Kumbahan di Putrajaya yang dijangka siap pada bulan September 2017

# Perkhidmatan PERBANDARAN



# Perkhidmatan PERBANDARAN



## PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Dalam usaha untuk memperkasakan ekonomi bumiputera di Putrajaya, PPj telah melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

### Kios D'Harmoni, Presint 9

10 unit kios baharu telah dibina dibawah inisiatif Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, Kementerian Wilayah Persekutuan. Kios ini dikenali dengan nama Kios D'Harmoni dan telah mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos 2016 dengan menjual pelbagai juadah yang menjadi tarikan pengunjung di kawasan sekitar. Hasil jualan kasar bagi peniaga di kios tersebut adalah sebanyak RM100,000.00 bagi tempoh 5 bulan beroperasi.

### Program 1Malaysia Mobile Hawker (1MMH)

Merupakan inisiatif Strategi Lautan Biru (NBOS) gabungan usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya. Melibatkan sebanyak 10 unit food truck.

### Program Perniagaan Baharu Food Truck

Di bawah inisiatif pengembangan perniagaan bagi memperkasakan ekonomi bumiputera, Perbadanan Putrajaya telah melahirkan 15 peniaga baharu food truck dengan bantuan pembiayaan bagi pembelian food truck oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan bantuan deposit sebanyak RM10,000 bagi setiap unit food truck oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Hasil jualan kasar peniaga food truck ini adalah sebanyak RM45,000 bagi tempoh 1 bulan beroperasi (Disember 2016).







Di samping itu, PPj meneruskan program tahunan seperti berikut:

### Festival Ramadan Putrajaya

Anggaran jumlah pengunjung yang telah menghadiri festival ini adalah seramai 600,000.00 orang. Festival ini telah disertai oleh seramai 200 peniaga barangan raya dengan hasil jualan kasar sebanyak RM1.45juta.

Antara program keagamaan seperti Majlis Khatam Quran Perdana dan tazkirah agama turut diadakan di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

### Bazar Ramadan Putrajaya

Bazar Ramadan Putrajaya diadakan pada setiap tahun di kawasan letak kenderaan bersebelahan Istana Kehakiman, Presint 3, Putrajaya yang menempatkan seramai 300 peniaga dengan hasil jualan kasar sebanyak RM2.61 juta. Pada tahun 2016, penyertaan dari kalangan penduduk Putrajaya di Bazar Ramadan adalah seramai 152 orang.

### Sewaan Lot Niaga

Sebanyak 199 lot premis telah berjaya disewakan. Maklumat penyewaan lot premis adalah seperti jadual di sebelah.

Selain itu, terdapat juga lot-lot pejabat/komersil yang disewakan kepada agensi kerajaan, organisasi korporat dan syarikat-syarikat swasta. Jumlah lot yang disewakan adalah seperti di bawah:

i. 23 unit di Kompleks PPj;
ii. 27 unit di Kompleks Pejabat Kedutaan dan Pusat Pelawat di Presint 15;
iii. 4 unit di Pangsapuri Putra Damai, presint 11

Hasil kutipan sewa lot pejabat/komersil bagi tahun 2016 telah menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 9.5% iaitu RM4,776517.20 berbanding tahun 2015 seperti jadual di bawah:

**Hasil Sewaan Premis**




| Bil. | PREMIS | Jumlah Keseluruhan lot | Jumlah Premis yang disewakan |
|---|---|---|---|
| 1. | Selera Putra, Presint 1 | 13 | 11 |
| 2. | Souq Aras Atas, Presint 1 | 25 | 16 |
| 3. | Souq Aras Bawah, Presint 1 | 14 | 14 |
| 4. | Selera Laman Perdana, Presint 1 | 10 | 9 |
| 5. | Taman Botani, Presint 1 | 4 | 2 |
| 6. | Bangunan Monumen Alaf Baru, Presint 2 | 2 | 2 |
| 7. | Kios Persiaran Perdana Sepanjang Presint 2, 3 Dan 4 | 12 | 12 |
| 8. | Pusat Kawalan Empangan, Presint 5 | 1 | 1 |
| 9. | Kompleks Sukan Luncur (Skate Park), Tmn Cabaran, Presint 5 | 2 | 2 |
| 10. | Kompleks Sukan Mendaki (Climbing Centre), Tmn Cabaran, Presint 5 | 2 | 2 |
| 11. | Medan Selera Presint 8 | 15 | 15 |
| 12. | Pasar Awam Presint 8 | 46 | 46 |
| 13. | Medan Selera Presint 9 (Diuruskan oleh Pengusaha Utama) | 1 | 1 |
| 14. | D'Harmoni @ Presint 9 | 10 | 10 |
| 15. | Kompleks Kejiranan Presint 9 | 3 | 3 |
| 16. | Medan Selera Presint 11 (Diuruskan oleh Pengusaha Utama) | 1 | 1 |
| 17. | Kafeteria Taman Wetland, Presint 13 | 2 | 2 |
| 18. | Kompleks Kejiranan Presint 11 | 4 | 3 |
| 19. | Medan Selera Presint 16 | 6 | 6 |
| 20. | Pasar Awam Presint 16 | 31 | 30 |
| 21. | Kompleks Kejiranan Presint 16 | 10 | 10 |
| 22. | Kafeteria Kompleks Futsal, Presint 18 | 1 | 1 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN LOT** | **215** | **199** |




## Pelesenan Premis Perniagaan Dan Penjaja

Sebanyak 7,389 lesen premis perniagaan dan penjaja telah dikeluarkan sepanjang tahun 2016 menunjukkan peningkatan sebanyak 301% berbanding tahun sebelumnya. Perincian perbandingan bilangan pengeluaran lesen dari tahun 2014 – 2016 adalah seperti Jadual 1.

## Pelesenan Iklan

Terdapat peningkatan sebanyak 3% berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh pembangunan lot-lot komersial baharu di sekitar Putrajaya. Perincian pengeluaran lesen iklan adalah seperti jadual 2.

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhannya kutipan hasil Aktiviti Sewaan dan Perlesenan PPj tahun 2016 telah menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 1.7% berbanding dari tahun sebelumnya. Kutipan hasil sewaan pada tahun 2016 bagi premis-premis milik PPj adalah sebanyak RM3,135,678.28. menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 0.23% berbanding tahun sebelumnya.

Kutipan hasil lesen perniagaan pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan sebanyak 24% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh penambahan lot-lot komersial baru dan penguatkuasaan terhadap lesen perniagaan, manakala kutipan hasil lesen iklan menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 2.3% berbanding tahun sebelumnya. Walaupun hasil menurun, jumlah permohonan iklan didapati bertambah. Ini berikutan bertambahnya permohonan iklan oleh agensi kerajaan yang dikecualikan bayaran Fi Lesen Iklan.

Kutipan keseluruhan hasil sewaan bagi Pasar Ramadan, tapak Bazar Laman Perdana dan tapak acara lain pada tahun 2016 adalah RM448,774.00 menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 6.8% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM481,408.00.

| Jenis Lesen | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Lesen Premis Perniagaan | 230 | 242 | 296 |
| Pembaharuan Lesen Premis | 720 | 688 | 734 |
| Lesen Penjaja Statik | 50 | 12 | 1 |
| Pembaharuan Lesen Penjaja Statik | 80 | 63 | 46 |
| Penjaja Sementara | 3850 | 837 | 6312 |
| Jumlah | 4930 | 1842 | 7389 |

*Jadual 1: Perbandingan Bilangan Lesen Yang Dikeluarkan*

**Bilangan Pengeluaran Lesen Iklan**




*Graf Bilangan Pengeluaran Lesen Iklan*

| Perkara | 2014 | (RM) 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Kutipan sewa dari premis tetap | 3,445,867.89 | 3,143,023.90 | 3,135,678.28 |
| Kutipan Hasil dari lesen perniagaan | 407,530.00 | 424,633.00 | 557,019.00 |
| Kutipan Hasil dari lesen iklan | 584,026.00 | 554,249.00 | 541,922.00 |
| a. Kutipan sewa Bazar Ramadan | 123,125.00 | 205,799.80 | 254,150.00 |
| b. Kutipan sewa tapak Bazar Laman Perdana | 17,060.00 | 32,641.50 | 19,200.00 |
| c. Kutipan sewa tapak semasa acara | 255,330.20 | 242,966.70 | 175,424.00 |
| Jumlah keseluruhan | 4,832,939.09 | 4,603,313.90 | 4,683,393.28 |

*Jadual 2: Kutipan Hasil Aktiviti Sewaan dan Perlesenan 2014-2016*

## MERINYU PELESENAN

Pada pertengahan tahun 2014 Unit Merinyu telah ditubuhkan. Secara amnya unit ini ditubuhkan untuk memantau segala aktiviti perniagaan di Putrajaya supaya ianya mematuhi peraturan pelesenan seperti yang telah diluluskan oleh pihak Perbadanan Putrajaya. Di antara skop dan fungsi Unit Merinyu adalah seperti berikut :-

i. Pemeriksaan/pemantauan pematuhan lesen premis di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (W.P.Putrajaya) 2016, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai W.P. Putrajaya 2016, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (W.P.Putrajaya) 2016, Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002 da di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (W.P. Putrajaya) 2016

ii. Pemeriksaan/pemantauan pematuhan lesen penjaja untuk pengurusan acara-acara di Putrajaya.

iii. Pemantauan operasi bersepadu dilakukan bersama-sama Jabatan Perancangan Bandar, Bahagian Kawalan Kesihatan dan Bahagian Penguatkuasaan.

iv. Pemprosesan Kertas Siasatan bagi kes-kes kompaun yang tidak dibayar kepada Perbadanan Putrajaya sebelum dikemukakan ke Jabatan Undang-Undang untuk tindakan selanjutnya.

Bermula bulan Mei 2016, kakitangan Unit Merinyu telah dibekalkan dengan kad kuasa yang membolehkan kakitangan unit ini mengkompaun setiap keengkaran yang dilakukan oleh peniaga-peniaga di premis perniagaan di Putrajaya. Sebelum ini urusan ini dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa, Perbadanan Putrajaya.

Hasil penguatkuasaan oleh unit ini adalah seperti berikut:

### Lesen Perniagaan Premis

| Premis ada Lesen | Premis Tiada Lesen | Lesen Tamat Tempoh | Premis tutup | Jumlah Premis |
|---|---|---|---|---|
| 398 | 112 | 60 | 71 | 641 |



### Lesen Iklan Premis

| Premis ada Lesen | Premis Tiada Lesen | Lesen Tamat Tempoh | Premis tutup | Jumlah Premis |
|---|---|---|---|---|
| 227 | 62 | 50 | 71 | 420 |

### Kompaun Premis

| Bil. | Undang-Undang Kecil | Bil. Kompaun |
|---|---|---|
| 1. | UUK Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (PPj) 1999 | 30 |
| 2. | UUK Iklan W.P. Putrajaya 2002 | 31 |
| 3. | UUK Penjaja dan Gerai (PPj) 1999 | 3 |
| 4. | UUK Establisymen Makanan (PPj) 1999 | 18 |
| 5 | Sek. 107(5) Akta kerajaan Tempatan | 4 |
| | Jumlah | 86 kompaun |

Sebanyak 86 kompaun telah dikeluarkan oleh unit ini di mana 34 kompaun bernilai RM5,680.00 telah dibayar kepada Perbadanan Putrajaya. Bagi permohonan baharu yang mempunyai rekod tunggakan kompaun, lesen akan disekat untuk pembaharuan pada tahun berikutnya sehingga tunggakan dijelaskan.

## SEWAAN KEMUDAHAN KOMUNITI

Hasil sewaan melalui perkhidmatan kemudahan seperti padang, dewan, gelanggang, kolam dan lain-lain fasiliti yang disediakan di seluruh kompleks kejiranan, pusat pembelajaran kejiranan, kompleks sukan, perkhidmatan perkuburan dan krematorium adalah sebanyak RM1,707,704.41. Secara umumnya, terdapat peningkatan sebanyak 3.6% berbanding tahun 2015 yang mana hasil kutipan yang diperolehi adalah RM 1,646,370.71 sahaja.

| Perkara | 2014 | (RM) 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| KOMPLEKS KEJIRANAN | 1,119,838.50 | 1,275,796.00 | 1,351,026.90 |
| PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN | 40,865.55 | 40,865.55 | 45,967.00 |
| KOMPLEKS SUKAN | 212,604.00 | 248,915.00 | 21,6353.40 |
| PERKHIDMATAN PERKUBURAN & KREMATORIUM | 78,181.40 | 81,525.00 | 94,354.20 |
| JUMLAH KUTIPAN | 1,451,489.45 | 1,646,370.71 | 1,707,704.41 |

*Jadual Hasil kutipan Kemudahan Komuniti dari Tahun 2014 – 2016*




## SEWAAN DEWAN PERSIDANGAN DAN AUDITORIUM CEMPAKA SARI

Kompleks Perbadanan Putrajaya mengandungi 2 komponen dewan iaitu Dewan Persidangan yang terdiri daripada Dewan Seri Melati dan Dewan Seri Siantan serta Auditorium Cempaka Sari. Terdapat juga sebuah dewan yang terletak di Presint 15 iaitu Dewan Seri Seroja. Kemudahan-kemudahan ini menyediakan ruang untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti majlis perkahwinan, mesyuarat agong, persembahan, konsert dan sebagainya.

Untuk tahun 2016, hasil kutipan sewaan dewan-dewan tersebut telah menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 14% atau RM1,813,520.18 berbanding tahun 2015.





*Majlis Tilawah AlQuran Peringkat Kebangsaan*

## KUARTERS PERBADANAN PUTRAJAYA

| KETERANGAN HASIL | 2014 | (RM) 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Sewa Kuarters PPj (staf) | 138,481.03 | 154,224.37 | 187,464.84 |
| Sewa Pangsapuri Putra Damai (penyewa luar) | 1,730,544.69 | 1,712,329.00 | 1,691,432.91 |
| Sewa Rumah Tetamu PPj | 21,220.00 | 25,674.35 | 27,868.00 |
| Jumlah: | 1,890,245.72 | 1,892,227.72 | 1,906,765.95 |

### Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan

Sehingga akhir tahun 2016, sebanyak 16,327 unit rumah pangsapuri di Presint 5, 8, 9, 11, 14, 15, 16, 17 dan 18 telah diselenggara oleh PPj. Jenis-jenis perkhidmatan dan penyelenggaraanyangdilaksanakanadalahpenyelenggaraan secara komprehensif, penyelenggaraan untuk pencegahan (preventive), penyelenggaraan pembaikan (corrective), dan penyelenggaran untuk penambahbaikan (predictive).

Antara skop-skop kerja yang dilaksanakan pula adalah merangkumi perkhidmatan pembersihan, pembaikan sivil, penyelenggaraan dan pembaikan sistem mekanikal dan elektrikal, penyelenggaraan landskap, perkhidmatan kawalan serangga dan program keselamatan dan kesihatan.





### Pengurusan Keselamatan Aset

Bagi pengurusan keselamatan aset milik PPj, Unit Keselamatan PPj yang dianggotai oleh 14 orang anggota adalah bertanggungjawab dalam memastikan aspek perancangan dan pengurusan operasi kawalan keselamatan bangunan kompleks, premis dan taman milik PPj terpelihara.

PPj telah melantik 12 buah syarikat kawalan keselamatan swasta secara kontrak bagi membantu kerja-kerja pengurusan kawalan keselamatan di premis-premis dan taman-taman awam milik PPj dan diletakkan di bawah pemantauan dan dikawal selia oleh Unit Keselamatan PPj. Perkhidmatan kawalan keselamatan ini telah dipecahkan mengikut zon melalui 12 pakej seperti Jadual berikut:-




| Lokasi | Presint | Pakej | Bil. Pengawal |
|---|---|---|---|
| Taman Botani<br>Taman Putra Perdana<br>Pusat Informasi | Presint 1 | Pakej T7 | 28 |
| Kompleks PPj<br>Kiblat Walk | Presint 3 | Pakej T6 | 34 |
| Kediaman Rasmi Presiden | Presint 10 | | |
| Empangan<br>Pusat Kawalan Empangan<br>Pusat Maritim | Presint 5 | Pakej T1 | 31 |
| Kompleks Sukan Air<br>Fasa 1 & 2 | Presint 6 | | |
| Pusat Kemudahan Awam<br>Kelab Tasik Putrajaya | Presint 8 | Pakej T3 | 18 |
| Kompleks Kejiranan<br>Medan Selera<br>Pusat Kitar Semula<br>Stor Depoh PPj<br>Tapak Litar DeCare Presint 7 | Presint 9 | Pakej T4 | 26 |
| Taman Saujana Hijau<br>Pusat Komuniti<br>Kuarters Mampu Milik | Presint 11 | Pakej T9 | 22 |
| Kawasan Wetland | Presint 12 | Pakej T11 | 40 |
| Taman Wetland | Presint 13 | | |
| Pejabat PPj<br>Park And Ride | Presint 14 | Pakej T5 | 40 |
| Bangunan Pusat Pelawat<br>Bangunan Pejabat Kedutaan<br>Chancery<br>Kawasan Infra dan Lanskap<br>Kompleks Unit Berkuda<br>Taman Rimba Alam | Presint 15 | | |
| Taman Wawasan | Presint 2 | Pakej T8 | 41 |
| Kompleks Kejiranan dan<br>Pasar Awam<br>Taman Warisan Pertanian | Presint 16 | | |
| Taman Pancarona<br>Kompleks Futsal | Presint 18 | | |
| Persisiran Tasik | Presint<br>1,2,3,4,5,6,7,8,10,16 & 18 | Pakej T10 | 33 |
| Persiaran Perdana<br>(Boulevard) | Presint 2,3 & 4 | | |
| Taman Selatan | Presint 20 | Pakej T2 | 32 |
| Taman Cabaran | Presint 5 | | |
| Dataran Putra<br>Laman Perdana<br>Jambatan Putra<br>Tempat Letak Kereta B13<br>Promenad Dataran<br>PutraSouq Level 27<br>Selera Putra | Presint 1 | Pakej T12 | 34 |
| Jumlah | | | 379 |

## PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Penyelenggaraan Kemudahan Infrastruktur di Putrajaya meliputi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalan, jambatan, cerun, sistem pengairan, sistem perparitan, terowong monorel/LRT, sesalur ICT dan kabel fiber optik serta taman permainan kanak-kanak. Selain itu, Perbadanan Putrajaya turut bertanggungjawab melaksanakan operasi dan penyelenggaraan bagi kemudahan infrastruktur sistem Terowong Utiliti Gunasama (Common Utility Trench) dan sistem pengurusan lampu isyarat.

### Penyelenggaraan Permukaan Jalan Raya

Pada tahun 2016, seluas 57,000 meter persegi permukaan jalan telah dibaiki merangkumi kerja-kerja memotong, mengorek, membersih dan menurap semula jalan termasuk kerja-kerja penanda garisan jalan.

### Penyelenggaraan Jambatan

Bagi kemudahan infrastruktur seperti jambatan dan persimpangan bertingkat, sebanyak 30 bilangan struktur pelbagai jenis yang diselenggara termasuk jambatan yang merentasi tasik Putrajaya (jambatan mercu tanda), persimpangan bertingkat, terowong dan 'bebo arch'. Pecahan adalah seperti jadual dibawah :

| Bil. | JENIS JAMBATAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Jambatan mercu tanda (Seri Bakti, Seri Bestari, Seri Setia, Seri Gemilang, Seri Saujana, Seri Wawasan, Seri Perdana, Jambatan Putra) | 8 |
| 2 | Persimpangan bertingkat | 12 |
| 3 | Terowong | 8 |
| 4 | Bebo arch | 2 |

### Penyelenggaraan ID Sign

| Bil. | PEMBAIKAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Kerja-kerja pembaikan id sign sekitar Putrajaya | 12 unit |

## Penyelenggaraan Pesisiran Tasik

Selain kemudahan infrastruktur di jalan, Perbadanan Putrajaya juga bertanggungjawab untuk menyelenggara persisiran tasik Putrajaya. Pada tahun 2016, sebanyak 1,275 meter persegi luas permukaan kerja-kerja pembaikan pegola, 'pebble wash', 'interlocking pavers' dan konkrit 'imprint' serta 100m longkang juga telah dibina bagi mengatasi masalah air bertakung sisiran tasik . Sebanyak dua(2) unit wakaf juga telah dilaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi memberi kemudahan dan keselesaan pengguna di persisiran tasik Putrajaya. Ini ditunjukkan sebagaimana jadual berikut :

| Bil. | PEMBAIKAN SISIRAN TASIK | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Presint 1<br>Pembaikan pagola<br>Pembaikan pabble wash<br>Pembaikan konkrit imprint<br>Pembaikan struktur wakaf | <br>60 m2<br>20 m2<br>45 m2<br>2 unit |
| 2 | Presint 5<br>Pembaikan pabble wash | <br>250 m2 |
| 3 | Presint 7<br>Pembaikan pagar | <br>350 m |
| 4 | Presint 8<br>Pembaikan bumbung wakaf<br>Pembaikan interloking paver | <br>130 m2<br>320 m2 |
| 5 | Presint 16<br>Pembinaan longkang | <br>100 m |

## Penyelenggaraan Kolam Tadahan

Kemudahan infrastruktur sistem perparitan di Putrajaya juga dilengkapi dengan 9 bilangan kolam tadahan di seluruh kawasan Putrajaya. Kerja-kerja penyelenggaraan yang melibatkan rutin kerja-kerja pembersihan dilaksanakan pada setiap hari , pembersihan 'inlet/outlet' kolam dilaksanakan tiga(3) kali setiap tahun dan pemotongan rumput dilaksanakan sebanyak empat(4) kali setahun. Kerja-kerja adalah seperti berikut

| KONTRAK | BILANGAN KOLAM | PERMBERSIHAN | | PEMOTONGAN RUMPUT |
|---|---|---|---|---|
| | | PERMUKAAN KOLAM | INLET/OUTLET KOLAM | |
| Kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan utama, gpt dan kolam-kolam tadahan di Wilayah Persekutuan Putrajaya | 9 | Setiap hari | 3 kali | 4 kali |

## Kajian Trafik

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 13 kajian trafik yang merangkumi kajian untuk penambahbaikan sirkulasi trafik, penambahbaikan sistem keselamatan jalan raya dan lain-lain kajian telah dilaksanakan yang bertujuan bagi meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan pengguna jalanraya di Putrajaya.

| Bil. | PERKARA | KAJIAN |
|---|---|---|
| 1 | Kajian trafik | 13 |

## Penyelenggaraan Lampu Isyarat

Sebanyak 178 lampu isyarat di keseluruhan kawasan Putrajaya telah diselenggara pada tahun 2016 termasuk 12 persimpangan yang menggunakan 'countdown timer'. Selain itu juga sebanyak 20 aspek untuk lorong basikal telah dipasang pada tahun 2016 di Presint 2, 3, 4, 5, dan 18 bagi kemudahan untuk lintasan pengguna berbasikal.

| Bil. | KONTRAK | TAHUN | PENYELENGGARAAN LAMPU ISYARAT |
|---|---|---|---|
| 1 | Penyelenggaraan sistem lampu isyarat (itaca) dan kerja-kerja berkaitan di pusat kawalan bandara raya untuk tempoh dua (2) tahun | 2015-2017 | 178 Lampu Isyarat |

| | |
|---|---|
| Jumlah Lampu Isyarat | 178 |
| Jumlah Aspek Lorong Basikal (Bil. Simpang) | P2-6, P4-4, P8-2, P3-4, P5-5 & P18-3 Simpang |
| Jumlah Countdown Timer (Semasa) | 12 Persimpangan |
| Jumlah Bilangan Kajian RSA | 13 Laporan |
| Jumlah Bilangan Kajian Blackspot | |
| Jumlah Kajian Traffic Count (Persimpangan Lampu Isyarat Dan Jalan Keluar Dan Masuk Putrajaya) | 3 Kali (24 Lokasi) |
| Bilangan Pembaikan Adaptive Dan VA | 8 Bil Adaptive Dan 1 Va |

## Penyelenggaraan Taman Permainan Kanak-Kanak (TPK) Dan Outdoor Fitness Station (OFS) Di Kawasan Awam

Kemudahan taman permainan kanak-kanak dan 'outdoor fitness station' di kawasan-kawasan awam sekitar Putrajaya juga sentiasa diselenggara oleh Perbadanan Putrajaya dengan jumlah sebanyak 91 bilangan. Pada tahun 2016, sebanyak 65 bilangan kemudahan tersebut telah direkodkan mengalami kerosakan lantai dengan jumlah keseluruhan lantai 15,775.84 meter persegi. Kerja-kerja pembaikan kerosakan lantai tersebut telah dilaksanakan secara berperingkat pada tahun 2016 dan dari jumlah kerosakan tersebut sebanyak 4 bilangan kemudahan telah dibaiki dan 20 bilangan lagi akan dinaiktaraf pada tahun 2017. Rujuk jadual dibawah :

| | |
|---|---|
| Jumlah TPK/ OFS | 91 |
| Jumlah lantai TPK/ OFS yang rosak | 65 |
| Jumlah keluasan lantai TPK/ OFS yang rosak | 15,775.84 m2 |
| Jumlah lantai yang telah di ganti | 2 |
| Jumlah lantai yang telah / sedang dinaik taraf | 2 |
| Jumlah lantai yang akan di ganti | 20 |

## STOR UTAMA PERBADANAN PUTRAJAYA

Prestasi Stor Utama Perbadanan Putrajaya boleh dilihat pada kedudukan stok Stor Utama Perbadanan Putrajaya yang mengambil kira tentang stok sedia ada, pembelian stok, pengeluaran stok dan stok semasa. Pada tahun 2016 kedudukan stok Stor Utama Perbadanan Putrajaya mencapai prestasi yang memberangsangkan dengan kadar pusingan stok pada sukuan pertama berada pada tahap 1.27, sukuan kedua berada pada tahap 1.53, sukuan ketiga pula mencatat tahap 0.59 dan sukuan keempat berada pada tahap 1.03.

## PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN

Aktiviti pengurusan keselamatan dan kebersihan makanan meliputi pemeriksaan dan kawalan keadaan sanitasi di semua premis makanan dan lain-lain premis berkaitan seperti taska, tadika, kantin sekolah dan kantin sementara di Putrajaya. Aktiviti ini juga bertujuan untuk memastikan makanan yang dijual dan kebersihan premis di kawasan Putrajaya mematuhi Akta dan Peraturan seperti berikut :

i. Akta Makanan 1983 (Akta 281) & Peraturan-peraturan
ii. Undang-undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Perbadanan Putrajaya) 1999;
iii. Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (Perbadanan Putrajaya) 1999;
iv. Undang-undang Kecil Pelesenan Pengendali Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2003;
v. Undang-undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Perbadanan Putrajaya) 1999;
vi. Undang-undang Kecil lain yang berkaitan.

Aktiviti pemeriksaan dan kawalan ini dilakukan dengan kerjasama Bahagian Komersil, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan dan Bahagian Pengurusan Fasiliti Perbadanan Putrajaya serta Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Putrajaya.

### Pencapaian

Ringkasan pemeriksaan premis sepanjang tahun 2016 adalah seperti Jadual berikut:

| Kategori Premis | 2016 |
|---|---|
| Restoran | 194 |
| Hotel | 6 |
| Gerai Makan | 188 |
| Kafeteria | 75 |
| Kantin Sekolah | 23 |
| Penjaja | 630 |
| Bakery | 15 |
| Kiosk | 49 |
| Kantin Sementara | 9 |
| Taska dan Tadika | 13 |
| Jumlah | 1202 |

Pada tahun 2016, pemeriksaan lebih menumpukan kepada restoran, gerai makan, kafeteria dan kiosk kerana pertambahan premis baru bagi kategori premis tersebut. Sebanyak 8 premis telah diarahkan tutup selama 14 hari semasa Operasi Bersepadu Premis Makanan.






**Program Meningkatkan Kualiti Penyediaan Dan Penjualan Makanan Di Premis Makanan**

Bagi meningkatkan lagi tahap kebersihan premis-premis makanan di Putrajaya, Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan taklimat mengenai keselamatan makanan kepada pengendali-pengendali makanan di Putrajaya.

Di samping itu juga pihak Perbadanan Putrajaya mewajibkan para pengendali makanan mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan suntikan anti-tifoid. Perbadanan Putrajaya juga menggalakkan pengendali-pengendali makanan di premis makanan untuk menghadiri Kursus Asas Pengendali Makanan yang dianjurkan oleh Pusat-pusat Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagi premis kafeteria di kementerian yang mendapat Gred B telah diberikan surat pemakluman kepada pihak pengurusan agar dapat mengambiil tindakan dengan memantau premis berkenaan dari segi kebersihan dan struktur bangunan serta mengambil tindakan yang bersesuaian ke atas pemilik premis.

**KAWALAN VEKTOR DAN PENYAKIT BERJANGKIT**

Aktiviti kawalan vektor dan penyakit berjangkit yang dijalankan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut :

- Pengawasan epidemiologi;
- Siasatan dan tindakan susulan;
- Pengurangan tempat dan punca pembiakan nyamuk Aedes;
- Semburan kawalan dan semburan kes;
- Pendidikan dan promosi kesihatan; dan
- Penguatkuasaan undang-undang.

**Kawalan Demam Denggi dan Vektor.**

Tahun 2016 telah menunjukan peningkatan kejadian kes Demam Denggi (DD) iaitu 523 kes yang didaftarkan berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 275 kes. Peningkatan kes pada tahun 2016 adalah sebanyak 90.2% berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, kesemua 523 kes adalah Demam Denggi dan tiada kes Demam Denggi Berdarah dilaporkan berlaku. Untuk makluman, terdapat satu kes kematian melibatkan penyakit Demam Denggi dilaporkan berlaku di Putrajaya bagi tahun 2016.

| Tahun | Bilangan Kes Dilaporkan | Bilangan Episod Wabak |
|---|---|---|
| 2012 | 101 | 7 |
| 2013 | 112 | 9 |
| 2014 | 310 | 38 |
| 2015 | 275 | 21 |
| 2016 | 523 | 70 |

*Statistik Kejadian Demam Denggi Dilaporkan Tahun 2012-2016*

Terdapat 70 lokaliti mencatatkan episod kejadian wabak demam denggi di Putrajaya pada 2016. Pecahan lokaliti yang mencatatkan kejadian demam denggi Putrajaya adalah di Presint 14 sebanyak 14 episod, Presint 9 (13 episod) , Presint 11 (11 episod), Presint 18 (9 episod), Presint 17 (7 episod), Presint 16 (5 episod), Presint 15 (5 episod), Presint 8 (3 episod), Presint 5 (2 episod) dan Presint 1 sebanyak 1 episod wabak denggi dilaporkan berlaku.




| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2016 | 4 | 21 | 19 | 10 | 11 | 6 | 10 | 6 | 12 | 10 | 10 | 7 | 5 | 7 | 13 | 7 | 10 | 5 | 8 | 17 | 11 | 23 | 10 | 23 | 18 | 21 |
| Median | 0 | 3 | 3 | 4 | 5 | 5 | 3 | 5 | 7 | 2 | 3 | 1 | 2 | 3 | 3 | 1 | 3 | 1 | 2 | 4 | 4 | 7 | 10 | 6 | 5 | 6 |
| 2015 | 2 | 13 | 11 | 7 | 8 | 5 | 6 | 5 | 9 | 6 | 6 | 4 | 3 | 5 | 8 | 4 | 6 | 3 | 5 | 11 | 7 | 15 | 10 | 15 | 12 | 14 |

| | 27 | 28 | 29 | 30 | 31 | 32 | 33 | 34 | 35 | 36 | 37 | 38 | 39 | 40 | 41 | 42 | 43 | 44 | 45 | 46 | 47 | 48 | 49 | 50 | 51 | 52 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2016 | 3 | 22 | 23 | 14 | 13 | 11 | 7 | 8 | 7 | 6 | 8 | 10 | 3 | 8 | 7 | 6 | 10 | 6 | 5 | 5 | 6 | 8 | 6 | 3 | 7 | 7 |
| Median | 5 | 2 | 9 | 6 | 4 | 6 | 4 | 7 | 3 | 16 | 5 | 4 | 12 | 5 | 4 | 6 | 12 | 11 | 8 | 10 | 8 | 6 | 5 | 7 | 4 | 4 |
| 2015 | 4 | 12 | 16 | 10 | 8 | 8 | 5 | 7 | 5 | 11 | 6 | 7 | 7 | 6 | 5 | 6 | 11 | 8 | 6 | 7 | 7 | 7 | 5 | 5 | 5 | 5 |

2016 2015 Median

*Kejadian Kes DD/DDB Yang DiLaporkan Bagi Tahun 2015-2016*

Bagi mengawal penularan demam denggi di Putrajaya, terdapat beberapa aktiviti kawalan yang telah dijalankan oleh Bahagian Kesihatan Persekitaran PPj. Ini termasuklah aktiviti bagi semburan pengabutan nyamuk iaitu sebanyak 523 aktiviti (kawalan kes bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya) dan 141 aktiviti kawalan semburan proaktif telah dijalankan pada tahun 2016. Selain daripada itu, terdapat 229 aktiviti pemeriksaan pembiakan dan pemusnahan aedes (larvaciding) telah dijalankan oleh Bahagian Kesihatan Persekitaran PPj khususnya bagi tempat-tempat berpotensi pembiakan jentik-jentik nyamuk di sekitar Putrajaya. Penganjuran gotong royong bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya bagi kawalan wabak denggi juga telah dianjurkan sebanyak 70 kali dimana penumpuan diberikan kepada lokaliti yang mencatatkan kejadian wabak demam denggi pada tahun 2016.





*Aktiviti kawalan wabak Denggi di sekitar Putrajaya*

## KAWALAN KACAU GANGGU DAN PERSEKITARAN

Operasi ke atas anjing dan kucing liar serta burung gagak dijalankan secara berkala dan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam. Kawalan ini juga bertujuan untuk menghalang penyebaran penyakit berjangkit yang mungkin dibawa oleh haiwan ini.

| Program Kawalan | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|---|
| I) Operasi Kawalan Kucing dan Anjing Liar | | | | |
| Bilangan Operasi | 119 | 82 | 82 | 237 |
| Bilangan Tangkapan (ekor) | | | | |
| · Anjing | 98 | 110 | 68 | 37 |
| · Kucing | 261 | 123 | 132 | 206 |
| ii) Operasi Kawalan Burung Gagak | | | | |
| Bilangan Operasi | 12 | 12 | 7 | 9 |
| Bilangan Tangkapan (ekor) | 352 | 447 | 225 | 226 |





*Aktiviti kawalan haiwan kacau ganggu di sekitar Putrajaya*

## Aktiviti kawalan haiwan kacauganggu di sekitar Putrajaya

### Kawalan Anjing dan Kucing Liar

Kaedah-kaedah yang dijalankan untuk mengatasi masalah anjing dan kucing liar, pemantauan tahap kebersihan dan penguatkuasaan undang-undang telah diberi penekanan :-

a) Peningkatan tahap kebersihan ;
b) Pemantauan secara kerap;
c) Tindakan pantas terhadap aduan; dan
d) Menguatkuasakan undang-undang

## PROGRAM BERSEPADU KITAR SEMULA

Program 3R iaitu pengurangan sisa, guna semula dan kitar semula (reuse, reduce & recyle) adalah merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu yang dijalankan oleh PPj. Program kitar semula di Putrajaya telah bermula secara intensif pada Mei 2004. Ia adalah susulan daripada pengumuman Perdana Menteri menjadikan Putrajaya sebagai bandar model perlaksanaan program kitar semula kebangsaan. Program kitar semula di Putrajaya telah dibahagikan kepada 3 program utama iaitu:

i. Program Komuniti
ii. Program Wastewise
iii. Program Sekolah (KITS)

### Program Komuniti

Program komuniti di Putrajaya dibahagikan kepada 4 aktiviti utama iaitu:

### a. Pusat Kitar Semula Tetap (PKST)

Pusat Kitar Semula Tetap (PKST) adalah pusat pembelian bahan kitar semula yang dibuka mengikut jadual yang ditetapkan.Setiap bahan kitar semula yang dihantar akan ditukar dengan insentif tunai berserta resit. Penduduk yang menghantar bahan kitar semula juga berpeluang untuk memperoleh mata ganjaran dengan mendaftar sebagai ahli 'Green Card'. Hadiah menarik menanti untuk ditebus bagi setiap mata ganjaran yang diperolehi. Terdapat 6 PKST telah dibuka di Putrajaya. Maklumat terperinci PKST tersebut adalah seperti di bawah:

| LOKASI | Jadual Operasi | |
|---|---|---|
| | Hari | Waktu Operasi |
| PKST Komuniti Presint | Setiap hari | 8.30 pg – 5.30 ptg (tutup 1.00 t/hari – 2.00 ptg) |
| 9PKST Presint 8 | Setiap Sabtu & Ahad | |
| PKST Presint 11 | Setiap Sabtu | |
| PKST Presint 14 | Setiap Ahad | |
| PKST Presint 16 | Setiap Sabtu | |
| PKST Presint 18 | Setiap Ahad | |

### b. Pusat Kitar Semula Bergerak (PKSB)

Pusat Kitar Semula Bergerak (PKSB) merupakan pusat kitar semula yang dibuka pada waktu tertentu di lokasi tertentu. Jadual PKSB yang dibuka adalah seperti di bawah:

| LOKASI | Jadual Operasi | |
|---|---|---|
| | Hari | Waktu Operasi |
| Presint 11 | Setiap Ahad | 1.00 t/hari- 3.00 ptg |
| Presint 16 | Setiap Ahad | 9.00 pg - 12.00 t/hari |



*Aktiviti di Pusat Kitar Semula Komuniti Presint 9 dan Pusat Kitar Semula Tetap Presint 8*



*Aktiviti kitar semula di Pusat Kitar Semula Bergerak Presint 11 dan Presint 16*

### c. Kerbside

Kutipan kerbside adalah kutipan bahan kitar semula dari rumah ke rumah bagi kawasan perumahan teres, semi-D dan banglo. Pada bulan Oktober 2015, program kitar semula Putrajaya telah menapak selangkah lagi kehadapan dengan pelancaran dan membekalkan tong oren yang khususnya untuk menempatkan bahan sisa kitar semula kepada semua penduduk kawasan kediaman rumah bertanah (landed properties). Inisiatif ini merupakan julung kalinya dilaksanakan di Malaysia dan boleh dijadikan contoh kepada PBT yang lain.



### d. Kutipan Apartment

Kutipan apartment merupakan kutipan dari sangkar kitar semula yang ditempatkan di setiap blok apartment. Setiap bahan kitar semula yang dikutip akan ditukarkan dengan insentif tunai berserta resit. Bayaran akan dibuat kepada wakil persatuan penduduk.

### e. Butik Kitar Semula

Butik kitar semula terletak bersebelahan dengan Pusat Kitar Semula Komuniti Presint 9, Putrajaya. Ia merupakan salah satu inisiatif pihak PPj memberikan kemudahan kepada penduduk Putrajaya untuk menghantar pakaian terpakai. Pakaian-pakaian yang masih elok dijual semula di butik ini manakala pakaian yang telah rosak dikumpulkan dan dihantar ke tempat perlupusan pakaian. Hasil jualan pakaian terpakai di butik ini akan didermakan kepada pihak-pihak yang memerlukan .

### Program Wastewise

Program wastewise merupakan program kitar semula yang dijalankan di jabatan/agensi kerajaan, pejabat swasta, hotel dan pusat komersil. Kutipan akan dijalankan di lokasi-lokasi berikut mengikut permintaan. Pihak PPj membekalkan kotak kitar semula(berdasarkan permintaaan) sebagai inisiatif dalam mempertingkatkan amalan kitar semula di Putrajaya. Setiap bahan kitar semula yang dikutip akan dibayar dengan insentif tunai berserta resit.





## Program Kits ( Sekolah )

Program Kits adalah program yang dibentuk bagi menjalankan program kitar semula secara berkesan di sekolah. Program ini merangkumi sekolah menengah, sekolah rendah dan tadika. Kutipan bahan kitar semula dibuat berdasarkan permintaan daripada pihak sekolah.

Secara keseluruhannya, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada bulan tahun 2016 adalah sebanyak 2,382,127 kg. Jumlah ini adalah meningkat berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 2,233,703 kg. 83% daripada bahan yang dikumpulkan adalah kertas diikuti bahan-bahan lain seperti plastik, tin dan selebihnya adalah kaca,e-waste dan minyak masak terpakai. Berdasarkan jenis program yang telah dilaksanakan, program Wastewise mencatatkan kutipan tertinggi iaitu 55% daripada berat keseluruhan bahan kitar semula dan diikuti dengan program Pusat Kitar Semula Tetap. Secara purata, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada setiap bulan tahun 2016 adalah sebanyak 198,510 kg.




*Carta : Perbandingan Jumlah kutipan bahan kitar semula 2001-2016 (tan metrik)*






# Pelancongan
# PENGANJURAN ACARA DAN PROGRAM KESENIAN

# PELANCONGAN, PENGANJURAN ACARA DAN PROGRAM KESENIAN



## PELANCONGAN PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya meletakkan sasaran kehadiran lapan juta pelawat dan pelancong ke Putrajaya pada tahun 2016 dan ia telah melebihi sasaran apabila Putrajaya menerima kunjungan berjumlah 8,991,937 orang. Ini merupakan kenaikan sebanyak 22.56% berbanding tahun 2015. Statistik pengunjung dikira berdasarkan kehadiran di tempat tarikan pelancongan seperti taman-taman awam, Masjid Putra, Dataran Putra, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), hotel serta acara yang dianjurkan di Putrajaya.

### Jumlah Pelawat/Pelancong/Pengunjung Acara Ke Putrajaya - 8,991,937




**Nota:*

- * *Sumber Data dari Tourism Malaysia melalui jumlah penginap 5 hotel di dalam dan sekitar Putrajaya*
- ** *Data pelawat & pelancong yang dikutip di tempat tarikan pelancongan termasuk I-Centre Dataran Putra, Taman Botani, Taman Warisan Pertanian, Masjid Putra, Cruise Tasik Putrajaya, PICC, Taman Cabaran Putrajaya, Kompleks Seri Perdana, Muzium Alam Semula Jadi, Taman Ekuestrian Putrajaya, Taman Seri Empangan, Taman Wetland, NIC Taman Wetland, Putrajaya Shangri-La, Pullman Putrajaya Lakeside, The Everly Putrajaya*
- *** *Data pengunjung yang mengunjungi acara kecil dan besar di Putrajaya*

## INISIATIF BAHARU PELANCONGAN PUTRAJAYA

Pada tahun 2016, PPj telah meneruskan inisiatif dalam usaha meningkatkan kehadiran pelawat dan pelancong ke Putrajaya dan mempromosikan Putrajaya sebagai salah satu destinasi pelancongan menarik tempatan melalui pelbagai pendekatan berikut :

1. **Program Jelajah Promosi Pelancongan Putrajaya Dekat Je ke seluruh Negara**

   Pelancongan Putrajaya dipromosikan secara agresif pada tahun 2016 melalui program Jelajah Pelancongan Putrajaya Dekat Je yang disertai oleh 40 petugas bagi mempromosikan Putrajaya di Kedah, Pulau Pinang, Johor, Melaka, Kelantan, Terengganu, Selatan Thailand dan Singapura. Aktiviti jelajah meliputi sesi promosi bertemu dengan penduduk setempat di pusat Membeli belah utama serta sesi "Bussiness to Bussiness" (B2B) di lokasi-lokasi tersebut. Program ini menggunakan Bas Nadi Putra yang dilekatkan dengan gambar tarikan pelancongan dijadikan sebagai medium pengiklanan semasa program jelajah. Program ini adalah dengan Pejabat Tourism Malaysia di 4 zon untuk mengumpulkan agen-agen pelancongan bagi sesi berkenalan dan pembangunan pakej Putrajaya. Program ini membawa bersama aktiviti kesenian, kuiz, persembahan kombo dan jualan tiket-tiket pada harga yang menarik.

2. **Jelajah Promosi Pelancongan Putrajaya Peringkat Komuniti Putrajaya**

   Komuniti Putrajaya juga didedahkan mengenai produk pelancongan Putrajaya dengan di empat sekolah di Putrajaya iaitu di SK Putrajaya Presint 8 (1), SK Putrajaya Presint 9(1), SK Putrajaya Presint 16(2), SK Putrajaya Presint 11(1) dan di Karnival Komuniti Putrajaya. Program ini selaras dengan hasrat menjadikan komuniti Putrajaya sebagai duta kecil pelancongan Putrajaya.

Program kerjasama NBOS dengan penggiat industri pelancongan secara berterusan dilaksanakan pada tahun 2016 seperti berikut :

i. KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA (VMY & MYFEST) - Memasukkan acara-acara utama Putrajaya seperti Magic of the Night, Floria Diraja Putrajaya, Putrajaya International Islamic Art and Culture Festival (PIIACUF) dan Light and Motion Putrajaya (LAMPU) di dalam Kalendar Acara Pelancongan Malaysia.

ii. TOURISM MALAYSIA - Bekerjasama untuk menganjurkan program MEGAFAM, FAM Trips dengan agen-agen tempatan, Pembangunan pakej pelancongan berbasikal, Floria Diraja Putrajaya, PIIACUF dan LAMPU, dan promosi bersama Pejabat Tourism Malaysia di luar negara.

iii. Bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan Malaysia di dalam pembangunan pakej pada tahun 2016 melibatkan kerjasama dengan 10 buah agensi pelancongan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor. Sebanyak 47 pakej pelancongan telah disediakan.

iv. MyCeb - Mmembantu usaha membida penganjuran acara antarabangsa untuk diadakan di Putrajaya seperti Ironman, International Board on Book for Young People Bidding 2020 World Congress dan acara Bloodrunner.

Putrajaya juga menyertai program promosi di peringkat domestik dan antarabangsa pada tahun 2016 seperti MITA Tourism Fair, CC1M Johor Bahru, KL MATTA Fair (Mac dan September) dan FAM Trip sempena Floria diraja Putrajaya bagi program promosi domestic. Bagi penyertaan pameran luar negara pula, PPj i menyertai promosi pelancongan di Internationale Tourismus Bourse (ITB) Berlin, Beijing International Tourism Expo (BITE) China dan World Travel Market, UK London bersama-sama Tourism Malaysia.
Putrajaya juga telah dipromosi secara agresif melalui media cetak dan elektronik sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Antara medium yang digunakan adalah Aplikasi Putrajaya Publication; Media Sosial Perbadanan Putrajaya (Facebook, Instagram, Twitter, Youtube); Media cetak (brosur pelancongan, majalah- Gaya Travel, National Geographic Traveller, Surat khabar); Radio dan television- KLFM, RTM, TV3, Astro ; Bus wrapping pelancongan Putrajaya pada badan bas Nadi Putra; dan Video pelancongan Discover Putrajaya dan Discover Nature Putrajaya



## PENGANJURAN ACARA DI PUTRAJAYA

Pada tahun 2016, Penganjuran acara telah menyumbang sebanyak 89% atau 6,182,030 jumlah pengunjung daripada 9 juta pelawat/pelancong ke Putrajaya. Sebanyak 217 acara telah dianjurkan dengan peningkatan sebanyak 21 acara berbanding tahun 2015. Penganjuran acara di peringkat Putrajaya mencatatkan jumlah tertinggi dengan 139 acara, manakala secara keseluruhannya, ketiga-tiga kategori telah menunjukkan peningkatan terbanyak jika dibandingkan dengan dua tahun sebelum ini.

| Bil | Kategori Acara | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Acara Peringkat Antarabangsa | 18 | 21 | 33 |
| 2 | Acara Peringkat Kebangsaan | 26 | 37 | 45 |
| 3 | Acara Peringkat Putrajaya | 182 | 138 | 139 |
| 4 | JUMLAH | 226 | 196 | 217 |

*Jadual 2 : Perbandingan Kategori dan Jumlah Penganjuran Acara 2014-2016*

Dataran Putrajaya di Presint 3 merupakan salah satu lokasi tumpuan untuk menganjurkan acara termasuk lokasi-lokasi lain seperti Dataran Gemilang, Dataran Putra, Kompleks Sukan Air Presint 6, Anjung Floria dan di Taman-Taman Awam Putrajaya.

### Jawatankuasa Kelulusan Acara Perbadanan Putrajaya (JKA-PPj)

Perbadanan Putrajaya telah menubuhkan Jawatankuasa Kelulusan Acara Perbadanan Putrajaya (JKA-PPj) bagi menjadi pusat sehenti untuk memproses permohonan acara di Putrajaya. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Presiden Perkhidmatan Korporat dan dianggotai oleh wakil-wakil Bahagian di PPj yang terlibat secara langsung dalam memproses sesuatu kelulusan acara. JKA-PPj akan bersidang setiap 2 minggu sekali bagi mendengar pembentangan dari pemohon. Selain daripada itu JKA-PPj juga turut membincangkan dasar-dasar yang perlu diambil kira bagi penganjuran sesuatu acara.

Bermula pada 1 Februari 2016, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah memperkenalkan Caj Sewa Tapak dan Deposit Acara bagi semua penganjuran acara yang diadakan di Putrajaya dan telah berjaya mengutip sebanyak RM 461,620.00 bagi tahun 2016. Lokasi acara telah dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu kategori Platinum, Emas dan Perak.

Caj Sewa Tapak diperkenalkan bagi menampung kos-kos penyelenggaraan (wear and tear) dan baik pulih akibat kerosakan yang berlaku apabila sesuatu acara dianjurkan di Putrajaya. Di samping itu, caj Deposit Acara dikenakan sebagai wang jaminan yang perlu dikemukakan kepada PPj bagi menanggung apa-apa kos akibat kegagalan pihak penganjur mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan atau kos baik pulih/penggantian sebarang kerosakan kepada aset atau harta awam di Putrajaya.

## SOROTAN ACARA UTAMA DI PUTRAJAYA

### Putrajaya Ironman 70.3 2016

Saban tahun acara ini sememangnya ditunggu-tunggu oleh peminatnya. Pada 2 April 2016 lalu, seramai 541 orang termasuk seorang peserta VIP, YB Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan telah menyertai acara triathlon ini.

Di dalam siri perlumbaan ini, peserta perlu menempuhi jarak keseluruhan 113km yang memerlukan peserta berenang sejauh 1.9 km di Tasik Putrajaya kemudian berbasikal di sekitar Putrajaya sejauh 90 km serta berlari mengelilingi sisiran tasik Putrajaya sejauh 21.1km. Menariknya, acara tahun ini turut dimeriahkan oleh pasukan sorak sukarela daripada komuniti Putrajaya di sepanjang laluan untuk memberi sorakan semangat kepada peserta.

### Powerman Asia Duathlon Championship – Malaysia 2016

Powerman Asia Duathlon Championship – Malaysia yang berlangsung pada 6 Mac 2016 di Dataran Putrajaya, Presint 3 telah berjaya menarik 2,645 orang peserta acara yang melibatkan disiplin larian dan berbasikal.

Acara ini telah berjaya mendapat pengiktirafan dari Malaysia Book of Records sebagai penyertaan teramai acara duathlon. Di samping itu, International Powerman Association turut mengiktiraf acara ini dengan anugerah






Largest Participation in Powerman World Series di mana jumlah peserta bagi acara di Malaysia merupakan jumlah tertinggi yang dicatatkan dalam penganjuran Powerman seluruh dunia.

**8th Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta 2016**

8th Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta 2016 yang dilangsungkan pada 11 hingga 13 Mac 2016 di Monumen Alaf Baru telah menarik seramai 300,000 pengunjung daripada dalam dan luar negara. Sebanyak 20 buah belon daripada 10 negara terlibat iaitu United Kingdom, Thailand, Sepanyol, Perancis, Belanda, Belgium, USA, Korea Selatan dan Malaysia.

**Karnival Kelulut Putrajaya 2016 (Peringkat ASEAN)**

Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Akademi Kelulut Malaysia (AKM) dan Institut Genom Malaysia telah menganjurkan Karnival Kelulut Putrajaya 2016 Peringkat ASEAN pada 19, 20 dan 21 Mac 2016 bertempat di Taman Botani Putrajaya.

Program yang julung kali dianjurkan ini bertujuan untuk menjadikan Putrajaya sebagai hab dalam industri kelulut dan memberi peluang kepada penternak kelulut tempatan dan luar negara untuk pertukaran maklumat dan teknologi baru yang digunakan dalam penternakan kelulut, penuaian madu dan penghasilan produk-produk hiliran.
Lebih daripada 25 booth pameran dan jualan melibatkan jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, pengusaha-pengusaha kelulut, beescape nursery terlibat sepanjang penganjuran karnival ini berlangsung.














### Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya 2016 (FLORIA Diraja Putrajaya 2016)

Edisi ke-9 FLORIA Diraja Putrajaya yang diuruskan oleh anak syarikat milik penuh PPj, Putrajaya Floria Sdn Bhd (PFSB) telah disempurnakan perasmiannya oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah pada 26 Mei 2016 di Anjung Floria, Presint 4.

Festival bunga-bungaan terbesar negara ini telah mencatatkan bilangan pengunjung seramai 826,811 orang sepanjang 9 hari penganjurannya iaitu mulai 27 Mei hingga 4 Jun 2016. Mengekalkan prestasi sebagai acara antarabangsa, tema acara pada tahun ini adalah 'Keajaiban Dunia Floria' dengan penggunaan bunga kekwa sebagai bunga tema. Acara ini disertai oleh seramai 21 orang peserta antarabangsa dari 12 buah negara, 5 orang peserta taman pereka, 25 penyertaan kategori taman kerajaan dan swasta serta 53 penyertaan kategori sekolah rendah, menengah dan universiti.

### Hari Sukan Negara

Sambutan Majlis Pelancaran Hari Sukan Negara 2016 peringkat kebangsaan yang berlangsung di sepanjang Persiaran Perdana Putrajaya pada 8 Oktober 2016 telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB. Datuk Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Inisiatif Kementerian Belia dan Sukan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan' telah menarik penyertaan melebihi 30,000 peserta yang berkampung di Putrajaya.

### Program Gurindam Merbuk Putrajaya 2016

Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Persatuan Merbuk Malaysia telah menganjurkan Gurindam Merbuk Putrajaya 2016 sebanyak dua kali iaitu peringkat ASEAN pada 4 Jun 2016 dan peringkat kebangsaan sempena kemerdekaan pada 31 Ogos 2016 bertempat di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya. Perbadanan Putrajaya telah mendapat pengiktirafan Malaysian Book of Records bagi kategori Largest Bird Singing Contest iaitu sebanyak 1237 ekor burung.

### Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF 2016)

Penganjuran kali ke-empat Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa Putrajaya (PIIACUF) telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 1 Disember hingga 11 Disember 2016 bertemakan "Keagungan Seni Tekstil Dunia Islam". PIIACUF 2016 menampilkan pameran, demonstrasi serta kelas seni dan persembahan pentas dari pelbagai negara Islam. Penampilan contoh-contoh tekstil dan tekniknya dari negara-negara Islam seperti teknik sulam, tekat, kelingkan, ikat, tenun, songket, batik dan lain-lain telah membuat pengunjung terpesona dengan keindahan seninya. Manakala pameran Journey of Nur pula menampilkan Pameran Seni Kaligrafi AsmaulHusna koleksi dari OIC-Research Centre for Islamic History, Art and Culture








(IRCICA), Pameran Seni Bunga fabrik terbanyak pada kaligrafi AsmaulHusna dan telah dicatatkan dalam Guiness World Record, Pameran Penjilidan Al-Quran, Pameran Kaligrafi dan Mushaf Malaysia serta Pameran lukisan bangunan seni bina Islam- What a Colourful World of Islamic Architecture.

PIIACUF2016 telah berjaya mendapat sokongan dari dalam dan luar negara. Penyertaan daripada negara luar terdiri daripada Arab Saudi, Uzbekistan, China, Kuwait, Tunisia, Iran, Oman, Indonesia, Bangladesh, Brunei manakala Malaysia diwakili oleh Tourism Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, Kerajaan Negeri Kelantan serta Johor. Turut terlibat adalah NGO/swasta seperti OIC-IRCICA, Persatuan Seni Khat Kebangsaan, Yayasan Restu, Persatuan Seni Jahitan Kebangsaan, Akademi Tamadun Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Islamic Care dan Islamic Relief.
Pelbagai program telah berlangsung antaranya Selawat Bersama Habib Syech Assegaf, Karnival ChiChi ChaCha, Forum Ilmu bersama penceramah terkemuka seperti Shamsul Debat, Sheikh Mohamed Abdul Aziz Mahmoud Ghonim (Imam Perancis) dan ramai lagi. PIIACUF 2016 turut memaparkan Forum Fesyen Islam yang dianjurkan oleh Moslema In Style. Selain daripada demonstrasi pembuatan seni tekstil, PIIACUF2016 juga menampilkan demo sulaman Kiswah iaitu kain Kaabah dari Arab Saudi serta kelas khat oleh khatat terkenal Kuwait Farid Al-Ali dan Jassim Meraj.

### Putrajaya Night Marathon 2016

Pada 12 November 2016 lalu telah berlangsungnya Putrajaya Night Marathon 2016 bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3. Acara ini menyediakan 3 laluan berjarak 42km, 21km dan 5km. Acara ini berjaya mencatat acara marathon ke-3 terbesar di Malaysia dengan jumlah penyertaan seramai 12,000 orang peserta.

### Light And Motion Putrajaya (LAMPU 2016)

Putrajaya sekali lagi dilimpahi cahaya lampu berwarna-warni dengan pelbagai konsep dan reka bentuk sepanjang tiga hari berlangsungnya Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU) 2016. LAMPU 2016 anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan itu berjaya menarik 500 ribu pengunjung termasuk pelancong dari dalam dan luar negara. Elemen utama adalah Pemetaan Cahaya menggunakan teknik dan teknologi terkini yang menghasilkan paparan dalam bentuk 3 dimensi pada fasad bangunan Istana Kehakiman Putrajaya.

Selain daripada Pemetaan Bercahaya di bangunan Istana Kehakiman, pengisian LAMPU2016 termasuklah Glowing Street, Garden Lighting, Magical Street, Lighting Effect, Perdana Light Square, Persembahan Wayang Kulit Asli, Pertandingan 'LAMPU Kreatif 3R', Light-it Arena dan Wayang Pacak. Beberapa pengisian baharu turut diperkenalkan antaranya, LAMPU Skywave yang menggunapakai teknologi "seni penggerakan bebola bercahaya", Fusion Peperangan Bintang iaitu persembahan wayang kulit versi Star Wars dan Bunga Api Digital yang julung kalinya dipersembahkan untuk meraikan detik countdown Ambang Tahun Baharu 2017.

### PROGRAM KESENIAN PUTRAJAYA

Unit Kesenian dan Kebudayaan, PPj meneruskan penglibatan persembahan muzik semasa acara-acara anjuran Perbadanan Putrajaya dan anjuran pihak luar sepanjang tahun 2016.



## Persembahan Kombo Perbadanan Putrajaya

Sejumlah 45 persembahan secara keseluruhan telah dilaksanakan, dimana sebanyak 21 daripadanya adalah anjuran Perbadanan Putrajaya dan selebihnya adalah anjuran pihak luar. Diantaranya adalah Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) di Istana Negara, Majlis Santapan Diraja Kelantan, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF 2016).

| Bil. | Acara | Tarikh | Lokasi |
|---|---|---|---|
| 1. | Powerman Asia Championship | 6 Mac 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 2. | Putrajaya 8th Hot Air Balloon International Fiesta 2016 | 11-13 Mac 2016 | Monumen Alaf Baru, Presint 2 |
| 3. | Putrajaya Bridge Night Ride | 2 April 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 4. | Ironman 70.3 | 3 April 2016 | Anjung Floria, Presint4 |
| 5. | Putrajaya Animal Lovers Fiesta (PALOF) | 29-30 April 2016 | Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3 |
| 6. | Pertandingan Memancing Putrajaya | 8 Mei 2016 | Sisiran Tasik Putrajaya Presint 2, 3 & 4 |
| 7. | Floria Diraja Putrajaya | 27 Mei – 4 Jun 2016 | Anjung Floria, Presint 4 |
| 8. | Pertandingan Seni Suara Merbuk Putrajaya 2016 (Peringkat ASEAN) | 4 Jun 2016 | Taman Wetland Putrajaya, Presint 13 |
| 9. | Festival Ramadan Putrajaya | 6 Jun – 5 Julai 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 4 |
| 10. | Hari Sukan Negara | 8 Oktober 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 4 |
| 11. | Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Peringkat Kebangsaan 2016 | 20 Oktober 2016 | Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3 |
| 12. | Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Wilayah Persekutuan | 22 Oktober 2016 | Pusat Rekreasi Air, Taman Wetland Putrajaya, Presint 13 |
| 13. | Putrajaya Night Marathon | 12 November 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 4 |
| 14. | Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF) | 1-11 Disember 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 4 |
| 15. | Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan | 11 Disember 2016 | Masjid Putra, Presint 1 |
| 16. | Light And Motion Putrajaya (LAMPU) | 30 Disember 2016 – 1 Januari 2017 | Dataran Putrajaya, Presint 4 |

Turut terlibat dengan Program Jelajah Pelancongan di beberapa negeri Semenanjung Malaysia dan juga mengiringi persembahan artis tanahair semasa Konsert Aktif 7 yang disiarkan di program TV dan radio. Konsert ini menggabungkan sebanyak tujuh stesen radio nasional.

## Koir PPj

Latihan secara berterusan sebanyak 2 kali seminggu bersama tenaga pengajar vokal dijalankan bagi mengasah bakat dan seterusnya meningkatkan skil individu dan kumpulan koir. Koir dibimbing dari segi teknik nyanyian dan tata cara persembahan nyanyian dalam kumpulan.

Koir PPj telah mengadakan sebanyak 10 persembahan anjuran dalaman dan acara luar. Buat pertama kali nya Kumpulan Koir PPj menyertai pertandingan Koir anjuran MPSJ dan berjaya mendapat Anugerah Perak (tempat ke 6-10) daripada 16 kumpulan yang bertanding dalam pertandingan tersebut.

# Pengurusan LANDSKAP DAN TAMAN



# Pengurusan
# LANDSKAP DAN TAMAN




## PUTRAJAYA SEBUAH BANDAR RAYA TAMAN

Matlamat menjadikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang bercirikan Bandar Raya Taman telah dijalankan secara bersepadu dengan langkah pengurusan dan penyelenggaraan landskap secara berjadual dan terancang. Pemantauan dan perlaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan landskap di Putrajaya dilakukan dengan mengambilkira pelbagai aspek ke arah meningkatkan keindahan dan keceriaannya secara berterusan.

Kawasan persimpangan 'Laman Singgah Putrajaya' adalah merupakan antara lokasi menarik untuk para pengunjung merakamkan gambar yang terletak di kawasan persimpangan Persiaran Persekutuan dan Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di Presint 1, Putrajaya.

## PENYELENGGARAAN KAWASAN LANDSKAP

### Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pokok-Pokok Ameniti Di Sekitar Putrajaya

Di sepanjang tahun 2016, program penyelenggaraan pokok-pokok ameniti di Putrajaya telah dilaksanakan dengan baik memandangkan sistem pengurusan dan pengumpulan maklumat data pokok yang telah direkodkan dan dipantau. Pemeriksaan dan kawalan secara berterusan amat membantu mengawal dan meminimumkan kerosakan dan kecacatan pada pokok sediada. Rekod bagi data kerja-kerja melibatkan pemangkasan, pokok tumbang, serkah, penebangan, pembuangan tunggul, pemindahan, pembuangan epifit serta parasit pada pokok juga direkodkan dengan lebih terperinci.

Perancangan kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok ameniti di kawasan kejiranan dan kawasan jalan-jalan protokol di Putrajaya sentiasa dilakukan dengan mengambilkira kerja pemangkasan dahan dan meringankan kanopi pokok untuk mengurangkan risiko pokok tumbang semasa kejadian ribut di sekitar Putrajaya. Pada tahun 2016, perancangan kerja bagi pemangkasan pokok telah mencapai sasaran berikut:

| Kawasan | Jumlah (Batang Pokok) |
|---|---|
| Jalan-Jalan Protokol dan Laman | 27,218 |
| Kawasan Kejiranan | 35,861 |
| Nusa Perdana, Sisiran & Taman | 35,337 |
| Jumlah keseluruhan | 98,416 |





Data berkaitan pengurusan pokok ameniti selain daripada pemangkasan berjadual sepanjang tahun 2016 adalah merangkumi kerja-kerja berikut :-

| SKOP KERJA | ZON | JUMLAH 2016 |
|---|---|---|
| PEMANGKASAN | PROTOKOL<br>KEJIRANAN<br>NUSA PERDANA | 13,955<br>20,291<br>19,967 |
| | | 54,213 |
| TUMBANG | PROTOKOL<br>KEJIRANAN<br>NUSA PERDANA | 46<br>42<br>135 |
| | | 223 |
| SERKAH | PROTOKOL<br>KEJIRANAN<br>NUSA PERDANA | 33<br>67<br>59 |
| | | 159 |
| TEBANG (MATI/CONDONG/ LEMAH STRUKTUR/BERISIKO /POKOK LIAR) | PROTOKOL<br>KEJIRANAN<br>NUSA PERDANA | 137<br>354<br>108 |
| | | 599 |
| PEMBUANGAN TUNGGUL | PROTOKOL<br>KEJIRANAN<br>NUSA PERDANA | 208<br>280<br>270 |
| | | 758 |
| PEMINDAHAN POKOK/ANAI-ANAI | PROTOKOL<br>KEJIRANAN<br>NUSA PERDANA | 40<br>40<br>0 |
| | | 80 |
| PEMBUANGAN EPIFIT/ PARASIT | PROTOKOL<br>KEJIRANAN<br>NUSA PERDANA | 52<br>190<br>221 |
| | | 463 |






*Kerja-kerja penyelenggaraan pokok ameniti dan arborikultur melibatkan pokok-pokok teduhan di Putrajaya di sepanjang tahun 2016.*

Pengurusan kawasan landskap dan juga taman-taman awam juga telah diselaraskan semula sepanjang tahun 2016 agar lebih mantap dan ini termasuklah juga pengurusan landskap kawasan-kawasan baru yang telah diambilaih serta pengurusan perbelanjaan penyelenggaraan.

### Kawasan Rekreasi Awam/Kawasan Hijau/Tanah Lapang Di Sekitar Putrajaya

1. Taman Wetland, Presint 12 & 13.
2. Taman Wawasan, Presint 2.
3. Presint Diplomatik, Presint 15.
4. Taman Pancarona, Presint 18.
5. Taman Selatan, Presint 20.
6. Taman Putra Perdana, Presint 1.
7. Taman Saujana Hijau, Presint 11.
8. Taman Rimba Alam, Presint 14 & 15.
9. Kompleks Seri Perdana, Presint 10.
10. Kawasan Kejiranan Presint 7.
11. Kawasan Kejiranan Presint 8.
12. Kawasan Kejiranan Presint 9.
13. Kawasan Kejiranan Presint 10
14. Kawasan Kejiranan Presint 11.
15. Kawasan Kejiranan Presint 14
16. Kawasan Kejiranan Presint 15.
17 Kawasan Kejiranan Presint 16.
18. Kawasan Kejiranan Presint 17.
19. Kawasan Kejiranan Presint 18.
20. Kediaman Rasmi Presiden Perbadanan Putrajaya, Presint 10.
21. Kompleks Seri Satria, Presint 16.
22. Kompleks JPM Parcel B , Presint 1
23. Puspanitapuri Presint 10.
24. Putrajaya Sentral, Presint 7.
25. Persiaran Perdana, Presint 2, 3, 4 & Jambatan Gemilang.
26. Jalan-Jalan Nusa Perdana, Presint 2, 3 & 4.
27. Persisiran Putrajaya, Presint 2, 3, 4 & Monumen Alaf Baru.
28. Persisiran Putrajaya, Presint 1, 7, 8, 10 & 16.
29. Persisiran Putrajaya Presint 5 & 18.
30. Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3
31. Persiaran Seri Perdana, Pintu Masuk VIP, Pintu Masuk Awam & Pintu Masuk Persendirian & Tempat Meletak Kenderaan Awam di Presint 10.
32. Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Lebuh Perdana Timur, Lebuh Perdana Barat, Lebuh Perdana Selatan, Persiaran Utara, Persiaran Timur, Persiaran Persekutuan, Lebuh Sentosa & Lebuh Wawasan.
33. Jalan-Jalan Presint 5 dan Persiaran Selatan.
34. Pembangunan Taman Botani (Fasa 2), Presint 1.

| Bil. | REKOD JUMLAH TANGKAPAN 2016 | JUMLAH (EKOR) |
|---|---|---|
| 1. | KERA | 229 |
| 2. | BABI HUTAN | 83 |
| 3. | TEBUAN/LEBAH | 47 |
| 4. | ULAR | 5 |
| 5. | BIAWAK/MUSANG | 1 |
| 6. | BURUNG MERPATI | 320 |
| 7. | ADUAN SISSPA | 16 |

## PENGURUSAN KONSERVASI FAUNA

Seksyen Hortikultur dan Hidupan Liar, Jabatan Landskap dan Taman memainkan peranan penting dalam program pemantauan dan pengurusan fauna di Putrajaya. Seksyen ini menyediakan perkhidmatan dalam menangani aduan kacau ganggu spesies hidupan liar yang menimbulkan rasa ketakutan ke atas keselamatan orang ramai dengan matlamat memastikan semua urusan kacau ganggu diurus dengan cepat dan teratur.

Seksyen Hortikultur dan Hidupan Liar berfungsi untuk mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti pemuliharaan hidupan liar mengikut peraturan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) selain mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti kajian atau inventori hidupan liar di Putrajaya. Antara skop tugas seksyen adalah pemindahan kera, kawalan populasi babi hutan dan burung merpati, operasi pemusnahan koloni lebah dan tebuan serta pengurusan aduan awam (SISPAA) yang berkaitan dengan hidupan liar.





*Operasi Pemusnahan Koloni Lebah dan Tebuan*



*Kawalan Populasi Babi Hutan (Sus scrofa)*



*Kawalan populasi burung merpati*



*Pemindahan Kera (Macaca fascicularis)*

## AKTIVITI DAN PROGRAM

### PROGRAM MEMBINA HIJAU 2016

Membina Hijau Putrajaya adalah sebuah inisiatif dan hasrat Perbadanan Putrajaya dan rakan strategik iaitu Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PHSB) serta Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA) ke arah menyemaikan prinsip cintakan alam sekitar supaya usaha-usaha dan tindakan-tindakan mereka apabila dewasa kelak akan mengambil kira tentang kesan-kesan terhadap alam sekitar ke arah pembangunan mampan.

Selain memberi peluang kepada pelajarr sekolah untuk mendapatkan "hands-on experience" melalui aktiviti yang dijalankan di taman awam di Putrajaya, program ini memberi pendedahan pengurusan sisa buangan yang boleh dimanfaatkan dalam landskap persekitaran selain memberi penekanan terhadap pentingnya budaya kitar semula (recycling) dan pembaikan (up-cycle) selain mencungkil kreativiti dan inovasi hijau para pelajar sekolah di Putrajaya.

| Bil. | NAMA AKTIVITI | TARIKH AKTIVITI | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Lawatan Ke Tapak Pelupusan Sampah, Jeram, Selangor | 30 April 2016 | 120 orang |
| 2. | Bengkel 'Upcycle' di Taman Wetland Putrajaya | 14 Mei 2016 | 120 orang |
| 3. | Wetland Race Putrajaya di Taman Wetland Putrajaya | 6 Ogos 2016 | 120 orang |
| 4. | Asas Penanaman Herba & Sayur-sayuran di Taman Botani, Putrajaya | 20 Ogos 2016 | 120 orang |
| 5. | Pengenalan kepada 'Greenovation' | 3 September 2016 | 120 orang |
| 6. | Pemilihan Akhir 3 Sekolah Terbaik | 4 November 2016 | 80 orang |
| 7. | Anugerah Membina Hijau 2016, Hotel Everly, Putrajaya | 18 November 2016 | 180 orang |



*Anugerah Membina Hijau 2016, Hotel Everly, Putrajaya*






*Lawatan ke Tapak Pelupusan Sampah, Jeram, Selangor*







*Bengkel 'Upcycle' dan Wetland Race Putrajaya di Taman Wetland Putrajaya*







*Asas Penanaman Herba & Sayur-sayuran di Taman Botani, Putrajaya*



## PROGRAM PERTANIAN BANDAR PUTRAJAYA

Program Pertanian Bandar Putrajaya (*Putrajaya Urban Farming*) adalah projek perintis perkongsian pintar diantara Perbadanan Putrajaya, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Koperasi Komuniti Penduduk Putrajaya Berhad (KKPP) bagi melestarikan pembangunan komuniti di Putrajaya.

Program Pertanian Bandar Putrajaya adalah satu kaedah participation, engagement dan empowerment yang mampu memperkasakan komuniti melalui penglibatan penduduk dalam aktiviti pertanian berteknologi fertigasi yang mudah dijalankan di kawasan bandar.

Bagi Program Putrajaya Urban Farming 2016, pengoperasian rumah hijau sedia ada diteruskan dari musim ke-5 hingga ke-7 dengan penanaman Sayur-sayuran, Rock Melon dan Cili Kulai di Kebun Komuniti 1, Presint 9 manakala di Kebun Komuniti 2, Presint 8 dengan tanaman Sayur-sayuran dan Rock Melon. Sebanyak 5 siri bengkel dan 2 lawatan teknikal ke Ibu Pejabat MARDI Serdang dan MAEPS bersempena MAHA 2016 telah dilaksanakan bagi memastikan peserta mendapat input dari segi teori dan latihan secara hands-on daripada pihak MARDI bagi menguruskan operasi fertigasi rumah hijau yang telah dibina selain pendedahan sebenar di tapak.











## PROGRAM PENGHIJAUAN PUTRAJAYA

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran di kalangan warga penduduk dan kerja Putrajaya terhadap kepentingan menjaga alam sekitar melalui pemeliharaan dan penanaman pokok.

Usaha penanaman pokok ini merupakan salah satu usaha memperbaiki kualiti alam sekitar terutama di bandar. Selain daripada memberi teduhan, penanaman pokok dengan kuantiti yang banyak akan dapat merendahkan suhu persekitaran di samping meningkatkan kualiti pandangan estatik sesuatu tempat.

Acara penanaman pokok bersama YBhg. Datuk Seri Presiden Perbadanan Putrajaya  dan komuniti di bawah Program Penghijauan ini telah dilaksanakan di taman kejiranan Presint 14 pada 21 Januari 2016. Pokok dari spesies Dipterocarpus dan pokok  buah-buahan nadir juga di tanam pada acara tersebut.





Gambar 1, 2 dan 3: Kerja-kerja pengumpulan spesimen tumbuhan hidup dan herbarium.

## BOTANI DAN KONSERVASI

### Konservasi Tumbuhan Dan Pengurusan Herbarium

Bagi tujuan pemuliharaan spesies tumbuhan secara ex-situ di Taman Botani Putrajaya, pengumpulan spesimen tumbuhan dari beberapa kawasan hutan dan habitat berbeza seperti di Hutan Tanah Pamah Dipterokarp di sekitar negeri Selangor, Putrajaya, Terengganu, Kedah, Perlis dan Pahang serta Hutan Pantai di Mersing, Johor.

Manakala, program pengurusan herbarium melibatkan pengumpulan dan kurasi spesimen tumbuhan yang diawet, direkod dan disimpan secara sistematik untuk tujuan rujukan, bahan pendidikan dan penyelidikan. Jumlah spesimen yang dikumpul sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak 251 spesimen, ia terdiri daripada pelbagai habitat dan sifat tumbuhan seperti epifit dan parasit, tumbuhan jenis palma, herbasus, memanjat, pokok renek, pokok besar dan sebagainya.







Gambar 4, 5 dan 6: Koleksi spesimen herbarium di Taman Botani Putrajaya





## PROGRAM DAN AKTIVITI TAMAN-TAMAN AWAM PUTRAJAYA

Seiring dengan status sebagai Bandar Flora Berbunga, Putrajaya mempunyai 13 (tiga belas) buah taman-taman awam yang mana setiap taman mempunyai keunikan dan konsep yang tersendiri. Dari jumlah tersebut, 6 (enam) buah taman telah beroperasi sepenuhnya. Taman-taman awam Putrajaya telah menerima seramai 962,685 orang pelawat untuk tahun 2016.

Manakala sejumlah RM 667,981.04 telah berjaya dikutip sebagai hasil taman-taman awam Putrajaya. Hasil ini diperolehi dari dari perkhidmatan sewaan basikal, tram/ buggy, sewaan tapak, sewaan premis, lawatan berpandu, tiket masuk ke Astaka Morocco, aktiviti eksplorasi taman, modul pendidikan taman dan program anjuran taman.

*Statistik Pengunjung ke Taman-taman Awam Putrajaya pada tahun 2016*




*Kutipan Hasil Taman-taman Awam Putrajaya bagi tahun 2016*



## Ringkasan Program Dan Aktiviti Taman-Taman Awam

| Bil. | PROGRAM DAN AKTIVITI | JUMLAH PESERTA / AKTIVITI/SIRI |
|---|---|---|
| 1. | Survivor Camp @ Taman Wetland Putrajaya 2016 | 117 orang |
| 2. | Scavenger Hunt @ Wetland | 200 orang |
| 3. | Bengkel Pengurusan Taman | 54 orang |
| 4. | Karnival Kelulut Putrajaya 2016 (Peringkat Asean) | 2,000 orang |
| 5. | Program Gurindam Merbuk Putrajaya 2016 | 2,500 orang |
| 6. | Kursus Arborikultur Putrajaya | 110 orang |
| 7. | Majlis Pra Pelancaran Hutan Buluh Tropika Di Taman Botani Putrajaya | 500 orang |
| 8. | Modul Pendidikan @Taman Botani | 27 aktiviti |
| 9. | Modul Pendidikan @Taman Wetland | 25 aktiviti |
| 10. | Kursus Putrajaya Urban Farming | 5 siri |

## Majlis Pra Pelancaran Hutan Buluh Tropika Di Taman Botani Putrajaya



*Penanaman buluh spesies Thyrsostachys siamensis (Buluh payung) oleh YBhg. Datuk Seri Presiden.*



*Gambar beramai-ramai Majlis Prapelancaran Buluh Tropika di Taman Etnobotani, Taman Botani Putrajaya Presint 1*





Survivor Camp @ Taman Wetland Putrajaya





Scavenger Hunt @ Wetland





Kursus Putrajaya Urban Farming



Kursus Arborikultur Putrajaya





Modul Pendidikan @ Taman Wetland





Modul Pendidikan @ Taman Botani




Bengkel Pengurusan Taman



Kursus Arborikultur Putrajaya



Bengkel Pengurusan Taman

**Pembinaan Taman Persahabatan Malaysia - China Di Bandaraya Dongguan, Wilayah Guangdong, Republik Rakyat China**

Taman Persahabatan China -Malaysia merupakan Taman yang dibina bersama-sama dengan pihak Republik Rakyat China (RRC) bagi memperingati persahabatan di antara dua negara yang telah mencecah usia 40 tahun. Bagi memperingati ulang tahun itu, sebuah taman telah didirikan di Anjung Floria pada tahun 2014.

Susulan dengan kejayaan pembinaan taman ini, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersetuju untuk Perbadanan Putrajaya membina Taman Persahabatan Malaysia – China (TPMC) di Dongguan, Wilayah Guangdong. Projek ini akan dilaksanakan secara usaha sama antara pihak kerajaan dan juga swasta di mana kos pembinaan ditanggung bersama.
Konsep reka bentuk taman mengetengahkan elemen dan senibina Malaysia. Sebuah rumah tradisi Melayu dijadikan titik tumpuan yang mana disokong dengan taman- taman kecil yang akan membawa konsep berbilang bangsa Malaysia. Pemilihan pokok–pokok landskap untuk taman akan mengambilkira pokok–pokok landskap tempatan dan mempunyai keunikan seperti kepercayaan berbilang bangsa, fungsi dan nilai estetika. Turut diketengahkan ialah taman bunga raya sebagai bunga kebangsaan yang mana akan diberikan penekanan di TPCM nanti.





*Rombongan Malaysia diketuai Dato Omairi Bin Hashim TKSU Bahagian Perancangan Dasar mengunjungi Timbalan Datuk Bandar Dongguan Mr. Yang Xiaotang Pada 1 November 2016 bagi membincangkan perihal berkaitan pembinaan Taman Persahabatan Malaysia – China*

**FLORIA Diraja Putrajaya - Taman PPj 3K (Kufi, Kerawang, Kekwa)**

Taman Perbadanan Putrajaya FLORIA Diraja 2016 memaparkan rekabentuk taman yang bertemakan 3K: "Kufi, Kerawang & Kekwa. Rekabentuk taman ini menggabungkan aspek inovasi dan kreativiti dengan mengambilkira elemen ketuhanan, budaya dan keindahan hiasan bunga-bungaan segar.

Konsep rekabentuk taman ini diimplementasikan dengan motif kerawang untuk melambangkan unsur budaya masyarakat melayu dan rekabentuk yang berimejkan unsur alam yang menunjukkan hubungan erat antara masyarakat dan alam semulajadi. Motif kerawang ini diterjemahkan dari pokok Acallypha siamensis yang direka mengikut bentuk motif awan larat untuk memberi impak rekabentuk seni dan landskap yang unik serta disulami dengan bungaan kekwa iaitu bunga tema Floria 2016 yang bewarna warni.
Seni kaligrafi kufi pada struktur asal bangunan juga dikekalkan dan menjadi titik tumpuan utama kepada taman ini yang pastinya dapat memberi impak terus ke sanubari para pengunjung.







# Pengurusan PELANGGAN



# Pengurusan PELANGGAN




## PENGURUSAN ADUAN AWAM

PPj telah menerima sebanyak 351 aduan daripada pelbagai kategori dan sumber bagi tahun 2016 dengan peningkatan sebanyak 19% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peralihan data kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam(SISPAA) yang telah mula beroperasi pada April 2015.

Perbandingan Bilangan Aduan Yang Diterima Sepanjang Tahun 2014 Hingga 2016




## Bilangan Aduan Mengikut Kategori

Sejumlah 15 Kategori Aduan telah ditetapkan dalam SISPAA PPj. Senarai Aduan mengikut kategori beserta jumlah aduan yang diterima adalah seperti jadual di bawah:








## Prestasi Tempoh Penyelesaian Aduan 2016

Perbadanan Putrajaya telah berjaya menyelesaikan semua aduan yang diterima sepanjang 2016. 96% aduan berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang dari 15 hari manakala 4% aduan telah diselesaikan dalam tempoh kurang dari 2 bulan.

Pencapaian ini melebihi sasaran 75% dalam tempoh kurang dari 15 hari yang ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, sasaran 65% penyelesaian aduan dalam tempoh kurang dari 15 hari yang ditetapkan oleh Biro Pengurusan Aduan Awam (BPA) dan sasaran 80% aduan selesai kurang dari 15 hari dalam objektif MS ISO 9001:2008 PPj.

| BIL | TEMPOH | BIL.ADUAN | % SELESAI | % JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 1 hari | 55 | 15.7 | |
| 2. | 2-5 hari | 154 | 43.9 | 96% |
| 3. | 6-10 hari | 99 | 28.2 | |
| 4. | 11-15 hari | 29 | 8.3 | |
| 5. | 16-20 hari | 7 | 1.9 | 3% |
| 6. | 21-30 hari | 5 | 1.4 | |
| 7. | 31-60 hari | 2 | 0.6 | 1% |
| 8. | >60 hari | 0 | 0 | |
| | JUMLAH | 351 | 100 | 100% |

Secara keseluruhannya penerimaan aduan awam melalui SISPAA memperlihatkan kecekapan PPj menguruskan aduan secara sistematik tanpa melalui lapisan birokrasi. Penglibatan penyelia dan penyiasat SISPAA yang terdiri dari semua jabatan turut memainkan peranan dalam menyumbang kepada penyelesaian aduan yang cepat dan efisien.






*JumlahLiputan: 371 liputan; Jumlah AVE: RM5,886,654.16*

## PENGURUSAN MEDIA

Sepanjang tahun 2016, PPj telah merekodkan sebanyak 371 liputan yang diperolehi menerusi media cetak dan media elektronik dengan nilai Persamaan Iklan (AVE) berjumlah RM5,886,654.16.

### Kategori Liputan Media

| BIL | JENIS MEDIA | KUANTITI | AVE |
|---|---|---|---|
| 1 | Majalah | 24 | 85,872.14 |
| 2 | Radio | 61 | 71,834.24 |
| 3 | TV | 94 | 2,752,131.67 |
| 4 | Surat Khabar | 192 | 2,976,816.11 |
| | Grand Total | 371 | 5,886,654.16 |

### Pemantauan Media

Berdasarkan pemantauan media yang dibuat, sebanyak 82% daripada keseluruhan liputan yang diterima adalah dengan tona atau nada berita yang neutral manakala 17% bersifat positif. Hanya 1% sahaja direkodkan bagi liputan media yang bertona negatif.

| BIL | Tona | Kuantiti | AVE | Peratusan (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Berita Negatif | 1 | 823.36 | 1 |
| 2 | Berita Neutral | 304 | 5,074,865.15 | 82 |
| 3 | Berita Positif | 66 | 810,965.65 | 17 |

LIPUTAN MEDIA BERSAMAAN NILAI PERSAMAAN IKLAN (AVE)
MENGIKUT TONA BAGI TAHUN 2016




LIPUTAN MEDIA BERSAMAAN NILAI PERSAMAAN IKLAN (AVE)
MENGIKUT JENIS MEDIA BAGI TAHUN 2016






## Media Sosial

PPj menggunakan sepenuhnya media sosial rasmi PPj sebagai platform pemasaran dan promosi program, aktiviti di Putrajaya terkini yang tepat. Pendekatan ini telah mempertingkatkan keyakinan pengguna/pembaca kerana maklumatnya yang tepat dan terkini. PPj juga mematuhi pada TERMS of USE yang ditetapkan oleh Facebook supaya tiada berlaku pelanggaran syarat yang akan menjejaskan operasi/ perkhidmatan Facebook rasmi ini dan juga menjamin kredibiliti maklumat yang dikongsi dengan masyarakat.

Status terbaik di media sosial PPj adalah update status yang informatif dan pemakluman acara. Sepanjang tahun 2016 penambahan like sebanyak 49,885 dan followers fb telah mencecah 238,000.

Tahun 2016postingmakluman kemudahan Kolam Renang di Presint 16 iaitu 1.1M reachdan post clicks 121,000 manakala bulan Mei untuk acara Floria DiRaja Putrajaya sebanyak 1.4Mreachdan post clicks 900,000.

Followers di Instagramtelah meningkat dari 5,729 followers(2015)kepada 20,000 followers (2016) di mana setiap minggu Instagram PPj memperolehi 46,435 impressions/week dan 1092 profile view/weeks. Penganjuran acara-acara oleh PPj mengikut trend terkini seperti Road To Putrajaya, Snack & Style, Kuiz dan kolaborasi bersama Skuad Media Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) banyak membantu dalam peningkatan data di Instagram.

Followers di Twitter juga meningkat kepada 6191 dengan sebanyak 15,100 tweet /tahun (2015) kepada 20,000 tweets/ tahun (2016) di mana tweets mengenai #SnacknStyle_va yang diadakan sempena mempromosikan Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF) 2016 mencapai impression tertinggi pada tahun 2016.

Media sosial PPj telah memberi impak positif kepada imej PPj dengan gaya bahasa, pemilihan topik untuk dibicarakan dan profil followers merupakan faktor utama di ambil kira untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan lebih efektif. Komunikasi efektif ini telahmeningkatkan keakraban PPj dan pembaca dengan penyampaian informasi yang berkualiti menyediakan semakin banyak feedbackpositif yang akan diperolehi.

## PENGURUSAN LAWATAN RASMI

### Penerimaan Lawatan

Bagi tahun 2016, PPj telah menguruskan penerimaan lawatan rasmi ke Putrajaya sebanyak79 kumpulan yang melibatkan seramai 2,920 orang pelawat.




*Bilangan kumpulan dan jumlah pelawat mengadakan lawatan ke Perbadanan Putrajaya*







**Senarai delegasi Antarabangsa yang melawat Perbadanan Putrajaya**

| Bil. | Tarikh | Lawatan | Peserta |
|---|---|---|---|
| 1. | 17 Mac 2016 | Hon. Armah Sampson Abbe District Chief Executive for Awutu Senya District Assembly, Republik Ghana | 9 |
| 2. | 21 April 2016 | Hon. Ruwan Wjewardene, M.P., State Minister of Defense Sri Lanka | 10 |
| 3. | 28 April 2016 | Mr. Madji Hassan Yassin, State Minister, Ministry of Finance and Economic Planning, Republic of Sudan | 6 |
| 4. | 19 Mei 2016 | Finance Committee of the Parliament of Ghana | 7 |
| 5. | 23 Mei 2016 | Delegasi ASEAN, Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP), Islamic Tourism Centre (ITC) | 30 |
| 6. | 25 Mei 2016 | Mr. Mahmut Eminmollaaoglu, Gabenor Daerah Umraniye, Turkey | 25 |
| 7. | 22 Ogos 2016 | Hon. Musumba Isaac, Menteri Pembangunan Tanah, Perumahan & Pembangunan Bandar Republik Uganda | 30 |
| 8. | 6 September 2016 | Hon. Minister Dr. P. Narayana, Minister for Municipal Administration and Urban Development, Urban Water Supply and Urban Planning - Andhra Pradesh | 10 |
| 9. | 6 September 2016 | H.E Saif Al Hinai, Chief Executive Officer of Al Irfan Project affiliated to "Omran Corporation" | 5 |
| 10. | 27 Oktober 2016 | Ir. Khaled Al Dugeither, Kementerian Perbandaran Dan Hal Ehwal Luar Bandar (MOMRA) Kerajaan Arab Saudi (KSA) | 10 |
| 11. | 15 November 2016 | Mr. Soo Jin Kim, International Relations Sejong City Hall, South Korea | 32 |

## PENGURUSAN PERMOHONAN PENGGAMBARAN DI PUTRAJAYA

### Kelulusan Penggambaran

Sebanyak 124 permohonan penggambaran yang telah diluluskan oleh PPj dengan kutipan hasil caj berjumlah RM79,718.00.



| BIL | Jenis Penggambaran | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| 1 | Iklan | 21 | 22 |
| 2 | Drama | 4 | 26 |
| 3 | Filem | 14 | 13 |
| 4 | Dokumentari | 5 | 10 |
| 5 | Fotografi | 6 | 13 |
| 6 | Agensi Kerajaan | 10 | 8 |
| 7 | Lain-Lain | 39 | 30 |
| | JUMLAH | 99 | 124 |



# Pengurusan dan PEMBANGUNAN KOMUNITI



# Pengurusan dan PEMBANGUNAN KOMUNITI

## PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Pelbagai program dan aktiviti telah dianjurkan meliputi aspek pembangunan masyarakat, perkhidmatan, sukan dan riadah dalam menggalakkan keharmonian hidup dan perpaduan di kalangan warga Putrajaya. Senarai program dan aktiviti dijalankan sepanjang tahun 2016 adalah seperti jadual di bawah

| TARIKH | PROGRAM |
|---|---|
| 30 Dis 2015 – 31 Dis 2016 | Program Mengimarah Solat Subuh (melibatkan 9 buah surau) |
| 20 Februari 2016 | Street Dakwah Sempena Kenduri Rakyat |
| 2 April – 18 Jun 2016 (setiap Sabtu) | Bengkel Suri- Jahitan Pakaian Wanita |
| 2 April - 24 Disember 2016 (setiap Sabtu) | Kelas Pemerkasaan Kumpulan Marhaban Putrajaya |
| 6 April 2016 | Majlis Town Hall Komuniti Bersama Presiden PPj |
| 16 – 17 April 2016 | Kursus Keusahawanan Belia Komuniti Putrajaya |
| 16 – 17 April 2016 | Pengurusan keselamatan Taska/Tadika/Pengasuh di rumah |
| 21 - 22 Mei 2016 | Kelas Jahitan Tudung |
| 25 Mei 2016 | Majlis Town Hall Komuniti Bersama Presiden PPj |
| 2 Jun 2016 | Demontrasi Masakan Bersama Selebriti Sempena FLORIA 2016 |
| 9 Jun 2016 | Program Nur Ramadhan |
| 30 - 31 Julai 2016 | Pengurusan Risiko Kebakaran Kediaman dengan kerjasama Bomba Putrajaya |
| 15 - 18 Ogos 2016 | Kursus Pemprosesan Pes dan Perencah |
| 24 Ogos 2016 | Majlis Town Hall Komuniti Bersama Presiden PPj |

| TARIKH | PROGRAM |
|---|---|
| 22 September 2016 | Program Pemutihan Peserta Data E-Kasih Kawasan Putrajaya Bersama Mobile Team ICU, Jabatan Perdana Menteri |
| 29 September 2016 | Kursus Keluarga Sakinah: Lindungi Diri dan Keluarga Dengan Al-quran |
| 5 November 2016 | Kursus Edible Landscape |
| 6 November 2016 | Kursus Keluarga Sakinah: Perubatan Islam Bersama Pusat Darul Syifa Cawangan PutrajayaMajlis |
| 22 Disember 2016 | Town Hall Komuniti Bersama Presiden PPj |

### Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB)

Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Kementerian Wilayah Pesekutuan telah melaksanakan 12 kursus di bawah program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) pada tahun 2016. Fokus program ini adalah bagi meningkatkan ekonomi dan melahirkan usahawan Bumiputera di kawasan Putrajaya.

Melalui program ini, peserta didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta diterapkan dengan etika perniagaan yang progresif. Bagi maksud tersebut, pihak KWP telah membelanjakan sebanyak RM400,000.00 bagi kawasan Parlimen Putrajaya.  Antara programnya;

| TARIKH | PROGRAM | PESERTA |
|---|---|---|
| 22 Oktober 2016-<br>19 Februari 2017 | Kursus Jahitan Pakaian Lelaki SKM Tahap 1 | 18 |
| 22 Oktober 2016-<br>19 Februari 2017 | Kursus Bakeri SKM Tahap 3 | 13 |
| 24-27 November 2016 | Kursus Persolekan | 20 |
| 11-13 November 2016 | Kursus Gunting Rambut | 20 |
| 24-27 November 2016 | Kursus Seni Jahitan Kreatif | 20 |
| 2-4 Disember 2016 | Kursus Urutan Tradisional | 20 |
| 28-30 November 2016 | Kursus Memproses Kordial, Jus dan Minuman Terus Buah-buahan | 20 |
| 10-11 Disember 2016 | Kursus Memproses Pelbagai Produk Mee | 35 |
| 19-20 November 2016 | Kursus Membaik pulih Penghawa Dingin | 20 |
| 15-18 Disember 2016 | Kursus Membaik Pulih Telefon Bimbit | 20 |
| 23-25 Januari 2017 | Kursus Pemprosesan Makanan Sejuk Beku | 20 |
| 25-27 Januari 2017 | Kursus Pemasaran Online | 35 |





### Sambutan Hari Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) 2016

Sambutan "Hari PPK" adalah merupakan aktiviti kemuncak yang dianjurkan oleh Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK), Bhg. Perkhidmatan Komuniti, J(P), pada setiap tahun. Objektif utama penganjurannya adalah untuk mengukuhkan interaksi sosial dan hubungan baik di antara pihak PPK dan komuniti Putrajaya dengan berkonsepkan mesra pelanggan. Selain daripada itu, program seperti ini dapat memperkenalkan kemudahan-kemudahan yang disediakan dan seterusnya mempromosikan PPK bagi menarik lebih ramai menjadi ahli PPK.

Program Hari PPK 2016 merupakan sambutan tahun ke-10 yang telah diadakan pada 05 hingga 06 November 2016, pada jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang bertempat di Kompleks Kejiranan (KKj), Presint 11, Putrajaya.

Pelbagai aktiviti atau program menarik telah disusun sebagai pengisian "Hari PPK" ini, iaitu Perasmian Putrajaya Multicultural Children's Library, Pertandingan Golf Simulator, Anugerah Ahli Aktif PPK, Kaunter Khidmat Pelanggan, Pertandingan Melukis dan Mewarna, Pertandingan Bercerita Peringkat Sekolah Kebangsaan di Putrajaya, Persembahan Maskot Boboiboy  & Yaya dan lain – lain program.





### Impak Positif Kepada Pengunjung

1. Mendapat maklumat terkini mengenai PPK melalui www.facebook.com/perpustakaan putrajaya ;

2. Berpeluang mendaftar sebagai ahli baru PPK, dan terus akses kepada segala kemudahan yang disediakan di PPK ; dan

3. Kaunter Khidmat Pelanggan juga menerima apa-apa juga idea, cadangan dan komen konstruktif (daripada pengunjung), untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan PPK.

*Jumlah keahlian PPK sehingga 2016 =  14,108 orang ahli
*Jumlah koleksi PPK sehingga 2016 =  119, 272 buah koleksi

### Perasmian Putrajaya Multicultural Children's Library Dan Aktiviti BersamaMalaysia Board On Books For Young People (MBBY)



Putrajaya Multicultural Children's Library di Pusat Pembelajaran Kejiranan Presint 11, Putrajaya telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor ( Menteri Wilayah Persekutuan) pada 05 November 2016 yang lalu. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail (Presiden Perbadanan Putrajaya), YBhg. Dato' Ahmad Redza Bin Ahmad Khairuddin (Presiden Malaysia Board on Books for Young People (MBBY) @ Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja) dan para jemputan yang lain.

Selain daripada majlis perasmian, terdapat pelbagai aktiviti seperti Story telling, Roleplay, Games, Sing-a-long dan Sesi Bedah Buku telah yang dijalankan dengan kerjasama 20 orang pelajar antarabangsa dari Universiti Malaya bersama pelajar Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 16(2) dan kanak-kanak komuniti Putrajaya.

### Perkhidmatan Sokongan Pusat Pembelajaran Kejiranan 2016

- Kaunter Khidmat Pelanggan PPK
- Insentif Keahlian PPK
- Bengkel Pengurusan Perpustakaan
- Kelas kemahiran Al-Quran – Al-Fatihah
- Kelas Kemahiran – Bahasa Inggeris
- Kelas Kemahiran Al-Quran -  Solat Bestari
- Kelas Kemahiran – Seni Kreatif
- Bengkel Genius Sifir
- Bengkel IT – Adober Illustrator
- Ekspo Jualan Buku
- Sesi Bedah Buku @ Mari Membanca
- Hari PPK 2016
- Pertandingan Melukis & Mewarna
- Bengkel IT – Perniagaan Online
- Bengkel Bijak Belajar
- English is Fun
- Program Kerjasama KL Braille
- Program Kerjasama MBBY (Malaysian Board On Books For Young People)
- Lawatan Interaktif Penanda Arasan (Bench Marking Official Visit) Ke Ipoh, Perak



## SUKAN KOMUNITI

Sepanjang tahun 2016, Bahagian Perkhidmatan Komuniti telah menganjurkan sebanyak 31 program sukan komuniti dengan kerjasama pelbagai pihak. Berikut adalah senarainya;

| Bil. | NAMA ACARA | TARIKH | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 1. | Program Langkah Ceria Putrajaya | 15 Januari 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 2. | Watergate 16 Hour 2016 | 9 Januari 2016 | Taman Sri Empangan , Presint 5 Putrajaya |
| 3. | Natura Run For Hope Solidarity For Diabetes | 21 Februari 2016 | Kompleks Sukan air Presint 6, Putrajaya |
| 4. | Ultra Aquathlon 2016 | 24 Januari 2016 | Monumen Alaf Baru, Presint 2 |
| 5. | Konvoi Berbasikal MSWP | 28 Februari 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 6. | Le Tour De Langkawi | 29 Februari 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 7. | 100 Plus Run 2016 | 9 April 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 8. | Pertandingan Futsal Komuniti Putrajaya | 23 April 2016 | Kompleks Sukan Taman pancarona Presint 18, Putrajaya |
| 9. | Pertandingan Bola Jaring Komuniti Putrajaya | 23 April 2016 | Kompleks Sukan Taman pancarona Presint 18, Putrajaya |
| 10. | Pertandingan Sepak Takraw Komuniti Putrajaya | 23 April 2016 | Kompleks Sukan Taman pancarona Presint 18, Putrajaya |
| 11. | Karnival Amal Serikandi Tun Fatimah | 14 Mei 2016 | Kompleks Futsal 1 Malaysia, Presint 18 |
| 12. | MILO Breakfast | 29 Mei 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 13. | Men Health Night Run | 30 Julai 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 14. | Kejohanan Waterski Kebangsaan | 13 – 14 Ogos 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 15. | Larian Hari Malaysia/MAKSAK | 14 Ogos 2016 | PICC, Putrajaya |
| 16. | Merdeka Fun Ride " Kayuhan Patriotik" | 28 Ogos 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 17. | Run For Unity | 3 September 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 18. | Putrajaya Century Ride | 3 September 2016 | Monumen Alaf Baru, Presint 2 |
| 19. | Walk For Peace (ATM) | 1 September 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 20. | Aquathlon Putrajaya | 25 September 2016 | Kompleks Sukan air Presint 6, Putrajaya |
| 21. | Junior Cycling Malaysia | 8 Oktober 2016 | MOF, Presint 2, Putrajaya |
| 22. | Hari Sukan Negara | 8 Oktober 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 23. | Larian Jubli Intan MKM | 16 Oktober 2016 | Dataran Putrajaya, Presint 3 |
| 24. | The Running Diva Malaysia 2016 - Pink Oktober | 23 Oktober 2016 | Hotel Pullman, Presint 6, Putrajaya |
| 25. | Cempaka Sky Run | 13 November 2016 | Monumen Alaf Baru, Presint 2 |
| 26. | Putrajaya 100 Miles | 19 November 2016 | Taman Sri Empangan , Presint 5 Putrajaya |
| 27. | Allianz Pacer Run | 27 November 2016 | Lapangan Rekreasi Putrajaya Presint 6, Putrajaya |
| 28. | 2XU Compression Night Run | 17 Disember 2016 | Kompleks Sukan air Presint 6, Putrajaya |
| 29. | Run & Save The Cats 2016 | 24 Disember 2016 | Taman Sri Empangan , Presint 5 Putrajaya |

## MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP) PUTRAJAYA

Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan, Putrajaya (MPPWP) adalah satu entiti sosiopolitik tertinggi di Wilayah Persekutuan yang diwujudkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh pemimpin masyarakat setempat. Struktur komuniti ini bertujuan melaksana dan menyelaras dan memantau program-program kemasyarakatan dan modal insan serta terlibat secara langsung bagi program yang dilaksanakan oleh Pihak Berkusa Tempatan (PBT). Disamping itu, pihak MPPWP turut berperanan dalam menangani isu-isu perbandaran dan penyampaian perkhidmatan secara berterusan di dalam kawasan pentadbiran Wilayah Persekutuan Putrajaya sekaligus membuktikan kefungsiannya dalam menentukan keperluan penduduk setempat dalam pembangunan, kesejahteraan dan kelangsungan kehidupan di bandar.

MPPWP bagi Zon Putrajaya secara rasminya telah ditubuhkan pada 7 Julai 2011 melalui perlantikan sebanyak 11 subzon MPPWP dan 1 Zon MPPWP yang disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan. Tempoh lantikan keanggotaan MPPWP adalah selama 1 tahun. Pelantikan keanggotaan semasa adalah bagi tempoh bermula dari 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

MPPWP Zon dan Subzon telah diperuntukkan bajet khusus untuk menjalankan aktiviti dan pengurusan masing-masing. MPPWP Zon menerima peruntukan sebanyak RM 70,000.00 setahun manakala setiap MPPWP Subzon menerima peruntukan sebanyak RM 30,000.00 setahun.

Program-program anjuran MPPWP telah ditetapkan mengikut garis panduan yang iaitu program yang bercirikan elemen keselamatan, perpaduan dan kesejahteraan, ekonomi dan keusahawanan, modal insan dan pendidikan, sukan dan rekreasi serta kesihatan, kebersihan dan alam sekitar. Antara aktiviti/program yang dijalankan adalah seperti Gotong-Royong mencegah denggi, Projek Jahitan Komuniti, Pertandingan Badminton, Karnival Komuniti, Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Sukaneka Keluarga, Kem Motivasi, Team Building Pemimpin Komuniti dan lain-lain lagi yang bermatlamatkan menyatukan komuniti di Putrajaya.





# Pengurusan dan PEMBANGUNAN ORGANISASI



# Pengurusan dan PEMBANGUNAN ORGANISASI




## PELAN STRATEGIK PPJ 2016-2020

Pelan Strategik PPj merupakan dokumen yang menggariskan perancangan jangkamasa panjang, di mana organisasi menentukan misi dan objektif berdasarkan sumber-sumber yang dimiliki, bagi mencapai visi yang ditetapkan.

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Agensi Secara Spesifik YB Menteri & Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Tahun 2016

| Ministerial Key Results Area (MKRA) | Sasaran 2016 | Pencapaian 2016 |
|---|---|---|
| Bilangan Acara Peringkat Antarabangsa | 4 Acara | 100%<br>1. Putrajaya International Hot Air Ballon Fiesta<br>2. Pesta Bunga & Taman Diraja Putrajaya (FLORIA)<br>3. Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACuF)<br>4. Festival Light & Motion Putrajaya (LAMPU) |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PPj

| Bil. | KPI Utama PPj 2016 | Sasaran 2016 | Pencapaian 2016 |
|---|---|---|---|
| 1. | Peratus Aduan Diselesaikan Dalam Tempoh | 85% | 96% |
| 2. | Purata Skor Kepuasan Pelanggan | 85% | 86.27% |
| 3. | Kualiti Air Tasik Pada Kelas IIB | 100% | 89% |
| 4. | Premis Makanan Mendapat Gred A | 30% | 69% |
| 5. | Pencapaian Program Amalan Nilai Murni | 100% | 150% |
| 6. | Pengurusan &Inovasi KIK | 50% | 87.5% |
| 7. | Indeks Bandar Mampan | 95% | 94% |
| 8. | Indeks Kualiti Hidup | 80% | 90% |
| 9. | Kenaikan Pengunjung/ Pelancong | 100% | 200% |
| 10. | Tandas Awam Melebihi 3 Bintang | 80% | 91% |




**Model Pelan Strategik PPj 2016-2020**

## Pencapaian Piagam Pelanggan 2016

| Bil. | PROGRAM/AKTIVITI | Kualiti/ Kuantiti/Masa | % Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 1. | PENGURUSAN ADUAN | | |
| | Menyelesaikan Aduan | 15 hari | 96% |
| 2. | PERMOHONAN PENYEWAAN | | |
| | (a) Kelulusan penyewaan Dewan Persidangan dan Auditorium di Kompleks Perbadanan Putrajaya: | | |
| | i) Permohonan di kaunter | 10 minit | 100% |
| | ii) Permohonan melalui surat | 3 hari | 100% |
| | iii)Permohonan dalaman | 3 hari | 100% |
| | (b)Kelulusan penyewaan Dewan Serbaguna di Kompleks Kejiranan: | | |
| | i) Permohonan di kaunter | 10 minit | 100% |
| | ii) Permohonan melalui surat | 3 hari | 100% |
| | (c) Kelulusan penyewaan Pangsapuri Perbadanan Putrajaya | 14 hari | 100% |
| 3. | PERMOHONAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN | | |
| | Menerima, memproses dan mengeluarkan surat kelulusan/premit/ kebenaran bagi pengemukaan yang lengkap secara elektronik (ES) dan melalui Kaunter Pusat Setempat (OSC) oleh orang yang berkelayakan/ pemohon dan setelah notis penerimaan dikeluarkan bagi permohonan berikut : | | |
| | (a) Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Susun Atur | 53 hari | 100% |
| | (b) Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Pra-Hitungan | 53 hari | 100% |
| | (c) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan | 53 hari | 100% |
| | (d) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (rumah sesebuah) | 30 hari | 100% |
| | (e) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Sementara | 53 hari | 100% |
| | (f) Kelulusan Lanjutan KM | 53 hari | 100% |
| | (g) Kelulusan Nama Penamaan Bangunan | 53 hari | 100% |
| | (h) Perubahan Material | 53 hari | 100% |
| | (i) Kelulusan Permit Sementara | 30 hari | 100% |
| | (j) CCC (untuk rekod) | 14 hari | 100% |
| | (k) Kelulusan Mendirikan Bangunan | 37 hari | 13% |
| | (l) Kelulusan Pelan Pindaan | 37 hari | 100% |
| | (m) Kelulusan Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO) | 14 hari | 100% |
| | (n) Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubahsuai | 30 hari | 90% |
| | (o) Kelulusan Pelan Kerja Tanah Am dan Asas | 53 hari | 100% |
| | (p) Kelulusan Kerja Jalan Dan Perparitan | 53 hari | 100% |
| | (q) Kelulusan Pelan Kerja Jalan (Lampu Jalan dan Lampu Isyarat) | 53 hari | 100% |
| | (r) Kelulusan Permit Kerja-Kerja : | | |
| | i) Jalan | 30 hari | 100% |
| | ii) Tutup lorong | 30 hari | 100% |
| | iii) Malam | 30 hari | 100% |
| | iv) Angkut Bahan | 30 hari | 100% |
| | v) Laluan Logistik | 30 hari | 100% |
| | (s) Kelulusan Pelan Landskap | 53 hari | 100% |
| | (t) Kelulusan mendirikan pagar | 30 hari | 100% |



| Bil. | PROGRAM/AKTIVITI | Kualiti/ Kuantiti/Masa | % Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 4. | KERJA-KERJA PENYENGGARAAN | | |
| | (a)Penyenggaraan Jalan, Sistem Saliran, Jambatan, Lampu Jalan/Jalan Taman dan Cerun serta lain-lain komponen yang berkaitan. | | |
| | i) Kritikal dan perlu dibaiki segera. | Dalam tempoh 24 jam | 100% |
| | ii) Tidak Kritikal | 14 hari | 100% |
| | (b)Penyenggaraan Bangunan dan komponen yang berkaitan. | | |
| | i) Kritikal dan perlu dibaiki segera. | Dalam tempoh 24 jam | 100% |
| | ii) Tidak Kritikal (kos tidak melebihi RM20 ribu) | 14 hari | 100% |
| | iii)Tidak Kritikal (kos melebihi RM20 ribu) | 60 hari | 100% |
| | (c) Mengambil tindakan bagi kerosakan lampu isyarat | | |
| | i) Aduan melalui Hotline | Dalam tempoh 24 jam | 100% |
| | ii) Aduan melalui SISPAA | 3 hari bekerja | 100% |
| | (d) Mengambil tindakan bagi kes pokok tumbang: | | |
| | i) Kawasan kritikal (kawasan jalan, kawasan rumah, kawasan pejabat dan kawasan yang mengganggu kepentingan awam) | Serta merta (Dalam tempoh 24 jam) | 100% |
| | ii)Kawasan tidak kritikal (kawasan taman dan kawasan yang tidak menggangu kepentingan awam) | Dalam tempoh 2 hari (14 hari dalam tempoh estimated respond time) | 100% |
| 5. | PERMOHONAN LESEN | | |
| | (a) Kelulusan lesen premis perniagaan (prosesan ekspres) | 1 jam | 100% |
| | (b) Kelulusan lesen premis perniagaan (prosesan biasa) | 18 hari bekerja | 100% |
| | (c) Kelulusan lesen papan tanda perniagaan (prosesan ekspres) | 1 jam | 100% |
| | (d) Kelulusan lesen papan tanda perniagaan (prosesan biasa) | 14 hari bekerja | 100% |
| | (e) Kelulusan semua jenis pembaharuan lesen | | |
| | i) Premis | 10 minit | 100% |
| | ii) Papan tanda perniagaan | 10 minit | 100% |
| 6. | PAYMENT | | |
| | Memproses bayaran selepas dokumen yang lengkap diterima | 14 hari atau mengikut syarat perjanjian/kontrak | 100% |

## PENGURUSAN KUALITI : MS ISO 9001:2008

Pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001:2008 masih berkuatkuasa dari 21 Mac 2016 sehingga 14 September 2018.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 5 prosedur kualiti telah digugurkan menjadikan jumlah prosedur kualiti di Perbadanan Putrajaya sebanyak 62 prosedur. Prosedur kualiti yang digugurkan ialah :

a) PK-PPj(Landskap)-03 : Permohonan Kelulusan Pemasangan Papan Tanda Kekal 'ID Sign' (digugurkan kerana tiada permohonan. Sekiranya ada permohonan, ia akan dibuat melalui Prosedur Kualiti Permohonan Kelulusan Pelan Landskap) digugurkan pada 11 April 2016

b) PK-PPj(Rancang)-01 : Penyediaan Rancangan Struktur (digugurkan kerana proses penyediaan Rancangan Struktur Putrajaya telah selesai sepenuhnya dan kajian ini telah diwartakan pada 7 Mac 2014) digugurkan pada 29 Julai 2016

c) PK-PPj (Rancang)-02 : Penyediaan Rancangan Tempatan (digugurkan kerana proses penyediaan Rancangan Tempatan Putrajaya telah selesai sepenuhnya dan kajian ini telah diwartakan pada 7 Mac 2014 dan 4 Julai 2014) *digugurkan pada 29 Julai 2016

d) PK-PPj (Bandar)-03 : Pengurusan Penggunaan Kemudahan Kolam Renang Awam Presint 6 Putrajaya (digugurkan kerana pengurusan kolam renang Presint 6 telah diserahkan kepada anak syarikat PPj iaitu Marina Putrajaya Sdn Bhd) *digugurkan pada 29 Ogos 2016

e) PK-PPj (Landskap)-07 : Permohonan Kebenaran Bercucuk Tanam (digugurkan kerana ketiadaan permohonan Kebenaran Bercucuk Tanam selama 2 tahun) *digugurkan pada 10 Oktober 2016

Aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 PPj adalah seperti berikut:

| Bil. | Aktiviti/Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. | 26 - 28 Januari 2016 |
| 2. | Taklimat Bagi Pelaksaaan MS ISO 9001:2015 kepada pegawai Perbadanan Putrajaya | • Pengurusan Tertinggi (18 Januari 2016)<br>• Pengurusan Pertengahan & Kumpulan Pelaksana (23 Februari & 1 Mac 2016) |
| 3. | Bengkel Pengurusan Risiko Bagi MS ISO 9001:2015 Dan Pindaan Dokumen Pengurusan Kualiti Perbadanan Putrajaya | 24 - 28 April 2016 |
| 4. | Kursus Pemantapan Juruaudit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya | • 22 - 24 April 2016<br>• 6 - 8 Mei 2016 |
| 5. | Auditan Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya | 23 - 27 Mei 2016 |
| 6. | Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Tahun 2016 | • 30 Ogos 2016 (Bil. 1/2016)<br>• 8 November 2016 (Bil. 2/2016) |
| 7. | Bengkel Pemurnian Maklumat Dokumen Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 | 10 - 11 Oktober 2016 |



Hasil daripada auditan yang telah dijalankan, dapatlah dirumuskan bahawa Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 di Perbadanan Putrajaya telah dapat diterima sebagai satu budaya kerja. Kursus kesedaran (awareness) akan terus dijalankan bukan sahaja kepada pemilik prosedur tetapi juga kepada semua kakitangan lain di Perbadanan Putrajaya agar budaya kerja ini dapat terus dilaksanakan.

## KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Pada tahun 2016, Perbadanan Putrajaya telah mengekalkan dua belas (12) KIK termasuk 5 kumpulan baharu yang diwujudkan pada tahun 2015 .Kumpulan yang meliputi pelbagai jabatan dan bahagian di Perbadanan Putrajaya. Kumpulan yang aktif bagi tahun 2016 terdiri daripada;

- Kumpulan Connected -Jabatan Perkhidmatan Korporat
- Kumpulan K-Force - Jabatan Perkhidmatan Bandar
- Kumpulan Port 80 -Jabatan Perkhidmatan Korporat
- Kumpulan Q-Forces -Jabatan Kewangan
- Kumpulan 1Synergy -Jabatan Landskap dan Taman

Berikut merupakan Bengkel/Kursus yang telah dihadiri oleh peserta-peserta KIK pada tahun ini

| Bil. | Bengkel/Kursus | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel KIK Siri 1 | Penang | 14-16 Januari 2016 |
| 2. | Bengkel KIK Siri 2 | Penang | 18-20 Januari 2016 |
| 3. | Bengkel Pemurnian KIK | Melaka | 14-17 April 2016 |

2 kumpulan telah dihantar bagi mewakili Perbadanan Putrajaya di dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan ke 13 tahun 2016 yang telah berlangsung 6-7 September 2016. Kumpulan tersebut adalah Kumpulan Connected dari Jabatan Perkhidmatan Korporat dan Kumpulan Q-Forces dari Jabatan Kewangan .

Manakala Kumpulan Solve2 dari Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan telah dihantar untuk International Convention On Quality Control Circles (ICQCC) 2016 yang berlangsung di Bangkok, Thailand.

### Kumpulan Yang Mewakili PPj Di Dalam Konvensyen KIK Peringkat Wilayah Tahun 2016

Berikut adalah keputusan bagi konvensyen tersebut;

| Bil. | Nama Kumpulan | Keputusan | Kategori |
|---|---|---|---|
| 1. | Kumpulan Connected | Tempat ke-6 | Pengurusan |
| 2. | Kumpulan Q-Forces | Tempat ke-10 | Pengurusan |

Kumpulan Solve2 telah terpilih untuk ke International Convention On Quality Control Circles (ICQCC) 2016 yang berlangsung pada 23- 26 Ogos 2016 di Bangkok, Thailand telah memperolehi 'GOLD AWARD'



**SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2016**

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) telah diperkenalkan selepas daripada Mesyuarat MNKT ke-57 yang berlangsung pada 2 Oktober 2007. SPB-PBT dijalankan ke atas semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Daerah (MD).

Perbadanan Putrajaya telah dinilai buat pertama kalinya di bawah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT). SPB-PBT digunakan oleh pihak KPKT untuk menilai keberkesanan pihak berkuasa tempatan dalam penyampaian perkhidmatan. Penilaian dibuat terhadap empat(4) Kriteria Utama iaitu Kriteria Pengurusan, Perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan serta Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk.

Pada 14 November 2016, PPj telah dinilai oleh para inspektorat KPKT dan telah memperolehi markah penilaian tidak rasmi sebanyak 92% dan berjaya mendapat penarafan 5 Bintang.





## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### Perjawatan

Berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan Bil. S105/2014, bilangan perjawatan PPj bagi tahun 2016 adalah berjumlah 925. Secara umumnya kedudukan perjawatan bagi PPj mengikut Skim Perkhidmatan dan Gred digambarkan melalui rajah di bawah:

**Bilangan Perjawatan Berdasarkan Skim Perkhidmatan**




**Bilangan Pegawai Mengikut Gred**




## Kursus, Bengkel Dan Seminar

Selaras dengan Dasar dan Strategi Latihan Sumber Manusia, PPj telah menganjurkan pelbagai program untuk meningkatkan kompetensi pegawai sama ada secara dalaman atau dengan kerjasama agensi luar. Setiap pegawai PPj adalah dikehendaki mengikuti latihan/kursus minima tujuh hari setahun. Bagi tahun 2016, sebanyak 7,192 penyertaan kursus oleh pegawai/pekhidmat PPj. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,688 penyertaan adalah mengikuti kursus anjuran PPj manakala 1,617 penyertaan lagi adalah anjuran agensi luar.

**Bilangan Penyertaan Pegawai Menghadiri Kursus Tahun 2016**




**Bilangan Penyertaan Pegawai Mengikut bidang Kursus Tahun 2016**




**Bilangan Penyertaan Pegawai Menghadiri Kursus Tahun 2014 - 2016**



## Program Pengiktirafan

Program pengiktirafan merupakan sebahagian perancangan berterusan yang dilaksanakan oleh PPj. Seramai 68 pegawai PPj telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang terdiri daripada 21 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 47 pegawai dalam Kumpulan Sokongan. Di samping itu, beberapa pegawai yang memenuhi kriteria juga telah dicalonkan untuk menerima pelbagai pingat dan bintang kebesaran pada peringkat Negeri dan Persekutuan. Senarai penuh penerima darjah kebesaran bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

| Bil. | Nama | Jawatan | Anugerah | Negeri |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Hasim bin Ismail | Presiden | Seri Mahkota Wilayah (S.M.W) – Membawa gelaran "Datuk Seri" | Wilayah Persekutuan |
| 2. | Mohammad Bin Salleh | Pegawai Tadbir Gred N54 | Johan Mahkota Wilayah (J.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 3. | Mohd Tajuddin Bin Idris | Pegawai Pertanian Gred G52 | Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 4. | Fauzi Bin Mohd Noor | Penolong Pegawai Pertanian Gred G36 | Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 5. | Zainuri Binti Ishak | Penolong Arkitek Landskap Gred JA36 | Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W) | Wilayah Persekutuan |
| 6. | Dzulkifli Bin Abu Bakar | Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 | Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W) | Wilayah Persekutuan |
| 7. | Mohd Ghazali Bin Haji Mohd Salleh | Pembantu Penguatkuasa Gred N22 | Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W) | Wilayah Persekutuan |
| 8. | Mohd Nor Bin Alias | Jurutera Gred J54 | Kesatria Mangku Negara (K.M.N) | Persekutuan |
| 9. | Fauzi Bin Mohd Noor | Penolong Pegawai Pertanian Gred G36 | Ahli Mangku Negara (A.M.N) | Persekutuan |
| 10. | Farahanim Binti Abd Karim | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N26 | Pingat Pangkuan Negara (P.P.N) | Persekutuan |
| 11. | Hafizuddin bin Mohd Zani | Pembantu Penguatkuasa (Kontrak) N19 | Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) | Negeri Sembilan |





## PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KOMUNIKASI (ICT)

### Sistem Pengurusan Aset Alih (SPA) Perbadanan Putrajaya

Sistem Pengurusan Aset atau SPA adalah sistem yang digunakan untuk pengurusan aset alih dan inventori berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007) Arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan pengurusan aset alih yang telah diterimapakai di Perbadanan Putrajaya.

SPA telah dilaksanakan pada bulan Mei 2016 di mana aliran kerja bermula dengan pendaftaran aset menerusi Sistem ERMIS/SAP dan diintegrasikan dengan Sistem SPA. Sehingga penghujung 2016, bilangan aset dan nilai aset yang telah didaftarkan adalah seperti rajah di bawah :

**Bilangan Aset Yang Telah Didaftarkan**




**Nilai Aset Yang Telah Didaftarkan**



## Infrastruktur Rangkaian Wifi Awam PPj

Wireless Fidelity atau Wifi adalah komunikasi data tanpa kabel. PPj telah mengambil inisiatif untuk memberi perkhidmatan yang efisian kepada komuniti dan pengguna awam iaitu membuat penambahabaikan Outdoor Wifi Access Point sedia ada pada Ogos hingga Disember 2016.

Sebanyak 32 unit Outdoor Wifi Access Point sedia ada telah dinaiktaraf untuk menyokong keperluan terkini. Naiktaraf tersebut melibatkan beberapa lokasi iaitu Dewan & Pusat Pembelajaran Presint 8, Medan Selera Seri Teja Presint 9, Taman Pancarona Presint 18, Bangunan DCA, Bangunan MECD, Dataran Putrajaya, Tiang CCTV 31, 32, 33, 36 dan sebagainya.

| Bil. | CIRI-CIRI | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Rupabentuk | WIFI JENAMA CISCO<br>(SEDIA ADA)<br>Saiz yang lebih besar dengan 2 unit external antenna<br> | WIFI JENAMA ARUBA<br>( BAHARU)<br>Rupabentuk lebih kemas dan compact dengan built-in antenna<br> |
| 2. | Wireless protocol | a/b/g/n | a/b/g/n/ac |
| 3. | Data transfer rate | 54 Mbps | 1.3 Gbps |
| 4. | Bilangan pengguna serentak | 256 pengguna | 25 pengguna |
| 5 | Bilangan maksimum Access Point yang boleh dipantau serentak oleh Controller | 100 unit | Boleh dinaikkan sehingga 256 Access Point dengan 8,192 peralatan serentak |
| 6 | Tarikh end-of-life<br>• Wireless Controller<br>• Access Point<br>• Wireless Control System<br>Tarikh end-of-support | • 2 Nov 2021<br>• 11 Sep 2019<br>• 15 Ogos 2018 | • 13 Jun 2011<br>• 30 Nov 2008<br>• 5 Nov 2014 |
| 7 | • Wireless Controller<br>• Access Point<br>• Wireless Control System | • 23 Ogos 2022<br>• 21 Ogos 2021<br>• 1 Nov 2021 | • 30 Jun 2016<br>• 29 Nov 2013<br>• 31 Mei 2018 |

Naiktaraf tersebut dilakukan seiring dengan perkembangan teknologi yang menggunakan ac radio yang ternyata lebih cepat dan dapat menampung kapasiti pengguna yang lebih ramai. Peralatan-peralatan yang terlibat dalam penggantian tersebut adalah seperti jadual di bawah :

| MODEL | BIL. | LOKASI PEMASANGAN | FUNGSI |
|---|---|---|---|
| Access Point model Aruba 275 | 32 unit | Di pelbagai lokasi sekitar Putrajaya | Memancarkan signal wifi untuk menyambungkan peralatan pengguna kepada rangkaian secara tanpa wayar |
| Wireless Cont<br>roller model Aruba 7205 | 2 unit | 1 unit di Central Server Farm<br>1 unit di Disaster Recovery | Mengurus semua Access Point secara terpusat |
| Wireless Control System Aruba Airwave | 1 unit | CenterCentral Server Farm | Memantau operasi dan keberfungsian Access Point dan Controlller secara terpusat |

### Property Rating Information System Mass Appraisal

Penilaian Massa adalah penilaian yang sistematik ke atas kumpulan hartanah dan dilaksanakan pada tarikh yang ditetapkan dengan menggunakan prosedur standard dan ujian statistik. Sistem Mass Appraisal ini dibangun untuk digunakan oleh Bahagian Penilaian dan Pengurusan Asset, PPj untuk memeriksa dan melaksanakan penilaian semula terhadap setiap hartanah di W.P Putrajaya.

Sistem ini juga boleh melaksanakan analisis statistik berterusan ke atas jualan hartanah dan penilaian semasa untuk menentukan sama ada nilai taksiran adalah selaras dengan nilai aset semasa.

Sistem Mass Appraisal terbahagi kepada dua (2) komponen utama iaitu Menilai Pegangan Berkadar dan Enterprise GIS.

### Pegangan Berkadar

Menjana nilai tahunan secara keseluruhan atau berkelompok bagi semua pegangan berkadar yang terdapat di Putrajaya. Fungsi utama modul Pegangan Berkadar adalah :

- Membolehkan pegawai penilai mengeluarkan Notis Senarai Nilaian , Senarai Nilaian, Borang B dan Borang C secara efisyen.
- Pengiraan bagi penentuan nilai tahunan akan diproses secara berkelompok/ keseluruhan.



### Enterprise GIS

Fungsi utama sistem adalah untuk analisis spatial iaitu membuat carian data cepat dan efisyen. Fungsi-fungsi yang telah dibangunkan adalah seperti di bawah :

- Carian Lot
- Paparan Kadar Sewa (TOL)
- Tunggakan Cukai Taksiran
- Analisis Jualan Pasaran
- Analisis Sewa semasa
- Buffer Analysis





### Mobile Enforcement

Sistem mobile enforcement dibangunkan untuk memudahkan penguatkuasa mengeluarkan kompaun kesalahan trafik di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Bermula September 2016, Bahagian Penguatkuasa PPj telah mula menggunakan handheld bagi tujuan pengeluaran kompaun. Untuk permulaan hanya unit trafik akan menggunakan hand held ini dan akan diperluaskan ke unit lain.
Sistem ini berfungsi adalah untuk :

- Membolehkan penguatkuasa mengeluarkan kompaun dengan efisyen. Cetakan kompaun akan dikeluarkan terus di lokasi kejadian.
- Data kompaun terus disalurkan ke sistem di pejabat sebaik sahaja penguatkuasa berada di Kompleks PPj atau mana-mana lokasi yang mempunyai capaian rangkaian PPj.
- Memudahkan kerja-kerja pemantauan kerana dengan adanya laporan analisis, pihak pengurusan dapat mengetahui lokasi-lokasi yang mempunyai catatan tinggi dalam pengeluaran kompaun.

### Pencapaian

Jumlah kompaun juga menunjukkan peningkatan melalui penggunaan hand held, di mana perbandingan secara purata pengeluaran kompaun sebelum penggunaan hand held ialah 2,825 kompaun meningkat kepada 3,598 selepas penggunaan hand held.

### Sistem Pancing Putrajaya

Pertandingan memancing merupakan sebahagian daripada usaha PPj untuk mempromosikan Tasik dan Wetland Putrajaya yang telah diikhtiraf sebagai Satu dari Tujuh UNESCO Ecohydrology Operational Demonstration Sites. Program ini telah memberi peluang kepada semua kaki pancing untuk turut menikmati hasil Pengurusan Bersepadu Tasik dan Wetland Putrajaya (Integrated Management of Putrajaya Lake and Wetland) yang dilaksanakan secara mampan.

Pertandingan memancing telah dijenamakan kepada ‘Sirkit Pancing Putrajaya’ pada tahun 2013. Selaras dengan itu







juga, kaedah pengurusan pertandingan memancing ditambahbaik dengan pembangunan Electronic Fishing Tournament Management System (EFTMS) iaitu sistem yang direkabentuk dan dibangunkan khusus untuk Pengurusan Pertandingan Memancing.

Sistem ini merupakan sistem pengurusan bersepadu yang menyimpan dan merekodkan data pemancing serta spesies ikan secara sistematik. Rekod dan maklumat memancing juga akan digunakan bagi membantu PPj membuat penilaian dan keputusan dalam pengurusan ikan selanjutnya serta membantu kajian santifik berkaitan populasi ikan Tasik Putrajaya.

Peserta boleh membuat pendaftaran dan urusan pembelian tiket memancing secara atas talian memberi kemudahan serta menggalakkan peserta yang jauh dari Putrajaya untuk membuat pendaftaran pada kadar awal. Bagi tujuan pengesahan, peserta hanya perlu datang membawa kad pengenalan sahaja pada jam 12.00 tengahari sehari sebelum hari pertandingan berlangsung sehingga tamat pertandingan.

**Graf Perbandingan**
**Bilangan Auditan Yang Dirancang Dan Diselesaikan**




*Graf Perbandingan Bilangan Auditan Yang Dirancang Dan Diselesaikan*

## PENGURUSAN AUDIT DAN KUALITI ASURANS

### Auditan Dalaman

Auditan dalaman merupakan satu fungsi bebas yang bertanggungjawab terus kepada Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya dan juga bertanggungjawab melaporkan secara terus kepada Presiden Perbadanan Putrajaya.

Objektif utama Audit Dalam adalah untuk melaksanakan kawalan dalaman serta nilai tambah bagi mempertingkatkan tahap prestasi organisasi. Di samping itu, ianya dapat membantu Perbadanan Putrajaya mencapai visi dan misinya secara sistematik dan berkesan.

Tanggungjawab utama Audit Dalam adalah melaksanakan pemeriksaan terhadap pengurusan kewangan dan penilaian aktiviti yang dilaksanakan bagi memastikan sumber-sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Dalam tahun 2016, sebanyak 15 tajuk auditan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit PPj. 13 tajuk telah diselesaikan dalam tahun 2016 manakala 2 tajuk telah dipersetujui untuk digugurkan. Di samping itu, 5 siri lawatan untuk laporan audit bergambar turut dijalankan. Senarai tajuk auditan yang telah diselesaikan adalah seperti berikut:

i. Semakan Baucer Bayaran dan Resit Terimaan Bagi Tahun 2015
ii. Pengurusan Hasil Operasi Syarikat Marina Putrajaya Sdn Bhd
iii. Pengurusan Dewan Milik Perbadanan Putrajaya
iv. Auditan Kontrak Penyelenggaraan Dataran Putra, Putrajaya
v. Pengurusan Stor-Stor Perkhidmatan Milik Perbadanan Putrajaya
vi. Penyelenggaraan Kolam Air Pancuran (Water Features) di Putrajaya
vii. Penyelenggaraan Boardwalk Di Sisiran Tasik Putrajaya
viii. Penyelenggaraan Putrajaya Sentral Presint 7 dan Park and Ride di Putrajaya
ix. Auditan Kontrak Penyelenggaraan Landskap Putrajaya International Convention Centre (PICC) Presint 5, Putrajaya
x. Isu-Isu Keselamatan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Perbadanan Putrajaya
xi. Penyelenggaraan Padang dan Gelanggang di Putrajaya
xii. Kepenggunaan dan Penyelenggaraan Peralatan Komputer di Luar Kompleks Perbadanan Putrajaya
xiii. Early Warning Systems (EWS)

Sebanyak 3 tajuk auditan dari Rancangan Audit Tahunan 2015 telah dibawa ke hadapan dan diselesaikan dalam tahun 2016 adalah seperti berikut:

i. PPj Online
ii. Sistem Kelulusan Landskap
iii. Pelupusan Kenderaan Perbadanan Putrajaya

### Mesyuarat Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya (JAPPj)

Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya (JAPPj) diwujudkan oleh Perbadanan Putrajaya pada 3 Oktober 1997 melalui keputusan Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 8 Tahun 1997. Perlantikan pengerusi dan ahli kepada Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya adalah di bawah bidang kuasa Perbadanan Putrajaya.

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya telah diadakan sebanyak empat kali dalam tahun 2016, seperti berikut:

| Bil. | Tarikh |
|---|---|
| Bil. 1 Tahun 2016 | 3 Mei 2016 |
| Bil. 2 Tahun 2016 | 28 Julai 2016 |
| Bil. 3 Tahun 2016 | 13 Oktober 2016 |
| Bil. 4 Tahun 2016 | 9 Disember 2016 |

### Pengurusan Risiko

Perbadanan Putrajaya komited untuk mengadakan satu proses pengurusan risiko yang sesuai dan berkesan bagi mengurus risiko agar dapat mencapai visi dan misinya serta memberikan jaminan yang munasabah kepada Anggota Perbadanan dan pemegang kepentingan yang lain tentang kedudukan kawalan dalaman Perbadanan Putrajaya dan kemampuannya untuk meningkatkan sistem penyampaian untuk kepentingan awam. Pengurusan Risiko di Perbadanan Putrajaya telah dilaksanakan berdasarkan piawaian ISO 31000 dan Kerangka Kerja Pengurusan Risiko Perbadanan Putrajaya.

Pada tahun 2016, terdapat sebanyak 20 profil risiko sedia ada diselenggara dan dipantau oleh Unit Pengurusan Risiko. Status dan tahap matriks kadaran risiko bagi semua risiko yang dipantau oleh Unit Pengurusan Risiko adalah seperti Jadual 1: Pemantauan profil risiko dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Risiko (JKKR).

Bengkel Pengurusan Risiko Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Perkhidmatan Korporat telah diadakan pada 23 hingga 25 November 2016 di Hotel Shangri-La, Putrajaya manakala Seminar Kesedaran Pengurusan Risiko (ISO 9001:2015 - *Risk Based Thinking*) telah diadakan pada 20 Disember 2016 di Dewan Seri Melati, Perbadanan Putrajaya.

| No. | No. Fail | Kod. | Risiko | Rating Disember 2016 |
|---|---|---|---|---|
| 1 | PPJ/A/PR/LULUS/W4 | W4 | Kedudukan Kewangan Kritikal | 5-5-E-U (25) |
| 2 | PPJ/A/PR/LULUS/R1 | R1 | Pencemaran Air Larian Dari Kawasan Putrajaya Ke Tasik | 5-4-E-U (20) |
| 3 | PPJ/A/PR/LULUS/R3 | R3 | Kemalangan Pengguna Dai Tasik Dan Wetland Putrajaya | 4-4-E-U (16) |
| 4 | PPJ/A/PR/LULUS/L2 | L2 | Kegagalan Pokok Ameniti | 3-3-H-U (9) |
| 5 | PPJ/A/PR/LULUS/B1 | B1 | Cerun Runtuh -B4SU | 4-4-E-U (16) |
| 6 | PPJ/A/PR/LULUS/W3 | W3 | Cukai Tertunggak | 3-1-M-A (3) |
| 7 | PPJ/A/PR/LULUS/R2 | R2 | Dasar Pengangkutan Bersepadu Tidak Dilaksanakan | 5-3-E-U (15) |
| 8 | PPJ/A/PR/LULUS/R5 | R5 | Kemusnahan Ekosistem Tasik Dan Wetland Putrajaya | 3-4-H-U (12) |
| 9 | PPJ/A/PR/LULUS/L1 | L1 | Kerosakan Peralatan Permainan Kanak-kanak | 2-4-H-U (12) |
| 10 | PPJ/A/PR/LULUS/K4 | K4 | Kebakaran Di Kompleks Perbadanan Putrajaya | 3-3-H-U (9) |
| 11 | PPJ/A/PR/LULUS/W5 | W5 | Kebocoran Maklumat Semasa Proses Penilaian Tender | 3-2-H-U (6) |
| 12 | PPJ/A/PR/LULUS/R4 | R4 | Empangan Putrajaya Bocor Ataupun Pecah | 1-5-H-U (5) |
| 13 | PPJ/A/PR/LULUS/B2 | B2 | Tandas-tandas Awam Dibawah Seliaan Ppj Kotor | 5-2-H-U (10) |
| 14 | PPJ/A/PR/LULUS/K5 | K5 | Maintenance - Portal Risk | 5-4-H-U (20) |
| 15 | PPJ/A/PR/LULUS/K6 | K6 | System & Application - Portal Risk | 5-4-H-U (20) |
| 16 | PPJ/A/PR/LULUS/K7 | K7 | Business Continuity Risk | 5-4-H-U (20) |
| 17 | PPJ/A/PR/LULUS/K8 | K8 | ICT Operational Process Risk | 3-3-H-U (9) |
| 18 | PPJ/A/PR/LULUS/K9 | K9 | System & Application - Information Risk | 3-3-H-U (9) |
| 19 | PPJ/A/PR/LULUS/K10 | K10 | ICT Project Management Risk | 3-3-H-U (9) |
| 20 | PPJ/A/PR/LULUS/K11 | K11 | Information Security Risk | 2-4-H-U (8) |

*Jadual 1 : Penilaian Semula 20 Profil Risiko Perbadanan Putrajaya yang telah dikemaskini sehingga Disember 2016.*

## Pengurusan Integriti Dan Tadbir Urus

Pelaksanaan aktiviti Unit Integriti adalah merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 iaitu Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam dengan berpandukan kepada 6 teras utama penubuhan Unit Integriti iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib. Di Perbadanan Putrajaya, Unit Integriti diwujudkan melalui waran perjawatan Bil S105 Tahun 2014.

Sepanjang tahun 2016, Unit Integriti telah melaksanakan beberapa aktiviti seperti:

- Mengadakan ujian saringan air kencing dengan Bahagian Sumber Manusia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Mengadakan beberapa siri ceramah integriti kepada kontraktor di Perbadanan Putrajaya.
- Mengadakan beberapa siri ceramah dan kursus integriti di kalangan pekhidmat Perbadanan Putrajaya.
- Mengadakan beberapa siri perbincangan mengenai Memorandum Persefahaman dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berkaitan program yang akan dilaksanakan.
- Mengadakan Ikrar Integriti penjawat awam pada Majlis Perhimpunan Bersama Presiden Perbadanan Putrajaya.
- Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus di peringkat Perbadanan Putrajaya.
- Menyertai program integriti anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan.

## PROGRAM PEGAWAI MUDA

Kumpulan Pegawai Muda PPj terdiri daripada pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41, 44 dan 48) yang diwujudkan sebagai satu kumpulan untuk membentuk kerjasama dalam menyokong dan melaksanakan pelbagai program di Putrajaya serta sebagai satu pasukan pelapis kepada pengurusan PPj.

Pelbagai program telah telah dilaksanakan oleh Kumpulan Pegawai Muda PPj sepanjang tahun 2016 seperti berikut:

### Program Santai@Dataran Gemilang

Diadakan pada setiap Ahad dari jam 4.00 hingga 7.00 petang di Dataran Gemilang, Presint 4, Putrajaya, program santai ini telah mempunyai pengikutnya sendiri yang hadir saban minggu. Turut diadakan gerai-gerai jualan makanan dan minuman, permainan kanak-kanak, pakaian dan lain-lain.

### Bantuan Kepada Bahagian Komunikasi Korporat Dalam Menguruskan Lawatan Delegasi Luar Ke Putrajaya

Kumpulan Pegawai Muda melalui Sekretariat Pelancongan telah membantu Bahagian Komunikasi Korporat PPj menguruskan lawatan-lawatan dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Kulim, Kedah -8 Januari, Institute Technology of Cambodia –11 Ogos, Pan Pacific & South-East Asia Women's Association –29 Ogos, Dr Tahmina Rashid, UNESCO Paris –28 September, Korea Environmental Preservation Association (KEPA) –20 Okt dan Dr Kshama Khorbragade, Intergrated Lake Basin Management expert from India –5 November.









**Konvoi Kereta Sempena Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan**

Sempena Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan pada 17 Januari 2016 yang lepas, Kumpulan Pegawai Muda turut menganjurkan Konvoi Kereta bagi membantu memeriahkan acara berkenaan dengan kehadiran 250 buah kenderaan yang terdiri daripada kalangan penduduk Putrajaya.

**Ceramah Motivasi 'Dimanakah Kita Akhirnya?' oleh YBhg. Ustaz Ahmad Dusuki bin Abd Rani**

Ceramah ini diadakan pada 24 Februari 2016 bagi menambah ilmu di kalangan kakitangan Perbadanan Putrajaya .

**Kasih 6: Kayuhan Amal**

Pasukan berbasikal Perbadanan Putrajaya (PPjCT) yang diletakkan di bawah Kumpulan Pegawai Muda telah mengadakan program kolaborasi dengan para pelajar Kolej UKM pada 5 Mac 2016 yang lepas. Kayuhan telah diadakan dari UKM ke Perbadanan Putrajaya.

**Kayuhan Jamboree & Fun Ride**

PPjCT turut terlibat dalam pelbagai kayuhan Jamboree dan Fun Ride sepanjang 2016. Antara acara yang disertai adalah Putrajaya Bridge Ride, Powerman Putrajaya, Eco Carbon Free Ride, Jambori Elmina serta Konvoi Berbasikal Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Festival Pencinta Haiwan Putrajaya 2016**

Festival ini turut dikenali sebagai PALoF 2016 (Putrajaya Animal Lovers Fiesta 2016). PALoF merupakan satu acara tahunan yang dianjurkan oleh Kumpulan Pegawai Muda. Pada tahun ini ia telah diadakan di Lobi Auditorium Cempaka Sari Putrajaya dari 2 hingga 3 April 2016. Pelbagai jenis haiwan seperti kucing, burung dan reptilia dipamerkan di sini. Festival ini diadakan dengan kerjasama Kelab Kucing Malaysia.

**Ceramah Motivasi 'Al-Quran: Kepentingan Menguasainya' oleh YBhg. Maulana Abdul Hadi bin Yaakob.**

Ceramah ini diadakan pada 18 April 2016. Antara objektif program adalah bagi memberi kesedaran mengenai kepentingan mendampingi Al-Quran dalam kehidupan kita.

**Kembara Eko-Pelancongan Bali-Lombok, Indonesia**

Kembara ke Indonesia telah diadakan dari 19 hingga 22 Mei 2016 dengan penglibatan 26 orang peserta. Melalui program ini peserta diberi pendedahan tentang aspek kebudayaan masyarakat Bali dan Lombok serta menggunakan aset sedia ada untuk memajukan industri pelancongan.





**Kunjungan Anak Yatim dan Tahfiz pada bulan Ramadan 1437H**

Menyelaras jemputan berbuka puasa bersama-sama anak-anak yatim di sekitar Lembah Kelang di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin sepanjang bulan Ramadan 1437H.

**Program Bubur Lambuk Amal Media 1437H**

Terlibat dalam penyediaan dan pengagihan bubuk lambuk. Kumpulan Pegawai Muda telah menunjukkan semangat bekerjasama yang mantap dalam memastikan kejayaan program ini.

**Kembara Amal Ibadah Korban Kemboja**

Kembara ke Indonesia telah diadakan dari 10 hingga 14 September 2016 dengan penyertaan 3 orang Pegawai Muda memberi tumpuan kepada ibadah korban yang dilaksanakan. Sebanyak 34 ekor lembu disembelih di Kampung Ampel, Wilayah Cham, Kemboja. Pengisian program adalah termasuk agihan sumbangan berupa barangan asas makanan dan baju raya kepada penduduk, program bersama kanak-kanak serta bersama-sama membuat persiapan kenduri hari raya korban.

**Pidato Bahasa Inggeris Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2016**

Buat julung kalinya pertandingan ini diadakan pada 6 Oktober 2016. Seramai 19 orang pelajar dari 9 buah sekolah rendah dan 16 orang pelajar dari 7 buah sekolah menengah di Putrajaya telah menyertai pertandingan ini. Objektif pertandingan adalah bagi memupuk penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar, menanam minat para pelajar untuk berpidato dan menggalakkan kreativiti pelajar dalam menghasilkan skrip pidato.




**Ride to Tumpat**

Jelajah ini telah diadakan dari 26 hingga 29 November 2016. Laluan jelajah adalah seperti berikut: Putrajaya > Benta > Gua Musang > Kuala Krai > Tumpat dengan jumlah keseluruhan jelajah sejauh 506km.

**Kembara Nurani Banda Aceh Indonesia**

Kembara akhir bagi tahun ini telah diadakan dari 23 hingga 26 Disember 2016. Kembara ini disertai oleh 8 orang Pegawai Muda. Program ini memberi manfaat dari aspek pembangunan sahsiah individu melalui aktiviti lawatan ke tapak/bekas tinggalan tsunami dan rumah anak-anak yatim.

**Putrajaya Convoy & Gathering 2016**

Lokasi acara terletak di belakang Istana Kehakiman Presint 3 dengan pelbagai pengisian seperti buat peminat arena permotoran. Acara telah diadakan pada 24 hingga 25 Disember 2016.





**Light IT-Arena bersempena Festival Light and Motion Putrajaya 2016 (LAMPU 2016).**

LAMPU 2016 telah diadakan pada 30, 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017. Program ini diadakan dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Perbadanan Putrajaya. Ini adalah sebagai platform kepada warga Putrajaya dan kawasan sekitarnya bagi mendapat pendedahan terkini teknologi ICT dalam sektor pencahayaan.





# Perundangan dan PENGUATKUASAAN

# Perundangan dan PENGUATKUASAAN




## KHIDMAT PERUNDANGAN

Jabatan Undang-Undang Perbadanan Putrajaya memberikan nasihat perundangan yang meliputi perkara-perkara berkaitan gubalan dan tafsiran undang-undang, terma perjanjian, penguatkuasaan undang-undang dan dasar-dasar yang berkaitan dengan kerajaan. Khidmat nasihat perundangan ini diberikan kepada jabatan-jabatan di Perbadanan Putrajaya dan juga anak-anak syarikat Perbadanan Putrajaya.

Sepanjang tahun 2016, Jabatan Undang-Undang telah menyediakan sebanyak 738 nasihat undang-undang bertulis. Selain khidmat nasihat undang-undang bertulis, Jabatan Undang-Undang juga memberikan nasihat undang-undang secara lisan melalui mesyuarat, rundingan dan perbincangan.

Bilangan nasihat undang-undang yang telah diselesaikan berdasarkan bagi tahun 2015 dan 2016 mengikut jenis adalah seperti yang berikut:

| Jenis/Tahun | 2015 | 2016 |
|---|---|---|
| Nasihat Bertulis | 610 | 738 |
| Nasihat Lisan dalam mesyuarat, rundingan dan perbincangan | 808 | 951 |

## KONTRAK

Pada tahun 2016, Jabatan Undang-Undang telah menyemak dan menyediakan sebanyak 306 draf perjanjian. Manakala dokumen Tender, Request For Proposal dan Sebut Harga yang telah disemak adalah sebanyak 48 draf. Selain itu, sebanyak 421 Surat Niat, Surat Setuju Terima/ Surat Pelantikan dan Surat Tawaran telah disemak dan disediakan oleh Jabatan Undang-Undang.

## GUBALAN

Dalam menjalankan fungsi sebagai pihak berkuasa tempatan, Perbadanan Putrajaya perlu memastikan supaya setiap aktiviti yang dijalankan selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan kepentingan Perbadanan Putrajaya sentiasa terpelihara. Selain itu, pindaan sesuatu undang-undang perlu dilaksanakan mengikut peredaran masa supaya perundangan sedia ada tidak lapuk, ketinggalan zaman dan memenuhi kehendak semasa Perbadanan Putrajaya dan kerajaan.

Gubalan perundangan baru akan melibatkan penelitian dan proses Analisis Impak Peraturan (Regulatory Impact Anaysis) oleh jabatan pelanggan untuk pertimbangan perkara-perkara dasar serta semakan Penasihat Undang-Undang Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan Peguam Negara. Berikut adalah perundangan yang masih dalam proses penggubalan:

- Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Pindaan)
- Undang-Undang Kecil Kerja di Jalan (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan (Wilayah Persekutuan Putrajaya).
- Kaedah-Kaedah Pengawalan dan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan UbahSuaian Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992) 2016
- Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan

dan Ubah Suaian Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992) 2016
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016
- Perintah Perbadanan Putrajaya (Penubuhan Perbadanan) (Putrajaya International Convention Centre Sdn. Bhd.) 2016
- Perintah Perbadanan Putrajaya (Penubuhan Perbadanan) (Putrajaya Floria Sdn. Bhd.) 2016
- Perintah Perbadanan Putrajaya (Penubuhan Perbadanan) (Marina Putrajaya Sdn. Bhd.) 2016
- Draf Rancangan Tempatan Presint 2,3,4 & 18 - Pemberitahuan Di Bawah subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976
- Draf Pelantikan Pesuruhjaya Bangunan Wilayah Persekutuan Putrajaya - Akta Pengurusan Strata 2013 (No. 2)

## PENDAKWAAN

Jumlah keseluruhan kertas siasatan yang telah semak adalah sebanyak 7,709 kes. Sehingga 31 Disember 2016 sebanyak 13,073 kertas siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk mendapatkan izin pendakwaan. Manakala sebanyak 3,604 kertas siasatan telah didaftarkan di Mahkamah Majistret Putrajaya.

### Pengendalian Rayuan Kompaun

Perbadanan Putrajaya telah mengendalikan sebanyak 1,552 kes rayuan kompaun yang meliputi kes rayuan ke atas kompaun yang dikeluarkan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta yang dikuatkuasakan oleh Perbadanan Putrajaya. Rayuan kompaun ini adalah berdasarkan jenis dan kategori kesalahan serta tempoh pembayaran yang telah ditetapkan.

## LITIGASI SIVIL

Jumlah kes litigasi sivil mengikut kategori bagi tempoh 3 tahun adalah seperti yang berikut:

| Kategori | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Tuntutan tunggakan cukai taksiran | 15 | 92 | 17 |
| Tuntutan tunggakan sewa komersil | 5 | 1 | 1 |
| Tuntutan ganti rugi kemalangan (insurans) | 6 | 0 | 7 |
| Tunggakan bayaran pinjaman/ kuarters/ emolumen pekhidmat Perbadanan Putrajaya | 2 | 0 | 0 |
| Lain-lain tuntutan | - | 4 | 2 |
| **Jumlah** | **28** | **97** | **27** |

Berdasarkan jadual di atas, jumlah kes tertinggi adalah kes tuntutan tunggakan cukai taksiran terhadap penduduk yang menetap di Putrajaya. Jabatan Undang-Undang juga menyemak notis penamatan yang dirujuk oleh jabatan pelanggan. Terdapat pengurangan yang ketara bilangan notis penamatan yang disemak bagi tahun 2016 iaitu sebanyak 8 notis penamatan berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 47





notis dan tahun 2014 sebanyak 57 notis. Ini menunjukkan semakin berkurangnya penyewa yang tidak mematuhi terma dan syarat perjanjian penyewaan.

## PENGUATKUASAAN

Penguatkuasaan undang-undang oleh Perbadanan Putrajaya merangkumi pelbagai aspek seperti lalu lintas, ketenteraman, keselamatan orang dan harta awam, kebersihan, perniagaan, ubahsuai bangunan dan sosial. Kaedah pengawalan dan penguatkuasaan dilaksanakan melalui rondaan, pemantauan di lapangan dan pemantauan melalui litar tertutup yang beroperasi selama 24 jam sehari. Bagi kes-kes tertentu, tugas penguatkuasaan dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan lain-lain.

Tindakan penguatkuasaan juga dilaksanakan bersama jabatan-jabatan lain di Perbadanan Putrajaya melalui operasi bersepadu dipremis perniagaan, restoran, pusat hiburan, rumah kediaman, tadika dan kawasan pembinaan bagi memastikan semua pemilik premis, penyewa dan peniaga mematuhi peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di Putrajaya.

Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan kepada undang-undang yang berkuatkuasa di Putrajaya, antaranya:

- Akta Perbadanan Putrajaya 1995 dan peraturan-peraturan yang berkaitan
- Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) termasuk Undang-Undang Kecil di bawah Akta ini
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil di bawah Akta ini
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) termasuk perintah dan kaedah yang dibuat di bawah Akta ini
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) termasuk perintah dan kaedah yang dibuat di bawah Akta ini

Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah bagi mendidik orang awam supaya menghormati dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di Putrajaya seterusnya memastikan Putrajaya menjadi sebuah bandar yang teratur dan terurus serta menjadi bandar contoh dalam pematuhan undang-undang dan peraturan di kalangan penduduk, warga kerja,pelawat serta pelancong yang berkunjung ke

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini. Dalam melaksanakan penguatkuasaan, Perbadanan Putrajaya sentiasa menekankan kepada tindakan secara tegas dan berhemah.

## Pengeluaran Kompaun

Berdasarkan statistik penguatkuasaan Perbadanan Putrajaya, kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 merupakan jenis kesalahan yang mencatatkan bilangan kes paling banyak sepanjang tahun 2016. Kesalahan yang paling kerap dilakukan ialah kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959, antara kesalahan yang dilakukan ialah meletakkan kenderaan di siar kaki, meletakkan kenderaan yang menyebabkan halangan, meletakkan kenderaan di hentian bas dan meletakkan kenderaan di selekoh. Manakala kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 mencatatkan kesalahan paling rendah bagi tahun 2016. Antara kesalahan yang dilakukan ialah yang berkaitan dengan ubahsuaian bangunan.

Statistik di sebelah adalah jumlah kesalahan dibawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2016.

Berdasarkan statistik di sebelah, bilangan kompaun kesalahan lalu lintas mencatatkan 98% daripada jumlah kompaun keseluruhan bagi tahun 2016. Ini menunjukkan pengguna jalan raya di Putrajaya tidak mematuhi peraturan-peraturan jalan raya berkuatkuasa, terutamanya berkaitan kesalahan parkir di bahu jalan yang menyebabkan halangan kepada pengguna lain. Tindakan lebih tegas perlu dilaksanakan untuk mengurangkan masalah ini dan program-program pendidikan kesedaran jalan raya juga perlu digiatkan.

## Kempen Jom Bayar Kompaun

Perbadanan Putrajaya juga telah mengadakan beberapa Kempen Jom Bayar Kompaun. Kempen ini bertujuan memudahkan orang ramai untuk berurusan dengan Perbadanan berhubungan dengan pembayaran kompaun.

Jumlah dan nilai kompaun yang berjaya dikutip sepanjang Kempen Jom Bayar Kompaun adalah seperti carta sebelah :

| | JENIS KESALAHAN | |
|---|---|---|
| **AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976** | | |
| i. | Undang-undang kecil iklan (Wilayah Persekutuan) | 49 |
| ii. | Undang-undang kecil pelesenan establisymen makanan | 77 |
| iii. | Undang-undang kecil pelesenan penjaja dan gerai | 46 |
| iv. | Undang-undang kecil pelesenan premis dan tred | 41 |
| v. | Undang-undang kecil pengendalian makanan (Wilayah Persekutuan) | 8 |
| vi. | Undang-undang kecil taman (Wilayah Persekutuan) | 111 |
| vii. | Undang-undang kecil tred, perniagaan dan perindustrian | 1 |
| | JUMLAH | 333 |
| **AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)** | | |
| i. | Membina tembok di tempat awam (S 46 (1) (A) ) | 3 |
| ii. | Meletakkan barang/benda berhubung dengan trednya (S 46 (1) (D) ) | 43 |
| iii. | Meletakkan kereta buruk (atau bahagiannya) di tempat awan (S 46 (1) (E) ) | 10 |
| iv. | Menyebabkan/membenarkan kenderaan berhenti di siar kaki (S (1) (G) ) | 2 |
| v. | Mendirikan bangunan tanpa kebenaran bertulis dari Perbadanan (S 70) | 11 |
| vi. | Tidak memasang papan dinding/pagar secukupnya semasa kerja-kerja bangunan sedang dijalankan (S 82 (1) | 1 |
| vii. | Undang-undang kecil kerja tanah 1996 | 2 |
| | JUMLAH | 72 |
| **AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987** | | |
| i. | Kaedah-kaedah lalu lintas jalan 1959 | 23,821 |
| ii. | Perintah pengangkutan jalan (peruntukan tempat kereta) | 2,218 |
| iii. | Meletakkan kenderaan yang berhampiran dengan saliran di tepi jalan (S 110) | 1 |
| iv. | Halangan yang membolehkan tunda (S 48) | 227 |
| v. | Tidak mengalihkan kenderaan yang rosak (S 65 (2) | 10 |
| vi. | Melanggar/meletakkan kenderaan di atas jalan (S 75) | 85 |
| vii. | Gagal mematuhi petunjuk yang diberi (S 76) | 1 |
| viii. | Papan tanda/garisan kuning/OKU (S 79) | 9,859 |
| ix | Meletakkan kenderaan di bonggol jalan (S 80) | 1 |
| | JUMLAH | 36,223 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 36,628 |

*Jumlah kesalahan dibawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2016*

| ACARA | TEMPOH | JUMLAH KOMPAUN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 | 1 - 29.2.2016 | 1,606 | 45,180.00 |
| FLORIA Diraja Putrajaya 2016 | 28 - 30.5.2016 | 153 | 4,570.00 |
| Karnival Komuniti Putrajaya | 5 - 6.11.2016 | 87 | 2,590.00 |
| Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival 2016 | 1 - 11.12.2016 | 503 | 20,270.00 |
| Jumlah | | 2,349 | 72,610.00 |

*Jumlah Kompoun yang berjaya dikutip sepanjang Kempen Jom Bayar Kompoun*

# Penilaian dan PENGURUSAN ASET



# Penilaian dan PENGURUSAN ASET



## PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET

### PENILAIAN CUKAI TAKSIRAN

Pada setiap tahun, PPj menyedia dan mengemaskini Senarai Nilaian sedia ada dari semasa ke semasa dengan melaksanakan Pindaan Senarai Nilaian ke atas pengeluaran hakmilik baru oleh Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya, pengubahsuaian bangunan sedia ada, perubahan daripada tanah kosong kepada bangunan baharu, bangunan yang telah diruntuhkan dan apa-apa perubahan disebabkan oleh undang-undang berkaitan perancangan yang boleh mengakibatkan nilai pegangan turun atau naik.

Pada tahun 2016, sebanyak 9,127 pegangan harta telah dikenakan cukai taksiran. Jumlah nilai cukai taksiran adalah berjumlah RM29,784,895.00.

Pecahan pertambahan kes bagi Pindaan Senarai Nilaian mengikut kategori adalah seperti berikut:




*Carta Pi : Bilangan kes Pindaan Senarai Nilaian bagi tahun 2016*

Merujuk kepada carta pi di atas, sebanyak 761 kes Pindaan Senarai Nilaian telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2016. Ia melibatkan 713 bangunan kediaman dan 34 bangunan kedai/pejabat, 2 lot tanah tapak stesen minyak, 8 pegangan yang dipajak kepada Syarikat Gas Malaysia serta 4 pegangan yang telah memperolehi hak milik baru daripada Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya (PTGWPP). Dalam proses pindaan ini' sebanyak 52 pegangan telah dinyahaktifkan kerana perubahan status dari tanah kosong kepada bangunan. Jumlah peratusan bagi kategori kediaman adalah sebanyak 94%, kategori perniagaan sebanyak 4% dan kategori tanah kosong sebanyak 2%.

Dalam tahun yang sama, PPj juga telah menjalankan kerja-kerja Penilaian Semula bagi menyiapkan Senarai Nilaian baru dengan menggunakan khidmat penilai professional yang bertanggungjawab membangunkan sistem Computer Assisted Mass Appraisal (CAMA) dan Geographical Information System (GIS).

Semakan Senarai Nilaian baru telah dilaksanakan mulai 18 November hingga 17 Disember 2016. Pada tarikh yang sama, pewartaan mengenai Senarai Nilaian baharu telah dilaksana dan disiarkan ke dalam dua akhbar utama tempatan di dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk memaklumkan kepada semua pemilik terlibat mengenai semakan semula Senarai Nilaian yang telah dijalankan.

Senarai Nilaian baru ini melibatkan 9,571 pegangan yang terdiri daripada 6,219 bangunan kediaman, 1,193 bangunan komersial, 93 pegangan perindustrian, 26 pegangan harta khas dan 2,040 lot tanah kosong.

**BIL. HARTA MENGIKUT JENIS KATEGORI**




Pada tahun ini juga, PPj telah menerima 267 permohonan bantahan daripada pemilik Pangsapuri PRIMA Presint 11 dan 1 bantahan daripada Pangsapuri Saujana Aster. Semua kes telah didengar, walau bagaimanapun Mesyuarat Jawatankuasa Mendengar Bantahan memutuskan Nilai Tahunan ke atas pegangan ini dikekalkan kerana pihak pembantah gagal mengemukakan bukti penyewaan. Pembantah daripada Pangsapuri Saujana Aster tidak hadir untuk sesi bantahan dan susulan itu Nilai Tahunannya telah dikekalkan.

Sebanyak 13 permohonan remitan telah diterima oleh PPj. Walaubagaimanapun semua permohonan tersebut telah ditolak dan tiada bayaran remitan yang diluluskan. Pihak pengurusan berpandangan pemilik harta merupakan pelabur atau spekulator yang berkemampuan.

Jumlah nilai Cukai Taksiran bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM29,784,895.00 iaitu peningkatan kecil sebanyak 0.78% berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM29,551,641.00. Sepanjang 2016 perhatian lebih ditumpukan kepada proses Penilaian Semula yang akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2017.

## PENILAIAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

Senarai Nilaian SMK 2016 adalah berasaskan aras nilaian 2015 yang melibatkan 22,190 kes yang terdiri daripada 22,015 bangunan kediaman, 173 bangunan komersial dan dua harta khas. Tuntutan SMK bagi tahun 2016 akan dibayar oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi akaun tahun 2017.

PPj telah mengemukakan tiga tuntutan Borang C kepada tiga pihak berasingan iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melibatkan 22,190 kes berjumlah RM144,233,594.00, Suruhanjaya Tenaga sebanyak RM844,096.00 dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sebanyak RM3,294.00. Keseluruhan tuntutan berjumlah RM145,080,984.00 iaitu peningkatan 35.5%% dari tahun sebelumnya. Ini susulan daripada pelaksanaan Penilaian Semula yang akan dikuatkuasakan pada tahun 2017 (sila rujuk carta bar di atas untuk keterangan lanjut).

Sejak 2001 hingga 2016, bayaran SMK yang telah diterima daripada KPKT adalah sebanyak RM879,850,298 daripada jumlah tuntutan sebenar RM965,418,152.00. Baki yang masih belum diterima adalah sebanyak RM85,567,854.00 atau 8.86%.

Berikut adalah carta bar yang menunjukkan jumlah hasil cukai taksiran dan hasil Sumbangan Membantu Kadar bagi tahun 2014 hingga 2016.




*Hasil Pendapatan Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar*

## PENGURUSAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Sejak tahun 1999 hingga 2016, nilai cukai taksiran yang telah dibilkan adalah sebanyak RM346,878,532.08. Jumlah tunggakan terkumpul pula adalah sebanyak RM2,484,571.54 juta. Jumlah ini dijangka semakin meningkat dengan pertambahan penduduk di Putrajaya dan berkurangnya lot-lot yang telah dibangunkan pihak pemaju.

PPj telah menggunakan peruntukan di bawah seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi menuntut tunggakan melalui Notis Borang E (Notis Supaya Membayar Tunggakan Kadar) dan Borang E2 (notis peringatan kedua) telah dikeluarkan pada 17 Mac 2016 dan 7 April 2016 kepada semua pembayar cukai yang gagal menjelaskan cukai mengikut tempohnya pada penggal pertama. Bagi penggal kedua pula, Borang E dan Borang E2 dikeluarkan pada 22 September 2016 dan 11 Oktober 2016.



PPj telah mempergiatkan lagi usaha untuk mendapatkan tunggakan cukai taksiran melalui tindakan berikut:

| Aktiviti | Bilangan kes |
|---|---|
| Menghantar Notis Borang E kepada pembayar cukai yang ada tunggakan selepas 28 Feb/ 31 Ogos | 2,988 |
| Menghantar Notis Borang E2 kepada pembayar cukai yang tertunggak melebihi RM2,000.00 atau melebihi dua(2) penggal | 2,805 |
| Memberi penjelasan kepada pembayar cukai melalui panggilan telefon dan kunjungi ke premis yang terlibat | 50 |
| Menghantar kembali Notis tunggakan cukai yang gagal disampaikan melalui pos | 100 |
| Menampal Notis Amaran berwarna merah di pintu utama premis yang tersenarai | 414 |
| Menjalankan kerja-kerja penyitaan (sek 148 Akta 171) ke atas harta alih yang berada dalam kawasan premis terlibat | 0 |
| Kemukakan senarai nama pembayar cukai yang mempunyai tunggakan tinggi ke Jabatan Undang-Undang untuk tuntutan sivil di bawah peruntukan Seksyen 156 Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan 1976). | 10 |

### Pencapaian Peratus Kutipan Hasil Cukai Taksiran

Merujuk kepada carta bar di bawah menunjukkan tindakan yang telah dilaksana oleh PPj berjaya mengutip 94.98% hasil cukai taksiran bagi tahun ini.

### Kutipan Hasil Semasa Cukai Taksiran 2016




*Jumlah Peratus Kutipan Hasil Semasa Cukai Taksiran dari tahun 2014 hingga 2016*

| Tahun | Penggal 1 | Penggal 2 |
|---|---|---|
| 2014 | 1,185,096.67 | 650,945.11 |
| 2015 | 1,843,451.31 | 1,096,826.49 |
| 2016 | 2,165,101.19 | 2,484,572.00 |

*Trend Tunggakan Cukai Taksiran 2014 hingga 2016*




*Tunggakan Cukai Taksiran*

Daripada carta di atas, menunjukkan jumlah tunggakan semakin meningkat setiap tahun dan perlu ditangani dengan lebih baik di masa akan datang bagi memastikan perkhidmatan yang diberi kepada komuniti dan penduduk dapat disalurkan dengan menyeluruh.

## PENGURUSAN & PERAKAUNAN ASET

Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti dan pencapaian yang berkaitan dengan Pengurusan dan Perakaunan Aset sepanjang tahun 2016.

| BIL | AKTIVITI | OUTPUT |
|---|---|---|
| 1 | Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan dan Pengurusan Aset PPj | 4 Kali |
| 2 | Menguruskan Kes-Kes Pelupusan Aset Alih PPj | 9 Sijil Pelupusan Aset<br>680 unit aset dilupuskan secara Sebut Harga B, jualan kepada kakitangan dan jualan sisa. |
| 3 | Menguruskan Kes-Kes Kehilangan Aset Alih PPj | 1 Sijil Hapus Kira |
| 4 | Menguruskan Pemeriksaan Aset Alih PPj | Sekali Setahun |
| 5 | Menguruskan Permohonan Perolehan Aset Alih PPj | 25 Permohonan |
| 6 | Memperakaunkan Aset daripada Kerja Dalam Kemajuan (Aset Dalam Binaan) | 6 Projek Pembangunan RM12,836,914 |
| 7 | Memperakaunkan aset yang diperolehi daripada Bajet Kumpulan Wang Mengurus bagi perolehan melalui Belian Terus, Inden Kerja, Interim Pembayaran dan 'Petty Cash' | 70 unit Harta Modal<br>928 unit Inventori |
| 8 | Menguruskan perlindungan takaful Perbadanan Putrajaya<br>- Perlindungan Takaful Kebakaran<br>- Perlindungan Takaful Kemalangan Diri<br>- Perlindungan Takaful Hayat Berkelompok | Takaful Ikhlas Berhad (21 Jan 2016 – 20 Jan 2018) |

## HARTANAH, LOJI & PERALATAN MILIK PERBADANAN PUTRAJAYA

Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, nilai hartanah, loji & peralatan milikan PPj adalah sebanyak RM3,412.3 juta. Amaun ini adalah setelah mengambilkira susut nilai terkumpul yang berjumlah RM1,116.4 juta. Hartanah, Loji & Peralatan adalah merangkumi tanah, bangunan, infrastruktur, taman-taman, tasik & wetland, loji dan jentera, peralatan, perabot dan kelengkapan, kenderaan, buku dan komputer.  PPj turut mempermodalkan aset kuda yang dikategorikan di dalam kelas aset hidupan.




## SEKSYEN PESURUHJAYA BANGUNAN

Seksyen Pesuruhjaya Bangunan (COB) PPj telah ditubuhkan pada tahun 2007 selepas Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) diwujudkan. Pada Jun 2015 Akta 757 (Akta Pengurusan Strata 2013) telah dikuatkuasakan bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Akta 663 dibatalkan.

Seksyen ini bertanggungjawab memantau semua hal ehwal berkaitan dengan pengurusan dan penyelenggaraan harta bersama dan memastikan semua pihak sama ada pemaju, pihak pengurusan serta pembeli/pemilik petak menjalankan tanggungjawab masing-masing mengikut kuasa di bawah Akta 757 dan Akta A1450 Akta Hakmilik Strata Pindaan 2013.

Sehingga tahun 2017 terdapat sebanyak 10 kawasan pemajuan yang telah menubuhkan JMB/MC masing-masing iaitu :-

### Kediaman

i) Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Putra Harmoni
ii) Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Putra Damai
iii) Badan Pengurusan Bersama Kondominium Saujana Aster
iv) Badan Pengurusan Bersama PR1MA@11
v) Badan Pengurusan Bersama Alam Desa
vi) Badan Pengurusan Bersama Dwiputra Residences

### Komersial

i) Perbadanan Pengurusan Neighbourhood Commercial Centre 1
ii) Badan Pengurusan Bersama Ayer@8
iii) Badan Pengurusan Bersama Northern Neighbourhood Commercial Centre
iv) Badan Pengurusan Bersama Green Park

Terdapat 2 kawasan pembangunan berstrata yang tidak ditubuhkan JMB/MC kerana tidak memenuhi syarat Akta 757.

Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti dan pencapaian Pesuruhjaya Bangunan sepanjang tahun 2016.

| BIL | AKTIVITI | PENCAPAIAN |
|---|---|---|
| 1 | Mewujudkan dan mengemaskini inventori semua kawasan pemajuan berstrata (Pangkalan Data) | 10 kawasan pemajuan telah dikemaskini. |
| 2 | Memantau penubuhan JMB / MC di semua kawasan pemajuan berstrata | Satu kawasan pemajuan iaitu Dwi Putra Residences di Presint 15 (880 unit) |
| 3 | Memberi khidmat nasihat kepada pemaju / JMB / MC berkaitan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama | Sila rujuk Jadual A |
| 4 | Mengawalselia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama | Melibatkan semua kawasan pemajuan di Putrajaya |
| 5 | Memastikan mesyuarat AGM pertama dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan | 2 kawasan pemajuan telah mengadakan mesyuarat AGM pertama dan mematuhi Akta 757. |
| 6 | Menyelaras, mengendali dan mengambil tindakan penyelesaian pertikaian diantara pengadu dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk menjadi mediator | Sila rujuk Jadual A |
| 7 | Memantau akaun pengurusan bangunan berstrata | Sila rujuk Jadual A |
| 8 | Mengambil tindakan penguatkuasaan | - |
| 9 | Membuat pelantikan dan mengawal selia ejen pengurusan yang dilantik oleh COB | Belum ada keperluan melantik ejen pengurusan |
| 10 | Penguatkuasaan : Menerima Borang 11 daripada JMB/MC dan mengeluarkan surat arahan pembayaran bil caj penyenggaraan dan "sinking fund" yang tertunggak kepada pemilik petak. | • PR1MA, P11 = 74 kes<br>• Ayer@8, P8 = 26 kes<br>• Kondominium Saujana Aster, P11 = 23 kes |

*Jadual A*

| Kawasan Pemajuan | Kesihatan | Kewangan | Penyenggaraan | Lain-Lain Hal |
|---|---|---|---|---|
| Putra Harmoni, Presint 9 | Peningkatan wabak denggi | | Lif sedang dibaiki (TP1M) KPKT. | Permohonan 10 Kiosk tambahan. |
| | | | | Warga Asing yang semakin ramai menghuni. |
| NCC1, Presint 9 | | Kutipan caj MF & SF rendah (51%) | | |
| NNCC, Presint 8 | | | | Pemecahan sempadan lot hakmilik bagi blok C. |
| Ayer@8, Presint 8 | Isu kebersihan di ruang tempat letak kenderaan. | 23 notis Borang 11 telah dikeluarkan | | |
| Pangsapuri Putra Damai, P11 | Peningkatan wabak denggi | | Aduan Bumbung Bocor. Masih dalam siasatan COB. | |
| Kondominium Saujana Aster, Presint 11 | | Caj penyenggaraan berbeza mengikut blok. | Lif sering kali dipanah petir. | Akaun teraudit masih belum disediakan oleh JMB. |

| Kawasan Pemajuan | Kesihatan | Kewangan | Penyenggaraan | Lain-Lain Hal |
|---|---|---|---|---|
| NCC1, Presint 9 | | | Isu Persempadanan<br><br>Tentang penyelenggaraan kawasan. Telah diputuskan bahawa sempadan penyelenggaraan adalah tembok. | Iklan/Bunting sedia ada di lokasi telah ditanggalkan berikutan tidak mendapat lesen pemasangan iklan/bunting daripada PPj. |
| Pangsapuri Alam Desa@Park Village, Presint 15 | Peningkatan wabak denggi | Kadar kutipan MF dan SF yang rendah.<br><br>Kewangan tidak mencukupi untuk penyelenggaraan kerana syer unit yang terbesar iaitu Second Homes Properties tidak membayar MF.<br><br>Lain-lain pemilik masih mempunyai tunggakan dan semakin meningkat. | Penyelenggaraan tidak diurus dengan baik.<br><br>Kolam masih ditutup disebabkan ada kerosakan.<br><br>Lampu di Blok A ditutup kerana tidak diduduki. | |
| Dwiputra Residences, Presint 15 | | | Aduan "defect". Satu sesi perbincangan telah diadakan bersama J(R) bagi menyelaras aduan.<br><br>-J® telah menjelaskan kepada pemilik petak yang membuat aduan tersebut dalam satu sesi mesyuarat. | Boom Gate telah ditanggalkan bagi mendapatkan CCC.<br><br>Boom Gate tersebut telah dipasang pada tempat parkir kenderaan. |
| PP1AM | | | | Pengecualian 3 seksyen iaitu Seksyen 17, 18 & 57 Akta 757. (MNKT) masih di dalam semakan Jabatan Peguam Negara. |
| PR1MA, Presint 11 | | Tunggakan terkumpul =RM451,000.00 | | Pengecualian 4 seksyen iaitu Seksyen 17, 18, 57 & 92 Akta 757. (MNKT). Masih di dalam semakan Jabatan Peguan Negara. |

## Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M)

Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) adalah projek di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi perumahan berstrata kos rendah/sederhana rendah swasta.

Harga rumah adalah berdasarkan harga belian asal daripada pemaju:
i) rumah kos rendah swasta : RM42,000.00 ke bawah
ii) rumah kos sederhana rendah swasta : RM42,001.00 sehingga RM80,000.00.

Dua kawasan pemajuan di Putrajaya termasuk dalam kategori (ii) iaitu Pangsapuri Putra Harmoni di Presint 9 dan Pangsapuri Putra Damai di Presint 11 dengan harga belian asal daripada pemaju RM49,000.00.
Jenis Aduan Sepanjang Tahun 2016

| Bil. | JENIS ADUAN | 2016 Terima | 2016 Selesai |
|---|---|---|---|
| 1 | **Mesyuarat dan Pemilihan** (Semua aduan berkaitan mesyuarat yang melibatkan Badan termasuk berkaitan proses penubuhan Badan) | - | - |
| 2 | **Pentadbiran dan Pengurusan** (Semua aduan berkaitan pentadbiran dan pengurusan Pemaju/Badan/Ejen termasuk tanggungjawab, kerjasama, pertikaian) | 2 | 2 |
| 3 | **Penyenggaraan dan Kerosakan** (Semua aduan berkaitan penyenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama) | 5 | 5 |
| 4 | **Isu Kewangan** (Semua aduan berkaitan kewangan termasuk caj penyenggaraan, akaun penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelas) | 4 | 4 |
| 5 | **Khidmat Nasihat** (Semua khidmat nasihat dan pandangan yang diberi kepada pengadu) | 3 | 3 |
| 6 | **Penguatkuasaan COB** (Semua aduan berkaitan penguatkuasaan COB dan Akta 757) | - | - |
| 7 | **Lain-Lain** (Sila nyatakan jenis aduan yang diterima) | - | - |
| | **JUMLAH** | 14 | 14 |



# Prestasi
# ANAK SYARIKAT



# Prestasi ANAK SYARIKAT



Pada tahun 2016, anak-anak syarikat milik Perbadanan Putrajaya ("PPj") yang terdiri daripada Pj Hotels & Resorts Sdn Bhd ("PJHR"); Putrajaya International Convention Centre Sdn Bhd ("PICC"); Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn Bhd ("PAPTT"); Marina Putrajaya Sdn Bhd ("MPSB"); dan Putrajaya Floria Sdn Bhd ("PFSB") telah melalui satu transformasi yang melibatkan penyusunan semula struktur korporat dan penyelarasan perniagaan.

Berkuatkuasa dari 1 Januari 2016, empat anak syarikat iaitu PICC, PAPTT, MPSB dan PFSB telah diletakkan di bawah PJHR dan menjadikan syarikat PJHR sebagai syarikat induk yang berfungsi menyelaras dan mengawal selia perniagaan keempat-empat anak syarikat.

Disamping itu, beberapa perubahan dan penyelarasan telah dilaksanakan seperti berikut sepanjang tahun 2016:-

- Perubahan nama syarikat Pj Hotels & Resorts Sdn Bhd kepada Putrajaya Leisures & Services Group Sdn Bhd ("PULSE Group") berkuatkuasa pada 1 Jun 2016;
- Perubahan nama syarikat Putrajaya International Convention Centre Sdn Bhd kepada Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn Bhd ("Co-X") berkuatkuasa pada 10 Mei 2016; dan
- Novasi pengurusan perniagaan hotel Putrajaya Shangri-La dari syarikat PULSE Group kepada syarikat Co-X berkuatkuasa pada 31 Disember 2016.



Perubahan struktur korporat Anak Syarikat PPj adalah seperti dibawah: -







* Nota: Baki 20% kepentingan ekuiti dipegang secara langsung oleh PPj

Selari dengan penyusunan semula struktur korporat tersebut, perniagaan teras anak-anak syarikat diselaras semula seperti berikut: -

| Perniagaan Teras | |
|---|---|
| **Co-X** | •Hospitaliti, destinasi MICE dan Pengurusan Hotel |
| **PAPTT** | •Pengangkutan dan pelancongan |
| **MPSB** | •Pengurusan kompleks rekreasi air dan tasik |
| **PFSB** | •Pengurusan acara dan taman |

## PUTRAJAYA LEISURES & SERVICES GROUP SDN BHD (PULSE GROUP) (sebelum ini dikenali sebagai Pj Hotels & Services Sdn Bhd)

Perniagaan PULSE Group adalah tertumpu kepada dua (2) perniagaan iaitu pengurusan hotel Putrajaya Shangri-La dan pengurusan Taman Ekuestrian Putrajaya (bermula pada 1 Ogos 2016).

Putrajaya Shangri-La merupakan hotel penginapan premium bertaraf lima bintang yang menawarkan sewaan bilik tetamu dan suite berjumlah 118 unit. Putrajaya Shangri-La turut menjalankan perkhidmatan makanan dan minuman melalui khidmat banquet dan restoran.

Sepanjang tahun 2016, Putrajaya Shangri-La telah menyambut kunjungan dari beberapa Ketua-ketua Negara dan delegasi luar di antaranya adalah Wakil Khas Presiden China Republik, Perdana Menteri Singapura, Timbalan Perdana Menteri Singapura, Presiden Ukrain, Ketua Tentera Pakistan serta Presiden Iran. Selain itu, Putrajaya Shangri-La telah turut menerima sejumlah 38,215 tetamu dari dalam dan luar negara untuk menginap di hotel Putrajaya Shangri-La manakala sejumlah 142,510 tetamu telah berkunjung dan menjamu selera di ruangan restoran Putrajaya Shangri-La.

Taman Ekuestrian Putrajaya yang terletak di Presint 5 Putrajaya merupakan taman awam yang menyediakan fasiliti ekuestrian yang lengkap dan bertaraf antarabangsa. Perkhidmatan yang disediakan di Taman Ekuestrian Putrajaya adalah seperti perkhidmatan sewaan kandang kuda sebanyak 99 unit, kelas menunggang kuda, aktiviti rekreasi berkaitan kuda seperti 'joyride' dan 'stable tour', perkhidmatan makanan dan minuman, sewaan bilik mesyuarat serta ruangan bagi majlis keraian dan sewaan padang untuk aktiviti polo dan bola sepak.



Pada bulan Oktober 2016, Taman Ekuestrian Putrajaya telah menjadi tuan rumah bagi acara 'Malaysia Open Polo Tournament'. Pertandingan yang melibatkan tujuh pasukan polo telah berjaya menarik perhatian media, pelancong tempatan dan luar negara serta orang awam, khasnya penduduk sekitar Putrajaya.

Selain daripada itu, pada 4 November 2016 telah diadakan Majlis Tamat Latihan Pertauliahan Anggota Baharu Berkuda, Bahagian Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya di Taman Ekuestrian Putrajaya yang menyaksikan seramai lima anggota baru telah diberi sijil pertauliahan tamat latihan.



## PENGANGKUTAN AWAM PUTRAJAYA TRAVEL & TOURS SDN BHD (PAPTT)

Perkhidmatan PAPTT melibatkan empat (4) segmen perniagaan iaitu perkhidmatan bas di bawah jenama Nadiputra, pengurusan tempat letak kereta dan 'Park & Ride', pengiklanan dan perkhidmatan pengendalian pelancongan dan pengembaraan ('travel & tours').

PAPTT telah mencatatkan beberapa rekod penting yang akan mengukuhkan kedudukan perniagaan PAPTT bagi tahun-tahun akan datang, di antaranya adalah:-

- Menerima lapan (8) laluan baru bagi laluan bas di luar Putrajaya daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bermula Januari 2016;
- Berdaftar sebagai pemegang Lesen Pengendalian Pelancongan & Agensi Pengembaraan di bawah kod bidang 'Inbound' dan 'Ticketing' daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pada 10 Mei 2016 sekaligus membolehkan syarikat menjalankan perkhidmatan sebagai agensi pelancongan;
- Menerima 3 bas elektrik secara berperingkat bermula dari 2 Disember 2016, lanjutan daripada Perjanjian Persefahaman yang ditandatangani pada 22 Disember 2015 bersama syarikat konsortium Jepun; dan
- Mencatatkan peningkatan bilangan penumbang bas Nadiputra sebanyak 3% kepada 5.76 juta penumpang pada tahun 2016 berbanding tahun 2015.







## MARINA PUTRAJAYA SDN BHD (MPSB)

MPSB menguruskan beberapa kompleks rekreasi air dan tasik seperti Cruise Tasik Putrajaya ("CTP"); Marina Putrajaya ("MP") dan Kompleks Sukan Air Putrajaya, Presint 6 ("KOSA") yang telah di ambil alih bermula pada bulan Februari 2016 dan juga Pusat Rekreasi Air Putrajaya, Presint 13 ("PRAP").

Beberapa acara telah diadakan di kompleks rekreasi air dan tasik di antaranya adalah WHO Day Out 2016, Gibraltar BSN Dragon Boat Race, Mega Wedding Malaysia, Pertandingan Memancing Jabatan Kastam, Sambutan Hari Alam Sekitar, Putrajaya Perdana Aquathlon, Saya Anak Malaysia Piknik Bersama Chichi Chacha, Run for Unity, The Running Diva Malaysia, Sunset Triathlon, 2XU Run, TM Convergence, KLSCAH Dragon Boar Race, Sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan dan UTM Varsity Boat Race.

Seramai 368,500 pengunjung dari dalam dan luar negara telah telah berkunjung dan beriadah di kompleks rekreasi mengikut pecahan bilangan pengunjung seperti di bawah:




## CONVENTION & EXHIBITION (PUTRAJAYA) SDN BHD (Co-X)

Perniagaan utama Co-X pada tahun 2016 adalah tertumpu kepada pengurusan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya ("PICC") yang menawarkan sewaan dewan yang juga merupakan tunjang utama pendapatan syarikat. Pendapatan sekunder pula adalah melalui hasil jualan di restoran/café yang menyediakan perkhidmatan makanan (F&B) dari sarapan pagi, makan tengah hari dan juga makan malam yang berkonsepkan 'steamboat'. Selain daripada itu, perkhidmatan F&B juga turut menawarkan pekhidmatan katering luar samada untuk mesyuarat kecil, majlis perkahwinan, atau acara pelancaran program atau produk yang berskala besar.

Secara keseluruhannya, sebanyak 603 acara/program telah diadakan di PICC dengan jumlah pengunjung sebanyak 219,467 bagi tahun 2016.

PICC menjadi lokasi utama untuk beberapa acara bertaraf antarabangsa seperti "33rd FAO Session of the Regional Conference for Asia and The Pacific 2016" yang pertama kali diadakan di Malaysia pada 7 hingga 11 Mac 2016. Selain itu, PICC turut menjadi lokasi "2016 Commonwealth Association for Public Administration & Management (CAPAM) 2016" yang telah diadakan pada 18 hingga 20 Ogos 2016. PICC juga menjadi venue bagi acara "Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF) 2016" pada 1 hingga 11 Disember 2016. Pameran PIIACUF kali ini mempamerkan replika jubah Nabi Adam setinggi 29 meter yang menjadi tarikan utama acara tersebut.





Co-X juga telah mewujudkan produk-produk pelancongan bersama dengan MPSB dan PAPTT. Produk-produk tersebut merupakan produk kerjasama dengan memberikan pakej pelancongan sebagai pilihan kepada pelancong dan juga agen-agen pelancongan untuk mengembara dan mengenali Bandar Putrajaya dengan lebih dekat lagi. Pakej tersebut adalah "Putrajaya Sightseeing" dan "Cruise Tasik & Lunch @ PICC".

**PUTRAJAYA FLORIA SDN BHD (PFSB)**

Selari dengan kepakaran PFSB dalam pengurusan acara dan perkhidmatan landskap, PFSB telah diberi kepercayaan untuk menguruskan Taman Warisan Pertanian Putrajaya bermula dari 1 Januari 2016, selain menguruskan tapak acara Anjung Floria Event Centre ("AFEC") Presint 4. Di bawah pengurusan PFSB, Taman Warisan Pertanian Putrajaya telah merekodkan 18,613 jumlah pelawat pada tahun 2016.



Selain itu, PFSB telah menguruskan acara berikut:

- **Festival Floria Diraja Putrajaya 2016 Edisi ke-9**

  Festival yang dianjurkan oleh PPj dengan sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan ("KWP"), Kementerian Pelancongan & Kebudayaan dan Tourism Malaysia ("MOTAC") telah disempurnakan perasmiannya oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajjah Haminah pada 26 Mei 2016 dengan bertemakan 'Keajaiban Dunia FLORIA'. Festival ini mencatatkan bilangan pengunjung seramai 826,811 orang sepanjang 9 hari penganjurannya iaitu mulai 27 Mei hingga 4 Jun 2016 bertempat di AFEC. Festival ini telah menawarkan lebih daripada 300 aktiviti dan program serta acara antarabangsa yang disertai oleh peserta dari luar dan dalam negara dengan penggunaan bunga kekwa sebagai bunga tema. Penganjuran kali ini turut dimeriahkan dengan pertunjukan bot berhias 'Magic of The Night' di kawasan persisiran tasik AFEC.

  PFSB turut mencipta rekod di dalam Malaysia Book of Records dengan membina pulut kuning tertinggi dengan ketinggian 7.39 meter semasa penganjuran Festival Floria Diraja Putrajaya 2016.

- **Royal Floria International Dialogue 2016**

  Royal FLORIA International Dialogue telah diadakan pada 27 dan 28 Mei 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dengan kerjasama Institut Arkitek Landskap Malaysia dengan tujuan untuk perkongsian ilmu, pengalaman dan jaringan perniagaan di samping merapatkan hubungan di antara penggiat bagi industri landskap, florikultur dan hortikultur dengan persatuan serta peserta yang hadir. Sesi dialog ini telah dibarisi oleh panel dari luar dan dalam negara yang mempunyai pengalaman daripada pelbagai cabang seni reka landskap dan taman.

  PFSB juga telah menyertai pameran taman di Melbourne International Flower & Garden Show (MIFGS) bagi mewakili Malaysia pada 16 hingga 20 Mac 2016 dan telah dianugerahkan Special Award 2016 – Creative Excellence bagi rekabentuk taman pameran yang telah diilhamkan dari permainan tradisional melayu iaitu Gasing.





# Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
# MENGENAI PENYATA KEWANGAN
# PERBADANAN PUTRAJAYA
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 29.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Anggota Perbadanan Putrajaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536). Anggota Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan, Anggota Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Perbadanan.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Putrajaya atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Perbadanan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536), saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Perbadanan Putrajaya dan subsidiarinya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536).

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Perbadanan Putrajaya telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Perbadanan terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini dibuat untuk Anggota Perbadanan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(KHALID KHAN BIN ABDULLAH KHAN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 OGOS 2017

# PENGESAHAN OLEH ANGGOTA PERBADANAN

Kami, Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail, dan Dato' Mustafha bin Haji Abd. Razak, yang merupakan pengerusi dan salah seorang daripada Anggota Perbadanan Putrajaya, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Perbadanan Putrajaya pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Perbadanan,

DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL
Pengerusi

DATO' MUSTAFHA BIN HAJI ABD. RAZAK
Anggota Perbadanan

Tarikh : 15 JUN 2017

Putrajaya

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN PUTRAJAYA

Saya, Nik Shukri bin Nik Soh, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Perbadanan Putrajaya dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama diatas, Nik Shukri bin Nik Soh
di KUALA LUMPUR
pada 25 APR 2017

.........................................
(NIK SHUKRI BIN NIK SOH)

Di hadapan saya,

.........................................
PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W 718
NORLIZAM MD AMIN
MALAYSIA

No. 23-1, Jalan Tasik Selatan 8,
Bandar Tasik Selatan,
57000 Kuala Lumpur.

# PERBADANAN PUTRAJAYA
# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

| | Nota | KUMPULAN 2016 RM | KUMPULAN 2015 DINYATAKAN SEMULA RM | PERBADANAN PUTRAJAYA 2016 RM | PERBADANAN PUTRAJAYA 2015 DINYATAKAN SEMULA RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN** | 3 | 3,426,577,154 | 3,486,215,643 | 3,412,334,804 | 3,481,413,987 |
| **CUKAI TERTUNDA** | 4 | 149,437 | 410,887 | - | - |
| **PELABURAN DI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI** | 5 | - | - | 1,779,999 | 8,800,000 |
| **MUHIBAH** | | 9,864,116 | - | - | - |
| **PENGHUTANG JANGKA PANJANG** | | | | | |
| Pinjaman Kenderaan | 6 | 1,138,729 | 1,284,539 | 1,138,729 | 1,284,539 |
| Pinjaman Komputer | 7 | 234,757 | 170,053 | 234,757 | 170,053 |
| Penghutang Jangka Panjang | 8 | 11,303,766 | - | 11,303,766 | - |
| | | 12,677,252 | 1,454,592 | 12,677,252 | 1,454,592 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Pinjaman Kenderaan | 6 | 418,033 | 352,419 | 418,033 | 352,419 |
| Pinjaman Komputer | 7 | 165,086 | 162,037 | 165,086 | 162,037 |
| Pelbagai Penghutang | 8 | 126,158,974 | 80,272,492 | 127,432,116 | 62,379,772 |
| Stok | 9 | 3,328,938 | 3,415,743 | 764,212 | 806,759 |
| Bayaran Terdahulu Dan Deposit | 10 | 2,684,790 | 15,061,287 | 321,174 | 14,922,014 |
| Simpanan Tetap | 11 | 298,765,799 | 492,274,009 | 297,000,000 | 492,000,000 |
| Baki Bank Dan Tunai Di Tangan | 12 | 28,074,177 | 28,962,262 | 15,390,247 | 9,172,501 |
| | | 459,595,797 | 620,500,249 | 441,490,868 | 579,795,502 |
| **JUMLAH ASET** | | **3,908,863,756** | **4,108,581,371** | **3,868,282,923** | **4,071,464,081** |
| **EKUITI** | | | | | |
| TABUNG PENDIDIKAN PERBADANAN PUTRAJAYA | 22 | 2,168,313 | 2,212,803 | 2,168,313 | 2,212,803 |
| KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN | 23 | 4,000,000 | 4,000,000 | 4,000,000 | 4,000,000 |
| KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER | 24 | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,000,000 |
| KEPENTINGAN BUKAN KAWALAN | | - | 2 | - | - |
| LEBIHAN TERKUMPUL | 25 | 165,483,155 | 231,538,515 | 176,328,825 | 243,522,604 |
| **JUMLAH EKUITI** | | 172,651,468 | 238,751,320 | 183,497,138 | 250,735,407 |
| **LIABILITI JANGKA PANJANG** | | | | | |
| Sewa Beli | 17 | 192,678 | 13,433 | - | - |
| Manfaat Pekerja | 18 | 1,526,224 | - | 1,526,224 | - |
| Geran Tertunda | 19 | 3,326,669,406 | 3,407,200,459 | 3,326,669,406 | 3,407,200,459 |
| Geran Khas | 20 | 35,477,972 | 98,058,986 | 35,477,972 | 98,058,986 |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 21 | 161,457,627 | 143,934,948 | 161,457,627 | 143,934,948 |
| Cukai Tertunda | 4 | 34,317 | 62,274 | - | - |
| | | 3,525,358,224 | 3,649,270,100 | 3,525,131,229 | 3,649,194,393 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Pelbagai Pemiutang | 13 | 175,986,841 | 189,327,014 | 127,804,888 | 140,684,016 |
| Cagaran Diterima | 14 | 13,610,286 | 15,234,077 | 13,610,286 | 15,234,077 |
| Terimaan Terdahulu | 15 | 16,501,584 | 12,061,439 | 13,683,848 | 12,061,439 |
| Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain | 16 | 4,103,568 | 3,554,749 | 4,103,568 | 3,554,749 |
| Cukai | | 139,753 | 301,958 | - | - |
| Sewa Beli | 17 | 60,066 | 80,714 | - | - |
| Manfaat Pekerja | 18 | 451,966 | - | 451,966 | - |
| | | 210,854,064 | 220,559,951 | 159,654,556 | 171,534,281 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | 3,736,212,288 | 3,869,830,051 | 3,684,785,785 | 3,820,728,674 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | 3,908,863,756 | 4,108,581,371 | 3,868,282,923 | 4,071,464,081 |

Nota-Nota Di Muka 153 Hingga 172 Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | Nota | KUMPULAN 2016 RM | KUMPULAN 2015 RM | PERBADANAN PUTRAJAYA 2016 RM | PERBADANAN PUTRAJAYA 2015 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| PENDAPATAN | | | | | |
| Hasil Dari Operasi Anak Syarikat | 26 | 112,632,016 | 120,433,843 | - | - |
| Geran Hasil | 27 | 62,115,170 | 77,003,576 | 62,115,170 | 77,003,576 |
| Cukai Taksiran | 28 | 29,784,043 | 27,759,296 | 29,784,043 | 27,759,296 |
| Sumbangan Bantu Kadar | 29 | 107,070,640 | 104,278,164 | 107,070,640 | 104,278,164 |
| Terimaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya | 30 | 222,883,648 | 127,796,958 | 222,883,648 | 127,796,958 |
| Geran Khas Projek Kecil Kementerian Wilayah Persekutuan | 31 | 5,871,904 | 6,588,459 | 5,871,904 | 6,588,459 |
| Keuntungan Simpanan Tetap/Semasa | 32 | 16,666,150 | 19,948,321 | 16,666,150 | 19,948,321 |
| Keuntungan Pinjaman Kenderaan/Komputer | 33 | 76,657 | 72,172 | 76,657 | 72,172 |
| Lesen Dan Permit | 34 | 2,471,175 | 2,896,298 | 2,471,175 | 2,896,298 |
| Fi Rancang Dan Proses | 35 | 4,247,674 | 1,065,727 | 4,247,674 | 1,065,727 |
| Sewaan | 36 | 15,954,086 | 14,983,322 | 15,954,086 | 14,983,322 |
| Jualan | 37 | 1,987,517 | 592,236 | 1,987,517 | 592,236 |
| Pendapatan Perkhidmatan | 38 | 595,549 | 591,486 | 595,549 | 591,486 |
| Kompaun Dan Denda | 39 | 1,467,720 | 1,426,726 | 1,467,720 | 1,426,726 |
| Sumbangan Aktiviti | 40 | 4,353,165 | 3,785,469 | 4,353,165 | 3,785,469 |
| Lain-Lain Pendapatan | | 443,141 | 1,785,348 | 443,141 | 1,785,348 |
| Lebihan Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan | | 27,233 | 66,156,214 | 27,233 | 66,156,214 |
| JUMLAH PENDAPATAN | | 588,647,488 | 577,163,615 | 476,015,472 | 456,729,772 |
| PERBELANJAAN | | | | | |
| Belanja Operasi Anak Syarikat | | 128,912,159 | 133,175,234 | - | - |
| Emolumen Pegawai Dan Pekhidmat | | 58,974,405 | 53,699,588 | 58,974,405 | 53,699,588 |
| Elaun Tetap Anggota | | 176,839 | 112,039 | 176,839 | 112,039 |
| Tuntutan Perjalanan Dan Sara Hidup | | 1,275,827 | 1,409,273 | 1,275,827 | 1,409,273 |
| Pengangkutan | | 5,150 | 15,905 | 5,150 | 15,905 |
| Perhubungan Dan Utiliti | | 13,024,113 | 14,028,882 | 13,024,113 | 14,028,882 |
| Sewaan Peralatan | | 551,429 | 442,216 | 551,429 | 442,216 |
| Alatulis Dan Bekalan Pejabat | | 2,768,937 | 2,566,665 | 2,768,937 | 2,566,665 |
| Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil | | 15,722,522 | 26,496,235 | 15,722,522 | 26,496,235 |
| Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya | 41 | 322,499,954 | 310,861,457 | 341,759,258 | 322,761,457 |
| Promosi Dan Iklan | | 266,736 | 275,879 | 266,736 | 275,879 |
| Perkhidmatan Ikhtisas Dan Hospitaliti | | 31,450,412 | 30,309,266 | 31,450,412 | 30,309,266 |
| Cukai Dan Insuran | | 3,506,786 | 3,432,723 | 3,506,786 | 3,432,723 |
| Susutnilai/Pelunasan | 3 | 67,416,729 | 82,292,616 | 67,416,729 | 82,292,616 |
| Aset Tidak Dimodalkan | 42 | 2,874,594 | 1,255,627 | 2,874,594 | 1,255,627 |
| Pembangunan Sumber Manusia | | 1,864,944 | 2,300,750 | 1,864,944 | 2,300,750 |
| Perbelanjaan Bukan Modal Dari Kerja Dalam Kemajuan | | 23,000 | 14,321 | 23,000 | 14,321 |
| Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan | | 76,405 | 34,079 | 76,405 | 34,079 |
| Lain-Lain Bayaran | | 1,515,655 | 883,140 | 1,515,655 | 883,140 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | | 652,906,596 | 663,605,895 | 543,253,741 | 542,330,661 |
| KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI | | (64,259,108) | (86,442,280) | (67,238,269) | (85,600,889) |
| CUKAI | 43 | 630,202 | 954,635 | - | - |
| ZAKAT | | 72,372 | - | - | - |
| KURANGAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI | | (64,961,682) | (87,396,915) | (67,238,269) | (85,600,889) |

Nota-Nota Di Muka 153 Hingga 172 Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | Kepentingan Bukan Kawalan | Lebihan Terkumpul | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| KUMPULAN | | | | | | |
| 2016 | | | | | | |
| Baki Pada 1 Januari 2016 | 2,212,803 | 4,000,000 | 1,000,000 | 2 | 231,538,515 | 238,751,320 |
| Lebihan /(Kurangan) Pendapatan bagi tahun | - | - | - | - | (64,961,682) | (64,961,682) |
| Lebihan/(Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 22) | (44,490) | - | - | - | - | (44,490) |
| Lebihan/(Kurangan) Modal Saham | - | - | - | (2) | - | (2) |
| Pelarasan pada Lebihan/(Kurangan) Terkumpul (Nota 25) | - | - | - | - | (1,093,678) | (1,093,678) |
| Baki Pada 31 Disember 2016 | 2,168,313 | 4,000,000 | 1,000,000 | - | 165,483,155 | 172,651,468 |
| 2015 | | | | | | |
| Baki Pada 1 Januari 2015 - Dinyatakan Semula | 2,222,436 | 4,000,000 | 1,000,000 | 4 | 319,437,678 | 326,660,118 |
| Lebihan /(Kurangan) Pendapatan bagi tahun | - | - | - | - | (87,396,915) | (87,396,915) |
| Lebihan/(Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 22) | (9,633) | - | - | - | - | (9,633) |
| Lebihan/(Kurangan) Modal Saham | - | - | - | (2) | - | (2) |
| Pelarasan pada Lebihan/(Kurangan) Terkumpul (Nota 25) | - | - | - | - | (502,248) | (502,248) |
| Baki Pada 31 Disember 2015 - Dinyatakan Semula | 2,212,803 | 4,000,000 | 1,000,000 | 2 | 231,538,515 | 238,751,320 |

Nota-Nota Di Muka 153 Hingga 172 Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | Lebihan Terkumpul | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| PERBADANAN PUTRAJAYA | | | | | |
| 2016 | | | | | |
| Baki Pada 1 Januari 2016 | 2,212,803 | 4,000,000 | 1,000,000 | 243,522,604 | 250,735,407 |
| Lebihan /(Kurangan) Pendapatan bagi tahun | - | - | - | (67,238,269) | (67,238,269) |
| Lebihan/(Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 22) | (44,490) | - | - | - | (44,490) |
| Pelarasan pada Lebihan/(Kurangan) Terkumpul (Nota 25) | - | - | - | 44,490 | 44,490 |
| Baki Pada 31 Disember 2016 | 2,168,313 | 4,000,000 | 1,000,000 | 176,328,825 | 183,497,138 |
| 2015 | | | | | |
| Baki Pada 1 Januari 2015 - Dinyatakan Semula | 2,222,436 | 4,000,000 | 1,000,000 | 328,784,488 | 336,006,924 |
| Lebihan /(Kurangan) Pendapatan bagi tahun | - | - | - | (85,600,889) | (85,600,889) |
| Lebihan/(Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 22) | (9,633) | - | - | - | (9,633) |
| Pelarasan pada Lebihan/(Kurangan) Terkumpul (Nota 25) | - | - | - | 339,005 | 339,005 |
| Baki Pada 31 Disember 2015 - Dinyatakan Semula | 2,212,803 | 4,000,000 | 1,000,000 | 243,522,604 | 250,735,407 |

Nota-Nota Di Muka 153 Hingga 172 Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | Nota | KUMPULAN 2016 RM | KUMPULAN 2015 RM | PERBADANAN PUTRAJAYA 2016 RM | PERBADANAN PUTRAJAYA 2015 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | | | | |
| LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI | | (64,259,108) | (86,442,280) | (67,238,269) | (85,600,889) |
| PELARASAN BAGI: | | | | | |
| BANTUAN KEWANGAN YANG DIIKTIRAF | | - | (32,073,975) | - | - |
| GERAN HASIL | | (62,115,170) | (77,003,576) | (62,115,170) | (77,003,576) |
| KEUNTUNGAN SIMPANAN TETAP TERAKRU | | (3,172,169) | (5,809,033) | (3,172,169) | (5,808,669) |
| MUHIBAH | | 53,856 | - | - | - |
| BELANJA HUTANG RAGU | | 698,902 | 65,298 | 517,445 | 26,093 |
| SUSUTNILAI | | 68,895,854 | 83,040,451 | 67,416,729 | 82,292,616 |
| HAPUSKIRA HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN | | 76,405 | 34,079 | 76,405 | 34,079 |
| HAPUSKIRA PENGHUTANG | | 192,344 | (36,988) | 192,344 | - |
| PELARASAN TAHUN- TAHUN SEBELUM | | 329,372 | - | 329,372 | - |
| PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA | | 1,978,190 | - | 1,978,190 | - |
| ROSOTNILAI ASET PELABURAN | | - | (999,998) | - | (999,998) |
| LAIN- LAIN PERBELANJAAN | | - | (5,584,334) | - | - |
| PERBELANJAAN BUKAN MODAL DARI KERJA DALAM KEMAJUAN | | 23,000 | 14,321 | 23,000 | 14,321 |
| ASET TIDAK DIMODALKAN DARI KERJA DALAM KEMAJUAN | | 268,285 | - | 268,285 | - |
| LEBIHAN JUALAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN | | (27,233) | (66,156,214) | (27,233) | (66,156,214) |
| PERTUKARAN WANG ASING | | | (3,674) | - | - |
| | | (57,057,472) | (190,955,923) | (61,751,071) | (153,202,237) |
| PERUBAHAN MODAL KERJA: | | | | | |
| PELBAGAI PENGHUTANG | | (89,567,233) | 37,289,299 | (76,833,245) | 45,371,411 |
| PENGHUTANG PINJAMAN | | 12,443 | (59,049) | 12,443 | (59,049) |
| BAYARAN TERDAHULU & DEPOSIT | | 14,600,840 | 6,818,864 | 14,600,840 | 6,818,864 |
| STOK | | 1,711 | (1,033,441) | (42,547) | 78,868 |
| PELBAGAI PEMIUTANG | | 14,038,238 | (9,291,197) | (822,827) | (23,589,623) |
| CAGARAN DITERIMA | | 788,945 | 3,878,320 | (1,623,791) | 3,878,320 |
| CUKAI DITERIMA | | (1,466,641) | (659,532) | (1,466,641) | (659,532) |
| CUKAI DIBAYAR | | 18,307,469 | 10,868,977 | 18,901,711 | 11,303,766 |
| FAEDAH DIBAYAR | | - | 364 | - | - |
| TUNAI BERSIH DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI OPERASI | | (100,341,700) | (143,143,318) | (109,025,128) | (110,059,212) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | | | | |
| MODAL SAHAM | | 120,000 | 10,299,904 | 20,000 | 2,700,002 |
| BELIAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN | | (9,548,657) | (6,144,869) | (2,364,016) | (3,637,234) |
| PEROLEHAN DARI JUALAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN | | 373,287 | 70,551,147 | 373,287 | 70,551,147 |
| PELABURAN KE ATAS SYARIKAT SUBSIDIARI | | (7,040,001) | - | (7,040,001) | - |
| BAYARAN BALIK KEPADA PERBADANAN-JUALAN PELABURAN | | (7,120,000) | - | - | - |
| TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | (23,215,371) | 74,706,182 | (9,010,730) | 69,613,915 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | | | | |
| TERIMAAN TERDAHULU | | 1,622,410 | 7,446,397 | 1,622,410 | 7,446,397 |
| PEMBIAYAAN KENDERAAN | | 418,032 | 502,543 | 418,032 | 502,543 |
| PEMBIAYAAN KOMPUTER | | 165,085 | 186,250 | 165,085 | 186,250 |
| TERIMAAN BAGI PIHAK AGENSI LAIN | | (548,820) | (156,824) | (548,820) | (156,824) |
| PEMBIAYAAN SEWA BELI | | (92,830) | (120,422) | - | - |
| PEMIUTANG WANG TAHANAN PEMBANGUNAN | | (13,027,245) | (63,595,036) | (13,027,245) | (63,595,036) |
| TERIMAAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN | | 25,479,250 | 84,610,000 | 25,479,250 | 84,610,000 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | | (22,274,094) | (41,722,166) | (22,274,094) | (41,722,166) |
| GERAN KHAS | | (62,581,014) | 99,785,879 | (62,581,014) | 69,839,582 |
| BAYARAN BALIK SEWA BELI PEMIUTANG | | - | (281,388) | - | - |
| TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | (70,839,226) | 86,655,233 | (70,746,396) | 57,110,746 |
| PENAMBAHAN/PENURUNAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | | (194,396,297) | 18,218,097 | (188,782,254) | 16,665,449 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | | 521,236,271 | 503,018,174 | 501,172,501 | 484,507,052 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN | 44 | 326,839,974 | 521,236,271 | 312,390,247 | 501,172,501 |

Nota-Nota Di Muka 153 Hingga 172 Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### 1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Putrajaya ( Perbadanan ) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Putrajaya 1995 ( Akta 536 ), berkuat kuasa mulai 1 Mac 1996. Objektif utama Perbadanan ini ialah untuk mentadbir dan mengurus kawasan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

Perbadanan Putrajaya telah diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan pejabat operasi utama Perbadanan Putrajaya adalah:

Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana
Presint 3
62675 Putrajaya

Jumlah pekerja Perbadanan Putrajaya pada akhir tahun kewangan adalah 849 orang (2015: 863).

Penyata Kewangan Disatukan Perbadanan Putrajaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah dibentang dan diluluskan melalui Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 3 tahun 2017 yang telah bersidang pada 15 Jun 2017.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a. Asas Perakaunan.

Akaun-akaun ini telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah dengan mengambil kira kehendak undang-undang dan mematuhi Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Pada tahun-tahun sebelumnya, akaun-akaun Perbadanan Putrajaya telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS). Kesan kewangan pada peralihan kepada MPERS dinyatakan dalam Nota 48.

b. Asas Penyatuan Akaun.

Penyata kewangan disatukan termasuk Penyata Kewangan Perbadanan dan Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari yang disediakan pada akhir tempoh perakaunan. Syarikat Subsidiari merujuk kepada syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal polisi kewangan dan pengurusan bagi mendapatkan faedah daripada aktiviti anak-anak syarikat. Syarikat Subsidiari disatukan dari tarikh pemindahan kawalan kepada Kumpulan dan tidak lagi bersatu dari tarikh tamat kawalan tersebut.

Subsidiari-subsidiari disatukan mengikut kaedah perakaunan pemerolehan. Di bawah kaedah pemerolehan, keputusan anak-anak syarikat yang diperolehi atau dijual dalam tahun kewangan dari tarikh pemerolehan sehingga tarikh penjualan diambilkira dalam penyatuan kewangan. Pada tarikh pemerolehan, nilai saksama bagi aset bersih anak-anak syarikat ditentukan dan nilai ini dinyatakan dalam Penyata Kewangan Disatukan. Semua urusniaga antara Kumpulan, baki-baki, keuntungan dan kerugian yang belum direalisasi daripada urusniaga antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dihapuskan.

c. Pengiktirafan Pendapatan.

Pendapatan cukai taksiran, sumbangan bantu kadar, sewaan, keuntungan simpanan tetap/semasa, faedah/keuntungan pinjaman/pembiayaan kenderaan/komputer diambilkira berdasarkan asas akruan .

Manakala pendapatan lesen dan permit, fi rancang dan proses, jualan, pendapatan perkhidmatan, kompaun dan denda di ambilkira berdasarkan asas tunai.

Pemberian daripada kerajaan bagi maksud belanja kendalian termasuk Terimaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya adalah diambil kira sebagai pendapatan dalam tahun berkenaan untuk memadankan pemberian tersebut secara sistematik dengan belanja kendalian yang perlu ditanggung.

Manakala pemberian bagi tujuan pembelian harta modal dan kegunaan di masa hadapan adalah dianggap sebagai geran tertunda. Geran yang menyumbang pampasan kepada Kumpulan untuk kos aset dikenalpasti sebagai geran hasil dalam jangka hayat berguna aset tersebut.

Kumpulan Wang Pembangunan merujuk kepada wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan perlaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia  jangka panjang. Projek yang akan diserahkan kepada Perbadanan Putrajaya kelak akan di kenalpasti sebagai Aset Dalam Binaan dan pendapatan tertunda.

Geran Khas merupakan wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud tertentu yang diambilkira sebagai pendapatan tertunda.

d. Hartanah, Loji & Peralatan

Tanah-tanah milik kekal Perbadanan dinyatakan pada kos dan tiada pelunasan dibuat bagi tanah pegangan milik kekal Perbadanan. Polisi ini dikekalkan dengan pindaan penilaian semula tanah dilakukan sekali dalam tempoh sepuluh (10) tahun mulai tahun kewangan 2011 selaras dengan keputusan Mesyuarat Anggota Bil. 3 Tahun 2010. Tanah yang diambil dengan biayaan Kumpulan Wang Pembangunan dan hak milik tanah berkenaan adalah atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan adalah tidak dimodalkan sebagai harta Perbadanan.

Tanah-tanah yang dipajakkan kepada Perbadanan dinyatakan pada kos dan dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Kelas aset Tasik dan Wetland dan kelas aset Hidupan telah diwujudkan dan tiada susutnilai bagi aset yang dipermodalkan dibawah kelas-kelas aset ini.

Aset Dalam Binaan adalah kos-kos yang dibelanjakan bagi pembangunan projek-projek dan akan dipermodalkan kepada kelas aset yang sewajarnya setelah projek-projek siap. Tiada susutnilai dikenakan ke atas Aset Dalam Binaan.

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul. Mesyuarat Anggota Bil 2 Tahun 2015 telah meluluskan perolehan aset bernilai RM5,000 dan ke atas seunit diambilkira sebagai harta modal/aset tetap dan dikenakan susutnilai ke atasnya dan aset yang bernilai RM500 ke RM4,999 seunit adalah tidak dipermodalkan. Sementara aset yang tamat tempoh hayatnya, aset tersebut dinilai sebagai RM1.

Susutnilai dan pelunasan bagi aset dikira mengikut garis lurus untuk melupuskan kos, berasaskan

tempoh hayat kegunaannya. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| Tanah Pajakan | : | Dilunas Mengikut Tempoh Pajakan |
| Bangunan Sementara | : | 10% |
| Bangunan | : | 2% |
| Loji Dan Jentera | : | 20% |
| Peralatan | : | 20% |
| Perabot Dan Kelengkapan | : | 10% |
| Kenderaan | : | 20% |
| Komputer | : | 20% |
| Buku | : | 10% |
| Infrastruktur | : | 4% |

Kadar susutnilai bangunan sementara adalah 10% kerana kegunaannya adalah sementara dan anggaran hayatnya ialah untuk tempoh 10 tahun.

Keuntungan / kerugian dari pelupusan aset dicajkan terus kepada Penyata Pendapatan Komprehensif.

e. Rosotnilai Aset

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan mengkaji aset-aset untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset-aset tersebut mengalami penurunan nilai. Sekiranya terdapat tanda sedemikian, penurunan nilai diukur dengan membandingkan nilai aset yang ada dengan jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih dan nilai dalam kegunaan yang diukur melalui rujukan kepada ramalan aliran tunai berdiskaun.

Sebarang penurunan nilai dikira pada penyata pendapatan komprehensif dengan serta-merta, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah yang dinilai semula. Sebarang penurunan aset yang dinilai semula dilayan sebagai penurunan nilai sehingga ke tahap jika terdapat pengiktirafan lebihan penilaian untuk aset yang sama. Penurunan nilai yang sebaliknya, yang diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya direkodkan apabila terdapat petunjuk bahawa penurunan nilai untuk aset tersebut tidak lagi wujud atau telah berkurangan.

f. Stok

Stok dinyatakan pada nilai yang terendah di antara harga kos dan nilai pasaran bersih. Stok dinilai pada kos purata wajaran.

Nilai pasaran bersih adalah anggaran harga pasaran pada kegiatan perniagaan biasa ditolak kos penyempurnaan dan perbelanjaan jualan.

g. Cukai Pendapatan

Tiada peruntukan telah dibuat bagi cukai pendapatan kerana Perbadanan Putrajaya telah mendapat pengecualian cukai pendapatan daripada Kementerian Kewangan.

h. Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat berkaitan diberi oleh kakitangan. PPj juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat dan saguhati penghargaan persaraan bagi pekhidmat tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekhidmat kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek. Saguhati penghargaan persaraan adalah bernilai RM5,000 setiap seorang dalam bentuk pakej pelancongan yang diberikan kepada pesara PPj yang telah berkhidmat dengan PPj sekurang-kurangnya 15 tahun.

(ii) Pelan Caruman Tetap

Menurut keperluan undang-undang, Kumpulan menyumbang kepada Skim Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman-caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif, apabila dibelanjakan.

(iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Berdasarkan keperluan Seksyen 28, MPERS – Manfaat Pekerja, yang mana bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Tahun Semasa sebagai perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekhidmat yang telah mencapai umur persaraan wajib dengan andaian seorang pekhidmat layak mengumpul cuti tahunan sehingga maksima 150 hari semasa ianya bersara.

i. Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan kumpulan adalah bagi memastikan ianya mempunyai sumber-sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Kumpulan membiayai operasinya dengan geran kerajaan, dan dana dalaman di mana ia tidak terdedah kepada risiko kewangan.

Polisi Kumpulan bagi aktiviti yang berisiko kewangan adalah seperti berikut :-

(i) Risiko Pelaburan

Y.B Menteri Wilayah Persekutuan telah memberi mandat kepada Perbadanan Putrajaya agar aset tunai yang tidak dibelanjakan dilaburkan kepada Institusi Kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

(ii) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

